LAPORAN TAHUNAN 2022

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Kandungan

		MUKA SURAT
BAB 1	**PROFIL UNIVERSITI**	
1.1	Misi, Visi, Nilai Teras, Objektif dan Matlamat & Falsafah	3
1.2	Sekilas Pandang	4
1.3	Canselor	5
1.4	Pro Canselor	7
1.5	Lembaga Pengarah Universiti	9
1.6	Pegawai Utama Universiti	10
1.7	Ahli Senat	11
1.8	Ketua Jabatan	15
1.9	Struktur Organisasi	17
BAB 2	**PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH**	19
BAB 3	**LAPORAN NAIB CANSELOR**	22
BAB 4	**PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA**	
4.1	Teras : Pengukuhan Akademik	33
4.2	Teras : Pemerkasaan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan	34
4.3	Teras : Kesejahteraan Pelajar	35
4.4	Teras : Pengantarabangsaan	36
4.5	Teras : Libat Sama Dan Pembangunan Komuniti	36
4.6	Teras : Kecemerlangan Bakat	37
4.7	Teras : Pemantapan Infrastruktur	38
4.8	Teras : Kelestarian Kewangan	39

		MUKA SURAT
BAB 5	**SUMBER MANUSIA**	
5.1	Perjawatan	41
5.2	Kenaikan Pangkat	42
5.3	Perkhidmatan dan Saraan	42
5.4	Rekod dan Pasca Perkhidmatan	43
5.5	Pelan Penggantian	45
5.6	Latihan dan Pengukuhan Bakat	48
5.7	Kemajuan Kerjaya	51
BAB 6	**HAL EHWAL AKADEMIK**	
6.1	Bilangan Program Pengajian Yang Ditawarkan oleh UniMAP	55
6.2	Enrolmen Pelajar	57
6.3	Enrolmen Pelajar Antarabangsa	58
6.4	Statistik Graduan 2022	61
6.5	Pelajar Antarabangsa	64
6.6	iGOT	64
6.7	Enrolmen Graduan	65
6.8	Pembelajaran Dalam Talian	65
6.9	Profesor Adjung, Pemeriksa Luar dan Panel Penasihat Industri	67
6.10	Syarahan / Seminar / Persidangan	70
6.11	Penilaian Akreditasi Di Bawah Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)	73
6.12	Status Akreditasi Program Prasiswazah UniMAP	77
6.13	Pengiktirafan Dalam Bidang Profesional	77



Kandungan

		MUKA SURAT
BAB 7	**PENGANTARABANGSAAN**	
7.1	Mobiliti Staf 'Outbound'	79
7.2	Mobiliti Staf 'Inbound'	79
7.3	Senarai Program Mobiliti	83
7.4	Lawatan UniMAP ke Universiti/ Institusi Luar Negara	86
7.5	Lawatan Universiti/Institusi Luar Negara ke UniMAP	89
BAB 8	**PENYELIDIKAN DAN INOVASI**	
8.1	Geran Penyelidikan	93
8.2	Pencapaian Inovasi dan Pengkomersialan	94
8.3	Pendaftaran Perlindungan Harta Intelek	95
BAB 9	**KECEMERLANGAN MAHASISWA DAN PEMERKASAAN ALUMNI**	
9.1	Ringkasan Kejayaan dan Pencapaian Tahun 2022	99
9.2	Kesenian, Kebudayaan dan Bakat	100
9.3	Pencapaian Sukan	104
9.4	Penajaan Biasiswa	110
9.5	Laporan Tahunan Pillars	111
9.6	Laporan Tabung Dedikasi	111
9.7	Pinjaman dan Kebajikan	112
9.8	Aktiviti Pelajar	115
9.9	Kursus/Latihan, Kepimpinan dan Kesukarelawan	117
9.10	Alumni UniMAP	119
BAB 10	**PENERBITAN**	
10.1	Pengenalan Penerbitan	125
10.2	Anugerah Penerbitan Buku	132
10.3	Pemasaran dan Penjualan Bahan Terbitan	132
BAB 11	**KERJASAMA DAN HUBUNGAN LUAR**	
11.1	Memorandum Persefahaman (MoU) 2022	137
11.2	Memorandum Perjanjian (MoA) 2022	142
11.3	Surat Hasrat (LoI) 2022	144
BAB 12	**KEUSAHAWANAN, JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT**	
12.1	Laporan Kebolehpasaran Graduan	147
12.2	Aktiviti Hubungan Industri	159
12.3	Program Keusahawanan	167
12.4	Pencapaian Teras Kesejahteraan Pelajar UniMAP 2022	168
BAB 13	**TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI**	175
BAB 14	**PRASARANA INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR**	
14.1	Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra dan Hala Tuju Masa Hadapan	179
14.2	Pencapaian Perkhidmatan Pengurusan dan Pembangunan Digital	182
14.3	Pembangunan Kampus	197
BAB 15	**AUDIT DALAMAN**	
15.1	Pengenalan Audit Dalam	203
15.2	Jawatankuasa Audit	203
BAB 16	**LAPORAN KEWANGAN**	
16.1	Laporan Prestasi Kewangan Tahun 2022	207
16.2	Penyata Kewangan UniMAP bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022	216





BAB 1

PROFIL UNIVERSITI

1.1 Misi, Visi, Nilai Teras, Objektif dan Matlamat & Falsafah
1.2 Sekilas Pandang
1.3 Canselor
1.4 Pro Canselor
1.5 Lembaga Pengarah Universiti
1.6 Pegawai Utama Universiti
1.7 Ahli Senat
1.8 Ketua Jabatan
1.9 Struktur Organisasi



1.1 Misi, Visi, Nilai Teras, Objektif dan Matlamat & Falsafah

MISI

- Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

VISI

- Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.

NILAI TERAS

- ILMU
- KEIKHLASAN
- KECEMERLANGAN

OBJEKTIF

PELAJAR :
Untuk membangunkan pemimpin masa depan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA / MTUN :
Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

KOMUNITI :
Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

FAKULTI DAN STAF :
Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.

PENYELIDIKAN:
Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusiawi.

BUDAYA KAMPUS :
Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampanan.

PEMBANGUNAN BANGSA :
Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.

MATLAMAT & FALSAFAH

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada lab-intensive dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.

1.2 SEKILAS PANDANG

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Universiti Awam ke -17 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis. Naib Canselornya yang pertama, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. UniMAP mempunyai tiga kampus utama iaitu di bandar Kangar, di Pauh Putra serta di Sungai Chuchuh.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarnya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 116 orang. Kini UniMAP telah mempunyai seramai **11,280** pelajar, iaitu terdiri daripada **9,726** pelajar Program Ijazah Sarjana Muda, **1,554** pelajar Program Diploma dan **1,118** pelajar Program Pascasiswazah. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki **2,113** staf, iaitu terdiri daripada **1128** staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), **222** staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan **763** staf Kumpulan Pelaksana.

Secara umumnya, UniMAP ditubuhkan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi pelan perindustrian negara. Program pengajian yang ditawarkan di UniMAP merangkumi pelbagai bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang bertujuan menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. UniMAP juga menawarkan program pengajian alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktikal. UniMAP ialah salah satu daripada empat buah universiti awam dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (Bahasa Inggeris : Malaysian Technical University Network (MTUN).

UniMAP menawarkan program akademik yang bukan sahaja diiktiraf oleh MQA dan badan-badan akreditasi yang berkenaan tetapi juga program yang memenuhi kehendak pasaran dan pemegang taruh. Program akademik yang ditawarkan menggunakan kurikulum yang holistik yang memberi penekanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pengalaman.

UniMAP turut menubuhkan Pusat TVET UniMAP yang disokong 10 makmal industri dengan set kemahiran yang selari dengan industri perlukan. UniMAP sentiasa berusaha mengambil pelbagai inisiatif bagi melahirkan mahasiswa universiti yang berupaya memenuhi kehendak industri memandangkan industri sentiasa memerlukan tenaga kerja yang kompeten serta bersedia bekerja dengan kemahiran yang diperlukan.



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

1.3 CANSELOR



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.
Doctor of Education (Honoris Causa), La Trobe University Melbourne, Australia
Honorary Doctorate in Management Sciences, Yala Rajabhat University, Thailand

RAJA MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumahtangga dengan DYTM Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke–12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan pelantikkan tersebut, pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'- Dato' Perlis. Selain itu, baginda juga telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat baginda amat dikasihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

1.4 PRO CANSELOR



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU DR. HAJAH LAILATUL SHAHREEEN AKASHAH KHALIL

S.P.M.P
Honoris Causa in Health Sciences
Universidad Nacional Pedro Henriquez Ureña. DR.

RAJA PUAN MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watikah pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akasah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall – Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni, baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan renang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehingga tahun 1995, baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas baginda di luar negara, iaitu hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diisytiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.

Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengerusi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliahi sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai Pro Canselor, baginda amat prihatin dalam apa jua yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.

1.5 LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



1
YM. Raja Dato' Azwane Raja Ariff
PENGERUSI



2
Prof. Dato Ts. Dr. Zaliman bin Sauli
NAIB CANSELOR



3
Dr. Wan Baharudin bin Wan Mahmood
AHLI
(Mulai 12 September 2022)



4
Encik Md. Farishzan bin Ismail
AHLI



5
Pn. Azhani binti Ali
AHLI
(Mulai 17 Oktober 2022)



6
Prof. Dr. Khairul Azwan bin Ismail
AHLI
(Mulai 9 Mei 2022)



7
Dato' Sri Syed Saleh bin Syed Abdul Rahman
AHLI



8
Encik Zainal Azni bin Zulkifli
AHLI



9
Puan Norleza bin Abu Bakar
AHLI



10
Haji Mohd Saad bin Din
Pendaftar
SETIAUSAHA

MANTAN

1
Prof. Ir. Dr. Anuar bin Mat Safar
(Sehingga 28 Februari 2022)

2
Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot
(Sehingga 17 Julai 2022)

3
Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub
(Sehingga 4 Disember 2022)

1.6 PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



1
Prof. Dato Ts. Dr. Zaliman bin Sauli
NAIB CANSELOR



2
Prof. Dr. Mohd Yusoff bin Mashor
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(Akademik & Antarabangsa)
(Mulai 1 Mac 2022)



3
Prof. Ir. Dr. Rizalafande bin Che Ismail
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(Penyelidikan Dan Inovasi)



4
Prof. Dr. Mohd Fo'ad bin Sakdan
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



5
Haji Mohd Saad bin Din
PENDAFTAR



6
Encik Rusdi bin Puteh
BENDAHARI



7
Puan Mazmin binti Mat Akhir
KETUA PUSTAKAWAN



8
Encik Zainudin bin Zainon
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

1.7 AHLI SENAT



1

PENGERUSI
Prof. Dato Ts. Dr. Zaliman bin Sauli
(Mulai 1 Ogos 2022)



2

TIMBALAN NAIB CANSELOR
(Penyelidikan & Inovasi)
Prof. Dr. Mohd Yusoff bin Mashor
(Mulai 1 Mac 2022)



3

TIMBALAN NAIB CANSELOR
(Penyelidikan & Inovasi)
Prof. Ir. Dr. Rizalafande bin Che Ismail



4

TIMBALAN NAIB CANSELOR
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Prof. Dr. Mohd Fo'ad bin Sakdan



5

Prof. Ir. Ts. Dr. Abu Hassan bin Abdullah
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK
(Mulai 1 September 2022)



6

Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry bin Abdul Majid
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MEKANIKAL
(Mulai 1 September 2022)



7

Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Albakri bin Abdullah
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI KIMIA
(Mulai 1 September 2022)



8

Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah binti Za'aba
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRONIK
(Mulai 1 September 2022)



9

Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner bin Abidin
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI AWAM
(Mulai 1 September 2022)



10

Prof. Madya Dr. Tunku Salha binti Tunku Ahmad
DEKAN FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI
(Mulai 1 September 2022)



11

Dr. Maz Jamilah binti Masnan
PENGARAH INSTITUT MATEMATIK KEJURUTERAAN
(Mulai 1 September 2022)



12

Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Mahyiddin bin Ramli
PENGARAH INSTITUT KEJURUTERAAN NANO ELEKTRONIK
(Mulai 1 September 2022)

PROFESSOR



13

Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon
PROFESOR FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI



14

Prof. Dato' Dr. Ali Yeon bin Md Shakaff
PROFESOR INSTITUT AGROTEKNOLOGI LESTARI



15

Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid bin Syed Junid
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRONIK



16

Prof. Dr. Abdul Hamid bin Adom
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK



17

Prof. Dr. Prabakaran a/l Poopalan
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRONIK



18

Prof. Dr Abdullah bin Chik
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI KIMIA
(Mulai 10 Februari 2022)



19

Prof. Ir. Dr. Hazry bin Desa
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK
(Mulai 10 Februari 2022)



20

Prof. Dr. Khairul Azwan bin Ismail
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MEKANIKAL
(Mulai 10 Februari 2022)



21

Prof. Ir. Ts. Dr. Wan Khairunizam bin Wan Ahmad
PROFESOR FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK
(Mulai 10 Februari 2022)

DI KO-OPT



22

Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam bin Daud
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK



23

Prof. Madya Ts. Dr. Rozyanty binti Rahman
PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH



24

Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul bin Hamidin
PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL & PEMBELAJRAN BERTERUSAN



25

Prof. Madya Dr. Naimah binti Ibrahim
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & INOVASI
(Mulai 12 Disember 2022)



26

Saudari Nur Husnina Miza binti Mazlan
TIMBALAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
(Mulai 1 Februari 2022)

EX-OFFICIO



27

Hj. Mohd Saad bin Hj. Din
PENDAFTAR



28

Encik Rusdi bin Puteh
BENDAHARI



29

Puan Mazmin binti Mat Akhir
KETUA PUSTAKAWAN



30

Encik Zainudin bin Zainon
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

MANTAN AHLI SENAT

1. **Prof. Dr. Salleh bin Abd Rashid**
   DEKAN FAKULTI SAINS GUNAAN & KEMANUSIAAN
   (Sehingga 11 Mei 2022)

2. **Prof. Dr. Uda bin Hashim**
   PROFESOR INSTITUT KEJURUTERAAN NANO ELEKTRONIK
   (Sehingga 1 Oktober 2022)

3. **Prof. Madya Dr. Haziah binti Abd. Hamid**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
   (Sehingga 31 Ogos 2022)

4. **Prof. Madya Ts. Dr. Azremi bin Abdullah Al Hadi**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
   (Sehingga 31 Ogos 2022)

5. **Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal bin Hamzah**
   MENJALANKAN FUNGSI DEKAN FAKULTI SAINS GUNAAN & KEMANUSIAAN
   (Sehingga 31 Ogos 2022)

6. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil bin Ahmad**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMIA
   (Sehingga 31 Ogos 2022)

7. **Prof. Madya Ts. Dr. Afizah binti Ayob**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AWAM
   (Sehingga 31 Ogos 2022)

8. **Prof. Ir. Dr. Mohd Khairuddin bin Md Arshad**
   PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
   (Sehingga 31 Ogos 2022)

9. **Encik Ahmad Akif Syakirin Mohd Adnan**
   YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
   (Tamat Pengajian pada September 2022)

1.8 KETUA JABATAN

1. **Prof. Ir. Dr. Abu Hassan bin Abdullah**
   DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK
   (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

2. **Prof. Madya Dr. Haziah binti Abdul Hamid**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
   (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

3. **Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah binti Za'aba**
   DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRONIK
   (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

4. **Prof. Madya Dr. Azremi bin Abdullah Al Hadi**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
   (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

5. **Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry bin Abdul Majid**
   DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MEKANIKAL

6. **Prof. Ts. Dr. Mohd. Mustafa Albakri bin Abdullah**
   DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI KIMIA
   (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

7. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil bin Ahmad**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMIA
   (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

8. **Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner bin Abidin**
   DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI AWAM
   (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

9. **Prof. Madya Dr. Afizah binti Ayob**
   DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AWAM
   (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

10. **Prof. Madya Dr. Tunku Salha binti Tunku Ahmad**
    DEKAN FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

11. **Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal bin Hamzah**
    MENJALANKAN FUNGSI DEKAN
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

12. **Prof. Dr. Salleh bin Abdul Rashid**
    DEKAN FAKULTI SAINS GUNAAN & KEMANUSIAAN
    (Pelantikan Sehingga 11 Mei 2022)

13. **Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon**
    PENGARAH KANAN PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

14. **Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon**
    PENOLONG NAIB CANSELOR PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

15. **Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam bin Daud**
    PENGARAH PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK

16. **Prof. Madya Dr. Rozyanty binti Rahman**
    PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

17. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin bin Md Arshad**
    PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

18. **Dr. Maz Jamilah binti Masnan**
    PENGARAH INSTITUT MATEMATIK KEJURUTERAAN
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

19. **Prof. Madya Ts. Dr. Azremi bin Abdullah Al Hadi**
    PENGARAH PUSAT TVET UniMAP
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

20. **Prof. Ir. Dr. Wan Khairunizam bin Wan Ahmad**
    PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN LESTARI

21. **Prof. Dr. Salleh bin Abd Rashid**
    PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN LESTARI
    (Pelantikan Sehingga 14 Januari 2022)

22. **Prof. Madya Ir. Dr. Umi Fazara binti Md. Ali**
    PENGARAH PUSAT LIBATSAMA ANTARABANGSA
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

23. **Prof. Madya Dr. Tunku Salha binti Tunku Ahmad**
    PENGARAH PUSAT LIBATSAMA ANTARABANGSA
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

24. **Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul bin Hamidin**
    PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL & PEMBELAJARAN BERTERUSAN

25. **Prof. Madya Dr. Naimah binti Ibrahim**
    PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

26. **Prof. Madya Ts. Dr. Fathinul Syahir bin Ahmad Sa'ad**
    PENGARAH PUSAT INOVASI & PENGKOMERSIALAN
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

27. **Puan Haslina binti Hassan Basri**
    PENGARAH PUSAT INOVASI & PENGKOMERSIALAN
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

28. **Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Mahyiddin bin Ramli**
    PENGARAH INSTITUT KEJURUTERAAN NANO ELEKTRONIK
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

29. **Prof. Dr. Uda bin Hashim**
    PENGARAH INSTITUT KEJURUTERAAN NANO ELEKTRONIK
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

30. **Prof. Madya Dr. Muhammad Imran bin Ahmad**
    PENGARAH INSTITUT AGROTEKNOLOGI LESTARI
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

31. **Prof. Ir. Dr. Abu Hassan bin Abdullah**
    PENGARAH INSTITUT AGROTEKNOLOGI LESTARI
    (Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

32. **Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi bin Ahmad**
    PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN
    (Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

33 **Prof. Madya Dr. Khairul Azwan bin Ismail**
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

34 **Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura binti Zakarya**
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN TENAGA & KAMPUS LESTARI
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

35 **Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah binti Za'aba**
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN TENAGA & KAMPUS LESTARI
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

36 **Encik Zulhillizan bin Othman**
PENGARAH PENERBIT UniMAP
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

37 **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz bin Fazalul Rahiman**
PENGARAH PENERBIT UniMAP
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

38 **Encik Norazam bin Abdul Rashid**
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN & PERSEKITARAN PEKERJAAN

39 **Ir. Dr. Razaidi bin Hussin**
PENGARAH PUSAT KERJASAMA INDUSTRI & AGENSI KERAJAAN
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

40 **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Arif Anuar bin Mohd Salleh**
PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN & PERKHIDMATAN PELAJAR
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

41 **Prof. Madya Dr. Muzammil bin Jusoh**
PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN & PERKHIDMATAN PELAJAR
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

42 **Dr. Mahyun binti Ab Wahab**
PENGARAH PUSAT KEBUDAYAAN
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

43 **Encik Tengku Kastriafuddin Shah bin Tengku Yaakob**
PENGARAH PUSAT KEBUDAYAAN
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

44 **Prof. Madya Ts. Dr. Nik Noriman bin Zulkepli**
PENGARAH PUSAT KO-KURIKULUM
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

45 **Puan Wan Saniah binti Wan Yahya**
PENGARAH PUSAT KAUNSELING

46 **Encik Nazmizan bin Muhammad**
PENGARAH PUSAT SUKAN & REKREASI
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

47 **Encik Suhizaz bin Sudin**
PENGARAH PUSAT SUKAN & REKREASI
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

48 **Dr. Noradina binti Nordin**
PEMANGKU PENGARAH PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

49 **Prof. Dr. Mohd Fo'ad bin Sakdan**
PENGARAH PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

50 **Dr. Khairul Anwar bin Abdul Halim**
PENGARAH PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

51 **Dr. Mohd Zakimi bin Zakaria**
PENGARAH PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

52 **Puan Noora binti Md. Yusoff**
PENGARAH PUSAT PERUMAHAN PELAJAR
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

53 **Puan Mashitoh binti Abu**
PENGARAH PUSAT PERUMAHAN PELAJAR
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

54 **Prof. Madya Dr. Mohd Najmuddin bin Mohd Hassan**
PENGARAH PUSAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN & KEUSAHAWANAN
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

55 **Puan Normiza binti Othman**
PENGARAH PEJABAT AUDIT DALAM
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

56 **Encik Zulfatah bin Dzulkarnain**
PENGARAH PEJABAT AUDIT DALAM
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

57 **Prof. Madya Dr. Hanum binti Hassan**
PENGARAH INSTITUT KAJIAN STRATEGIK & KOMUNITI
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

58 **Encik Muhammad Adib bin Hassan**
PENGARAH PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

59 **Ts. Nasrudin Bin Abd Shukor**
PENGARAH PUSAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN DIGITAL

60 **Dr. Nor'izah Binti Ahmad**
PENGARAH PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT
(Pelantikan Berkuatkuasa 1 September 2022)

61 **Cik Sharmila Bt Saidin**
PENGARAH PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

62 **Encik Mustaffa Bin Ismail**
PENGARAH JABATAN KESELAMATAN
(Sehingga 1 Oktober 2022)

63 **Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Bin Basah**
PENGARAH PUSAT KEUSAHAWANAN, JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT
(Pelantikan Sehingga 31 Ogos 2022)

1.9 STRUKTUR ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



ILMU . KEIKHLASAN . KECEMERLANGAN

KEMASKINI 1 SEPTEMBER 2022

BAB 2

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI





PERUTUSAN

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

"Sasaran Utama UniMAP Adalah Untuk Menyediakan Perkhidmatan Pendidikan Yang Terbaik Kepada Pemegang Taruh"

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya Buku Laporan Tahunan UniMAP 2022 berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan kepada sidang redaksi dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan UniMAP 2022.

Umum mengetahui bahawa fasa 'Peralihan ke Endemik' telah bermula pada 1 April 2022. Ianya merupakan 'Exit Strategy' yang membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas dua (2) tahun berperang dengan COVID-19. Kekangan SOP dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedikit sebanyak memberikan kesan kepada pelaksanaan program dan aktiviti di Universiti.

Dalam tempoh sepanjang PKP, Universiti telah melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan seterusnya memperkasa pendigitilan pendidikan tinggi, mencakupi pembangunan kandungan digital dan peluasan program Open and Distance Learning (ODL). UniMAP juga telah memantapkan jaringan kolaborasi strategik dengan menjalinkan kerjasama dengan negara- negara luar melalui pemeteraian Memorandum of Understanding (MoU) dan Memorandum of Agreement (MoA) merangkumi bidang akademik, penyelidikan dan lain-lain bagi memenuhi sasaran dan pencapaian teras Perancangan Strategik UniMAP 2025.

UniMAP4Society (U4S) atau Program Tanggungjawab Sosial Universiti merupakan satu tanggungjawab dan agenda universiti dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat melalui program pemindahan ilmu berimpak tinggi yang berteraskan transdisiplin bagi mensejahterakan masyarakat.

Pendekatan transdisiplin memberi ruang yang luas kepada kepelbagaian bidang ilmu yang diintegrasikan bagi menyelesaikan isu dalam masyarakat.

Kerajaan telah menetapkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai antara perkara yang diberi keutamaan dalam membangunkan sumber manusia kepada industri dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi negara. Sebagai Universiti yang berada dalam kelompok *Malaysian Technical University Network* (MTUN), Universiti perlu mengambil peluang berkolaborasi dengan pihak industri untuk melahirkan tenaga kerja teknikal yang berkemahiran tinggi serta berketrampilan, berinovasi dan berpengetahuan selain berupaya menggunakan kemahiran kognitif dan efektif. Ianya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui promosi secara berterusan dan penjenamaan semula secara komprehensif. TVET memberikan penekanan kepada pendidikan sepanjang hayat, iaitu pendidikan berterusan tanpa had umur pembelajaran tertentu agar mampu melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh industri dan negara bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0

Selain itu, UniMAP telah memberi fokus kepada kebolehpasaran graduan. Hampir keseluruhan graduan UniMAP telah berjaya mendapat pekerjaan selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian. Ini membuktikan kebolehpasaran graduan kelulusan TVET semakin meningkat seiring bidang profesional yang lain.

Sasaran utama UniMAP adalah untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan yang terbaik kepada pemegang taruh. Tumpuan khusus mesti diberikan kepada usaha meningkatkan keberkesanan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian serta sistem pengukuran prestasi Universiti yang lebih sistematik. Tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penetapan perancangan serta pelaksanaan Pelan Strategik UniMAP 2025.

Bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan junjung kasih kepada DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail Canselor UniMAP dan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor UniMAP yang telah memainkan peranan besar atas segala sokongan dan sumbangan memartabatkan bidang keilmuan di UniMAP. Ucapan terima kasih juga kepada YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Ahli-ahli Senat Universiti,Pegawai-Pegawai Utama, staf akademik, staf pentadbiran dan pelaksana serta pelajar-pelajar yang telah memberikan sepenuh komitmen dan usaha memajukan Universiti ini.

RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Perlis

BAB 3

LAPORAN NAIB CANSELOR





LAPORAN
NAIB CANSELOR

"Bersama Meningkatkan Kegemilangan UniMAP"

Menyoroti langkah perjalanan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di sepanjang tahun 2022 telah memperlihatkan pelbagai inisiatif dilaksana. UniMAP meneruskan perancangan yang dimulakan pada tahun 2018 dan diselaraskan setiap tahun mengambil kira keperluan dan perubahan persekitaran berlandaskan aspirasi yang digariskan dalam UniMAP 2025. Banyak pencapaian yang membanggakan telah berjaya diraih, di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi. Ia adalah hasil kebersamaan warga UniMAP yang telah bersama-sama memegang janji beriltizam untuk terus maju ke hadapan demi kecemerlangan UniMAP. Tidak kurang juga catatan peristiwa dan kisah yang menjadi sumber mematang dan memantapkan sekaligus memperkukuhkan keutuhan UniMAP.

SUKU PERTAMA 2022

Memegang semangat dan nilai teras UniMAP iaitu Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan yang menjadi teras kekuatan warga UniMAP telah menguji kekuatan semangat berpasukan dalam kalangan kakitangan UniMAP apabila dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan beberapa acara, antaranya:

i) Misi Bantuan Banjir ke Pahang pada 2, 3 dan 10 Januari 2022.
ii) Projek Diraja Kampung Warna-warni Program Transformasi Kg Seberang Ramai Kuala Perlis melalui Program Kg Seberang Ramai Lestari pada 7 Februari 2022.
iii) Majlis Pemasyhuran Canselori Tuanku Syed Sirajuddin UniMAP pada 23 Februari 2022.
iv) Majlis Perasmian Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald pada 28 Februari 2022.
v) Majlis Peletakan Asas Kiblat Projek Pembinaan Masjid & Kompleks Pusat Islam UniMAP pada hari yang sama.
vi) Istiadat Konvokesyen 15 UniMAP pada 5 hingga 8 Mac 2022.

FOKUS 2022

Bertitik tolak sepuluh tema utama yang digariskan dalam ucapan Aspirasi Naib Canselor pada September 2021, ianya terus diberikan penekanan pada tahun 2022 dalam menuju kepada keberhasilan bagi keempat-empat keutamaan yang menjadi fokus pada 2022.

Sepanjang 2022, EMPAT keutamaan menjadi asas kepada semua program, inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan pada tahun tersebut iaitu ***pemerkasaan TVET, kolaborasi strategik, pembangunan komuniti dan kebolehpasaran graduan (GE).***

Dalam hal ini, UniMAP mengambil langkah proaktif untuk memastikan keterlibatan universiti, malah langkah ini bagi membolehkan UniMAP mengetuai dan memacu aktiviti dan inisiatif utama MTVET. UniMAP berhasrat untuk memperkukuhkan kedudukan sebagai pemain utama dalam arena TVET nasional.

Hal ini membawa kepada Keutamaan ke-2 iaitu kolaborasi strategik yang diberi fokus dalam strategi "Memantapkan Jaringan Kolaborasi Strategik". Perkara ini diutamakan dalam menyokong hasrat kerajaan dan sekaligus akan memberi pelbagai manfaat kepada universiti, terutama sekali dari aspek pembangunan pelajar sebagai persediaan untuk alam pasca pengajian tinggi. Pendekatan *Quintuple Helix* menjadi sandaran utama dalam strategi jaringan yang dipelopori UniMAP.

Keutamaan ke-3 ialah pembangunan dan kesejahteraan komuniti, yang menyokong hasrat kerajaan untuk memasyarakatkan universiti. UniMAP sebagai pusat ilmu dan sebuah *learning organization* memikul tanggungjawab tidak hanya menjana ilmu baharu untuk kepentingan para penyelidik universiti sahaja tetapi turut memindah dan berkongsi ilmu tersebut kepada komuniti dan industri untuk manfaat bersama.

Dan Keutamaan ke-4 ialah berkaitan kebolehpasaran graduan atau GE di mana para siswazah UniMAP diberi latihan, pendedahan dan ilmu yang secukupnya untuk membolehkan mereka berdaya saing melalui kerjaya yang mereka ceburi usai pengajian mereka di UniMAP.

Keempat-empat Keutamaan ini menjadi teras kepada UniMAP sebagai sebuah universiti teknikal yang menjunjung amanat kerajaan untuk menyumbang kepada kesejahteraan negara.

1. PEMERKASAAN AKADEMIK & TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

Untuk tahun 2022, UniMAP memberi fokus hal pemerkasaan akademik dan transformasi penyampaian pendidikan. Dalam RMKe-12, TVET dikenal pasti sebagai pemangkin utama bagi pembangunan sosioekonomi Malaysia. Oleh itu, amanah khusus kepada UniMAP ialah sumbangan kepada TVET. Dari segi akademik, objektif utama ialah untuk menjadi institusi TVET yang ternama. Pusat TVET UniMAP dilantik menjadi tulang belakang ke arah transformasi sistem dan ekosistem baharu TVET nasional yang dihasratkan oleh KPT, termasuk melaksanakan *industrial lab*, pensijilan profesional and aktiviti *TVET Unity*.

Usaha memantapkan kualiti program khusus berkaitan program berteraskan TVET telah giat dijalankan. Penawaran program *high-end TVET* atau pun HI-TVET untuk menyumbang kepada peningkatan keupayaan teknikal negara melalui pelaksanaan program peringkat sarjana muda, sarjana teknologi, pemantapan PhD industri dan sebagainya juga tidak terkecuali menjadi hal fokus UniMAP. UniMAP telah menetapkan sasaran 70% bagi penawaran program baharu TVET pada tahun 2025, berbanding 62% untuk tahun 2022 dan ia telah berjaya dicapai. Malah pencapaian-pencapaian lain juga tidak mengecewakan apabila beberapa petunjuk prestasi seperti bilangan kursus/program yang memberi nilai tambah kepada kompetensi pelajar; bilangan aktiviti libat sama dengan rakan strategik dan komuniti TVET antarabangsa dan tempatan; dan banyak lagi melepasi semua sasaran yang telah ditetapkan.

Namun, UniMAP melihat perkara pokok untuk memastikan KPI pemerkasaan akademik dan transformasi penyampaian pendidikan tercapai adalah dengan memastikan pemantapan sumber manusia bermula dari dalam UniMAP, dan juga dari pihak industri melalui inisiatif pelantikan felo industri. Atas dasar itu, program seperti CEO@Faculty diteruskan dan unjuran tahunan setiap program mempunyai libat sama dengan sekurang-kurangnya tiga industri.

UniMAP melalui Jabatan Pendaftar dan Fakulti telah menyenarai semak bagi memastikan tenaga pengajar TVET UniMAP yang dilantik adalah kompeten dan berpengalaman dalam bidang industri agar ianya selari dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh manual akreditasi TVET iaitu *Code of Practice for TVET Programme* (COPTPA). Sasaran UniMAP bagi beberapa kriteria melibatkan tenaga pengajar UniMAP adalah dalam lingkungan 50 - 70 peratus tetapi di akhir 2022, pencapaian yang diraih melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 70 hingga 100 peratus. Antaranya pencapaian melibatkan tenaga pengajar meliputi peratusan program TVET yang memenuhi syarat minimum 30 peratus tenaga pengajar yang mempunyai kompetensi/pensijilan professional mencatatkan 85 peratus berbanding sasaran awal hanya 70 peratus; peratus program kejuruteraan yang memenuhi syarat minimum tenaga pengajar berkelayakan Jurutera Profesional (IR) adalah 86 peratus berbanding sasaran hanya 70 peratus; dan serta peratusan program teknologi yang memenuhi syarat 5 peratus tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman industri minimum setahun adalah 100 peratus.

Malah dengan kekuatan seramai 1116 pensyarah di mana 606 orang atau 54 peratus daripada mereka memiliki PhD dan dilengkapi dengan ilmu mengajar berkaitan pedagogi dan andragogi. Ini akan menyumbang kepada keberkesanan proses PnP; menyediakan pengalaman pembelajaran terbaik kepada pelajar; dan menyuburkan tradisi intelektual antara pelajar dan pensyarah. Para pensyarah ini juga perlu melalui penilaian melalui Sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Akademik yang diguna pakai dan ditambah baik supaya menepati skop tugasan staf akademik.

Usaha ini dilihat mampu membantu menyediakan siswazah yang menepati keperluan industri, meningkatkan kualiti program-program di UniMAP dan institusi TVET lain yang berorientasikan industri dan memperhebat keterlibatan aktif industri. Malah model pembelajaran teaching factory telah mula diperluaskan dan diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi agar pengalaman dari pengamal industri dibawa ke dalam ruang pembelajaran para pelajar UniMAP. Dari aspek pelaksanaan program pula, UniMAP terus berusaha untuk mendapatkan penglibatan industri dan komuniti TVET tempatan dan antarabangsa dalam kurikulum yang ditawarkan. **Sasaran bagi memastikan pencapaian GE 2021 iaitu 93.9 peratus dikekal atau lebih tinggi untuk tahun 2022 nyata berhasil apabila GE 2022 UniMAP mencatatkan peningkatan menjadi 97 peratus.**

Walaupun data GE UniMAP menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan namun situasi ini masih belum membolehkan warga UniMAP berlapang dada. Ini ekoran situasi genting yang dihadapi oleh kebanyakan institusi pendidikan tinggi negara termasuk UniMAP sendiri iaitu krisis kemasukan pelajar. Dua tahun berturut-turut, kemasukan pelajar ke program Sarjana Muda tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2021, unjuran kemasukan yang ditetapkan ialah 3100, tetapi yang mendaftar masuk ialah seramai 2692, iaitu 87%. Tahun 2022 ini juga diletakkan unjuran yang sama dan bilangan yang masuk ialah 2773 iaitu 89%. Walaupun berlaku peningkatan sebanyak 2%, namun jumlah ini belum mencapai sasaran yang ditetapkan. dan pihak UniMAP perlu melaksana pelan tindakan yang komprehensif.

Lantas pelan tindakan yang komprehensif dilaksanakan oleh UniMAP bagi memastikan krisis ini berjaya ditangani. Fokus diberikan terutamanya kepada staf akademik untuk menyuburi *the core business* UniMAP iaitu pengajaran dan pembelajaran. Malah perhatian diberi bukan saja kepada *subject matter* tetapi juga kepada faktor luaran lain dan paling dekat adalah faktor pelajar yang terdiri dari kumpulan Gen-Z. Sebagai persediaan, kempen promosi kemasukan pelajar ke UniMAP dipergiatkan melalui pelbagai kaedah. Selain usaha promosi yang mantap, jaringan akademik yang mantap dengan rakan-rakan strategik seperti institusi TVET iaitu politeknik, GIATMARA, kolej komuniti dan sebagainya dijalin dan diperkukuhkan atas peranan mereka sebagai *feeder* kepada UniMAP. Malah UniMAP memulakan langkah dengan mengadaptasi dan menyepadukan kecerdikan teknologi dewasa ini secara radikal pada semua peringkat sistem

pengajaran di UniMAP agar graduan UniMAP memenuhi keperluan industri bukan saja untuk masa kini tetapi juga masa hadapan. Malah kandungan kurikulum dan pendekatan pembelajaran dikaji dan mengambil pendekatan *future-oriented* dan mengandungi elemen *smart–sharp skill*. Kaji selidik yang dibuat oleh Pusat Perhubungan Alumni pada Disember 2022 lepas menunjukkan bahawa daripada 5288 alumni yang ditanya, 23% peratus bekerja dalam industri elektrikal dan elektronik, 18% peratus dalam industri pembuatan dan 16% dalam industri semikonduktor, selari dengan fokus UniMAP.

Selain peningkatan bilangan pelajar prasiswazah, peningkatan pelajar pada peringkat pascasiswazah dan juga pelajar antarabangsa turut memberi cabaran tersendiri buat UniMAP. Jika dilihat jumlah pelajar pascasiswazah dan pelajar antarabangsa pada 2021 masing-masing mencatatkan seramai 322 dan 460 pelajar. Namun pada KPI yang ditetapkan pada awal 2022 ialah bagi pelajar pascasiswazah adalah seramai 350 orang dan pelajar antarabangsa adalah seramai 520 orang. Jumlah kemasukan pelajar antarabangsa mencapai KPI 520 pelajar. Namun bagi pelajar pascasiswazah, jumlah kemasukan tidak mencapai sasaran dan tindakan susulan dirangka bagi memastikan KPI 2023 akan tercapai.

2. MEMPERKASAKAN GRADUAN

Melalui UniMAP 2025, UniMAP berusaha untuk menyerlahkan keterlihatan antarabangsa, memperkasakan imej sebagai sebuah universiti antarabangsa, dan memastikan terdapat persekitaran berorientasi global di UniMAP. Pada tahun 2022 ini menyaksikan sebanyak 37 aktiviti pengantarabangsaan yang berimpak dilaksanakan di UniMAP. Malah seramai 89 pelajar dari institusi luar negara telah menyertai aktiviti ini. Manakala pelajar UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound antarabangsa pula seramai 161 orang. Tidak terkecuali bilangan staf dari institusi luar yang menyertai program mobiliti inbound antarabangsa ialah seramai 21 orang. Manakala staf UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound antarabangsa adalah seramai 105.

Malah, usaha mengenal pasti pelajar-pelajar yang mempunyai bakat khusus dan menggilap bakat telah dipertingkatkan. Antara pencapaian yang membanggakan adalah pada Februari 2022, Suweytaa Athira a/p M Shunmugam daripada program Komunikasi Media Baharu telah dinobat sebagai *1st Novice Best Speaker* dalam *Asian English Olympics 2022*. Kemudian, pada Mac 2022 pula, dalam Kejohanan Olahraga Institut Pengajian Tinggi (IPT) Sirkit 1 2022, Mohamad Raimi Mustaffa Kamal, Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) muncul sebagai pemenang pingat emas bagi acara 200 meter, sekaligus berjaya menumpaskan atlet-atlet elit kebangsaan yang menjadi saingan dalam acara balapan. Pelajar Teoh Kim Chyi, dari Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan (FSGM) pula telah menyumbang dua pingat emas dalam acara 400m dan 800m. Kemudian, UniMAP menerima berita gembira lagi apabila Athachai Saiprawat a/ l Kiang, pelajar Diploma Kejuruteraan Mekatronik, juga dari FTKE muncul juara mewakili Negeri Perlis bagi kategori 63.5 – 67 dalam Karnival Seni Mempertahankan Diri (Muay Thai). Malah Athachai juga terpilih untuk mewakili Malaysia dalam Sukan SEA bagi kategori *full contact kickboxing* 67 kg di Hanoi.

Dalam usaha bagi memperbanyakkan bilangan tokoh pelajar dalam kalangan UniMAP, pihak universiti telah menganjurkan seminar dan kursus kepimpinan yang berimpak tinggi untuk mendedahkan mahasiswa kepada kepelbagaian budaya dan memupuk nilai yang penting dalam masyarakat global. Secara umumnya untuk tahun 2022 ini menyaksikan 261 program jati diri dan kepimpinan telah dianjurkan dengan memberi peluang kepada 3106 orang pelajar yang dibimbing sebagai *future leaders*.

Sebenarnya ramai dalam kalangan para pelajar UniMAP telah menempa nama sebagai tokoh siswa, tokoh sukan dan kebudayaan, tokoh keusahawanan dan sebagainya. Ini kerana sasaran yang diletakkan bagi bilangan pengiktirafan pelajar pada peringkat universiti/ kebangsaan/ antarabangsa/ dalam bidang inovasi, kepimpinan, sukan, kebudayaan, keusahawanan dan kesukarelawanan adalah sebanyak 150 pengiktirafan. Namun bilangan pengiktirafan yang berjaya diterima oleh pelajar UniMAP adalah sebanyak 291 pengiktirafan dengan jumlah penyertaan 3,529.

Selain itu, susulan pelancaran Pelan Tindakan Keusahawanan IPT (PTK IPT) 2021–2025 dan MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE), UniMAP telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif bagi pemupukan ciri-ciri keusahawanan dan melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar dan siswazah UniMAP. Program-program keusahawanan diberi fokus bagi penghasilan produk keusahawanan berteraskan teknologi untuk menyerlahkan fungsi universiti sebagai peneraju teknologi terkini. KPI yang diletakkan untuk ini adalah sebanyak 12 produk baharu dihasilkan. Namun pencapaian UniMAP cukup membanggakan apabila berjaya menghasilkan 26 produk baharu.

Penyertaan pelajar dalam aktiviti dan program keusahawanan juga terus ditingkatkan melalui pelbagai inisiatif, antaranya latihan berstruktur dan program elektif usahawan. Hasilnya, seramai 700 pelajar menyertai aktiviti keusahawanan walaupun sasaran ditetapkan hanya 600 pelajar. Tidak ketinggalan usaha ini telah berjaya mencipta hampir 130 peluang kerjaya keusahawanan dalam kampus. Peluang ini memberi pengalaman dan kelebihan kepada mahasiswa apabila tamat pengajian dan dalam usaha mencari pekerjaan kelak.

Malah mahasiswa juga berpeluang memperluaskan jaringan keserakanan pada peringkat global melalui program seperti *UniMAP Global Outreach* melalui jaringan keusahawanan bersama 12 agensi. Malah di samping itu mahasiswa juga berpeluang mendapat pendedahan kepada sistem pembelajaran dan teknologi di luar negara.

Dalam aspek hubungan pelajar dan komuniti, program *UniMAP for Society* membuka peluang yang luas kepada golongan pelajar. Penyertaan pelajar dalam program bersama komuniti boleh mengasah kemahiran insaniah mereka, seterusnya meningkatkan kualiti sebagai seorang pelajar universiti. Nilai tambah ini bakal memberikan reputasi yang baik terhadap kualiti graduan yang dihasilkan UniMAP. Untuk tahun 2022, UniMAP memberi fokus kepada projek USR-SULAM dan juga projek komuniti berimpak tinggi. UniMAP memperolehi 16 geran penyelidikan komuniti berimpak tinggi dengan nilai dana berjumlah RM3.522 juta daripada 37 agensi kerajaan dan swasta serta industri. Hasil perolehan geran tersebut, UniMAP berjaya melaksanakan 29 projek komuniti yang mempunyai ciri kelestarian dan berinovasi. Manakala bagi projek USR-SULAM, UniMAP berjaya melaksanakan 72 projek dengan menggunakan dana berjumlah RM633,807.00 yang diperolehi daripada 75 agensi kerajaan dan swasta serta industri. Manakala bagi penglibatan komuniti, staf dan pelajar juga melebih KPI yang disasarkan iaitu seramai 7,862 komuniti; 871 staf UniMAP; dan 5,529 pelajar yang terlibat dalam projek komuniti berimpak tinggi dan juga USR-SULAM. Hal ini selari dengan hasrat universiti dalam usaha memantapkan kepimpinan dan membangunkan bakat pelajar dengan lebih menyeluruh. Dengan peningkatan kemahiran ini, peluang untuk pelajar mendapat pekerjaan dalam dunia yang penuh saingan ini akan lebih cerah, selain daripada memberi manfaat kepada ahli komuniti.

Dari segi kebajikan mahasiswa, UniMAP terus cakna dan prihatin dalam hal ini dengan meletakkan sasaran RM400,000 untuk dana kebajikan pelajar untuk diagihkan kepada 4000 orang pelajar. Namun hasil usaha yang berterusan, jumlah dana yang berjaya diperolehi untuk kebajikan pelajar adalah sebanyak RM622,178.00 dengan jumlah penerima 7630 pelajar.

3. PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

Tumpuan ketiga ialah berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan, iaitu faktor penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, seperti yang digariskan dalam RMK-12. Hal ini dapat dilihat apabila kerajaan menyediakan sebanyak 50% daripada dana penyelidikan untuk penyelidikan eksperimental yang berpotensi untuk dikomersialkan, yang juga memberi gambaran bahawa pengkomersialan membawa impak yang besar kepada negara dan masyarakat sejagat. Seiring dengan SDG "industri, inovasi dan infrastruktur", UniMAP juga perlu meningkatkan dan memperkasakan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan. Hasil penyelidikan tidaklah hanya memberi impak kepada universiti tetapi juga kepada masyarakat setempat, melalui peningkatan ekonomi dan daya saing. Pada masa yang sama penyelidik perlu memastikan bahawa impak negatif kepada alam sekitar diminimumkan
supaya UniMAP boleh menyumbang kepada pemeliharaan alam dan agenda kelestarian global.

UniMAP menyasarkan pemerolehan 190 geran penyelidikan baharu pada tahun ini, dengan nilai perolehan geran tahunan sebanyak RM12 juta, berbanding RM9.6 juta pada tahun lepas. Namun begitu UniMAP hanya mendapat 137 geran penyelidikan baharu tetapi nilai geran tahunan yang diperolehi melebihi sasaran RM12 juta iaitu berjumlah RM14.231 juta. Selain itu, UniMAP juga terus membimbing penyelidik muda melalui Program for Mentoring and Excellence in Research (PEER) supaya mereka berdaya saing untuk menghasilkan penulisan artikel yang berupaya diterbitkan di dalam jurnal berimpak tinggi serta memperolehi geran-geran penyelidikan kebangsaan, antarabangsa, dan geran industri.

Aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan bersama-sama pihak industri untuk penyelesaian masalah telah meletakkan para penyelidik UniMAP pada satu kedudukan yang amat relevan dalam dunia industri negara. Hal ini juga telah meningkatkan keterlihatan UniMAP dalam membantu mentransformasikan industri negara dalam konteks IR4.0. Tahun ini UniMAP hanya mensasarkan 20 kolaborasi penyelidikan bersama industri tetapi KPI tersebut telah berjaya dicapai dengan jumlah 41 kolaborasi. Sementara itu, pada peringkat antarabangsa, UniMAP berusaha mendapatkan 14 kolaborasi penyelidikan antarabangsa dengan 10 geran antarabangsa baharu. Tetapi UniMAP berjaya mendapatkan 22 kolaborasi penyelidikan antarabangsa dengan 27 geran antarabangsa.

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UniMAP juga telah mendapat pengiktirafan sebagai "Institut Penyelidikan Yang Diluluskan" daripada YB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967 bermula 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 dengan semakan semula status setiap 5 tahun.

Dengan pengiktirafan ini, syarikat yang menyumbang wang tunai untuk aktiviti penyelidikan atau menggunakan perkhidmatan di Pusat Pengurusan Penyelidikan UniMAP adalah layak mendapat potongan cukai pendapatan dua kali (double tax deduction) dengan mematuhi definisi penyelidikan yang diperuntukkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986. UniMAP berharap melalui pengiktirafan ini akan meningkatkan perolehan dana industri di UniMAP, sekaligus menyumbang kepada pencapaian pelbagai KPI dan penarafan dan pemeringkatan (rating and ranking) UniMAP.

Usaha penerbitan dipergiatkan, bukan sahaja kerana data penerbitan digunakan sebagai pengukuran produktiviti oleh sistem-sistem rating dan ranking dunia seperti QS, THE dan U21 dan sistem kebangsaan seperti MyRA dan SETARA, malah penerbitan membolehkan hasil kajian penyelidik UniMAP dibaca oleh para akademik dunia. UniMAP mensasarkan KPI bagi penyelidik utama meningkat kepada 50 peratus tercapai dan KPI ini berjaya dicapai melebihi sasaran dengan peratusan 59 peratus. Bagi bilangan penerbitan jurnal dan prosiding berindeks pula mencatatkan 1,069. UniMAP percaya keterlihatan ini akan menarik pelajar pascasiswazah dan rakan-rakan universiti serta industri untuk menjalin kerjasama penyelidikan dengan UniMAP. Selain penerbitan dalam jurnal akademik yang terindeks, penerbitan buku dan

bab buku serta penerbitan dalam medium lain juga melepasi KPI yang ditetapkan iaitu bilangan buku dan bab dalam buku penyelidikan berindeks dan tidak berindeks mencatatkan 72 bilangan; manakala bilangan penerbitan lain mencatatkan 375 bilangan. Ini secara tidak langsung membantu menyerlahkan kedudukan UniMAP.

Dalam pada itu, kualiti penerbitan terus dipelihara. Walaupun semakin banyak jurnal-jurnal pemangsa yang hanya ingin mengaut keuntungan tanpa terlalu mempedulikan kualiti penerbitan. UniMAP mengambil pendekatan dengan memberi tumpuan kepada hal ini dan sentiasa berkomunikasi dengan penyelidik UniMAP berkaitan hal ini. Isu sitasi kendiri yang keterlaluan juga ditangani dengan berhemah dan telah diberi fokus dalam polisi penerbitan penyelidikan yang dikeluarkan pada Januari 2022. Penggunaan polisi penerbitan penyelidikan menjadi salah satu faktor yang meningkatkan jumlah sitasi terkumpul (5 tahun) bagi penerbitan berindeks Scopus di mana ianya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 27,582 sitasi berbanding sasaran iaitu 26,000.

4. KECEMERLANGAN STAF AKADEMIK

Tumpuan seterusnya ialah berkaitan kecemerlangan staf akademik. Kejayaan ini bermula apabila Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Arif Anuar Mohd Salleh yang telah menerima Anugerah Akademik Negara bagi kategori Ahli Akademik Harapan. Anugerah tersebut yang julung kalinya dibolot oleh UniMAP diterima daripada Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob di Majlis AAN, di Putrajaya. Selepas ini UniMAP merancang untuk menghantar penyertaan pada setiap tahun.

Sebagai sebuah universiti, definisi cemerlang adalah dengan mengambil kira bilangan staf akademik yang mempunyai PhD. Sebagai universiti teknikal pula, definisi cemerlang juga merujuk kepada staf akademik yang mempunyai pengalaman dalam bidang industri. UniMAP memberi keutamaan kepada kedua-dua perkara ini memandangkan kehebatan sesuatu organisasi amat berkait rapat dengan kekuatan bakat dan sumber manusianya. Bilangan staf dengan PhD sekarang ialah 648 orang berbanding tahun lepas iaitu hanya 598, bersamaan 58 peratus daripada keseluruhan pensyarah UniMAP iaitu seramai 1,116 orang.

Selain itu, UniMAP kini menekan sebarang lantikan baharu perlu datang berpakej dengan PhD dan berpengalaman industri. Bagi staf yang sudah berada dalam sistem UniMAP, mereka diberi perhatian untuk pemerolehan pensijilan kompetensi dan profesionalisme serta keperluan mengambil bahagian dalam program pembangunan profesional berterusan yang berkaitan dengan skop kerja masing-masing.

5. PEMANTAPAN TADBIR URUS

Perkara kelima ditekankan sepanjang tahun 2022 ialah pemantapan tadbir urus yang melibatkan dua faktor utama iaitu faktor manusia dan faktor sistem. Pertama, kemahiran, kecekapan, dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan profesionalisme dalam kalangan staf pentadbiran adalah ciri-ciri penting dan diperlukan bagi memastikan kelancaran hal-hal berkaitan tadbir urus di pejabat. Staf pentadbiran perlu memahami betapa pentingnya peranan mereka di pejabat dan keperluan untuk mereka bertugas dengan efisien dan efektif. Hal ini bermakna staf pentadbiran perlu memahami *content* yang dipertanggungjawabkan di pejabat masing-masing dan bukan sekadar tertumpu kepada pelaksanaan perkara-perkara rutin.

Secara keseluruhannya, warga UniMAP diminta untuk mengoptimumkan masa di pejabat, dan mereka disarankan untuk memperlihatkan ketekunan dalam memberi tindak balas berkaitan sesuatu arahan atau permintaan, bersifat proaktif dan inkuisitif, bekerja dengan sifat ikhlas dan bantu membantu yang kesemuanya bagi menjamin kelancaran proses tadbir urus di pejabat.

Yang kedua ialah berkenaan faktor sistem. Pemantapan tadbir urus memerlukan pendigitalan bagi pelbagai sistem yang digunakan di UniMAP, termasuklah sistem pelan penggantian dan sistem penilaian kompetensi di mana proses dan prosedur perlu dipermudah atau ditambah baik, tanpa kompromi terhadap kualiti kerana hal ini menyumbang kepada amalan tadbir urus yang baik.

Oleh itu, secara sedar atau tidak, UniMAP telah melalui proses pendigitalan atau transformasi digital. Platform UniSIS, gerbang digital bagi interaksi dan khidmat dalam talian, digunakan secara intensif oleh warga UniMAP bagi pelbagai tujuan, contohnya, untuk merekod kedatangan atau memohon cuti. Platform yang dibina dengan 111 modul ini menggabungkan sistem aplikasi yang menyokong perjalanan atau persekitaran digital warga UniMAP.

Bagi mahasiswa pula, pihak DMDC UniMAP telah menyediakan platform digital dengan 69 modul, yang mempunyai aplikasi menyokong perjalanan digital mahasiswa. Bermula dengan pendaftaran (melalui sistem rekod digital), penempatan (melalui Aplikasi Homes), kebajikan (melalui Aplikasi eTabung dan eHepa) dan sehinggalah tamat pengajian (melalui Aplikasi eConvo), semuanya secara digital.

Di samping itu, sistem pembayaran secara online dan sistem e-learning juga telah dibangunkan dan telah digunakan dengan meluas oleh semua warga UniMAP. Ianya adalah seperti yang digariskan dalam UniMAP 2025, pelan transformasi ini mensasarkan implementasi kampus pintar sebagai salah satu objektif strategik di bawah Teras Pemantapan Infrastruktur. Untuk tahun 2023, UniMAP menyasarkan 40% kesediaan infostruktur bagi pelaksanaan

Kampus Pintar dan 40% implementasi pelan yang sama. Semua inisiatif pendigitalan ini dilaksanakan bagi memastikan UniMAP kekal relevan dalam transformasi pendidikan.

Untuk terus meningkatkan daya saing UniMAP, dan ditambah dengan pergerakan maklumat melalui media yang pantas, tindakan dan keputusan berdasarkan data masa sebenar (*real-time*) dan keupayaan membuat keputusan secara analitik harus dipraktikkan. Justeru, dengan mengadaptasi transformasi digital ini, iaitu melalui penggunaan UniDashboard, dan Sistem Analitik Data Universiti, UniMAP mampu melaksanakan amanah tugas dan membuat keputusan strategik.

6. JARINGAN UNIVERSITI, KERAJAAN, INDUSTRI, KOMUNITI DAN PERSEKITARAN

Seperti yang semua maklum hubungan jaringan universiti dengan kerajaan, industri, komuniti dan persekitaran adalah antara piawaian utama sesebuah universiti bagi mencerminkan kredibilitinya dalam arena nasional dan antarabangsa; dan inilah fokus keenam UniMAP di tahun 2022. UniMAP terus merangka strategi yang berkesan untuk menjalin kerjasama yang berimpak dengan industri, kerajaan serta komuniti dan persekitaran. UniMAP sentiasa menyarankan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk menggunakan model inovasi *quintuple helix* iaitu interaksi antara universiti-industri-kerajaan-masyarakat-persekitaran bagi memperkasakan jaringan yang strategik. Contoh terkini ialah pembinaan Rumah Lestari UniMAP yang dilaksanakan dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia.

Selain daripada faedah kepada penyelidikan, proses pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan komuniti, kolaborasi seperti ini juga akan memanfaatkan siswazah UniMAP dari aspek pemerolehan pekerjaan. Ini kerana peluang yang dibuka melalui projek Chuping Valley Industrial Area (CVIA) iaitu satu projek pemangkin di bawah Northern Corridor Economic Region (NCER) yang menawarkan peluang pekerjaan sektor industri E&E, M&E dan Fast Moving Consumer Goods (FMCG) bagi kawasan infrastruktur CVIA sahaja akan mencecah 12,673 orang menjelang tahun 2025.

Begitu juga jalinan kerjasama lain seperti yang telah dilaksanakan bersama SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. (SilTerra) awal 2022 lalu. Sasaran SilTerra adalah untuk merekrut sehingga 30 jurutera setiap setahun pada masa hadapan membuka peluang yang luas untuk para pelajar UniMAP.

Antara bentuk kerjasama lain adalah dengan syarikat AT&S yang merupakan salah satu pemain industri utama dalam pembuatan IC Substrate dan Printed Circuit Board (PCB). Kolaborasi makmal canggih dan *training of trainers* turut telah dilakukan bersama Siemens Malaysia bagi menghasilkan graduan UniMAP yang kompetitif dan berdaya saing bagi menghadapi era pendigitalan IR 4.0. Malah pihak CEICnet telah mengadakan perbincangan kolaborasi bersama Micron Malaysia merangkumi penyelidikan, pertukaran kepakaran dan pemerolehan bakat.

Jalinan kerjasama antarabangsa yang memberi impak kepada universiti perlu diperbanyakkan. Antaranya pada Mac lalu, UniMAP telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dua universiti di New Delhi, India iaitu Indira Gandhi Delhi Technical University for Women (IGDTUW) dan Amity University Uttar Pradesh (AUUP) yang turut disaksikan oleh YB Menteri KPT. MoU ini adalah berfokuskan kepada kerjasama strategik merangkumi program ijazah berkembar serta penyeliaan dan penyelidikan bersama yang akan memberi satu nilai tambah kepada bakal graduan UniMAP.

Hubungan jaringan masyarakat juga diperkukuhkan dalam usaha untuk memasyarakatkan universiti. Projek-projek *UniMAP for Society* menggambarkan keprihatinan dan tanggungjawab dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat melalui Program Pemindahan Ilmu (KTP). UniMAP berazam dengan penganjuran program sebegini mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat selaras dengan rangka strategik KPT, "Memacu Kesejahteraan Komuniti". Malah sasaran untuk mendapatkan dana berjumlah RM500,00 bagi projek-projek komuniti berimpak tinggi yang melibatkan industri dan agensi-agensi yang berkaitan bagi tujuan merealisasikan teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti dalam UniMAP 2025 telah berjaya dicapai dengan jumlah dana berjumlah RM3.522 juta.

7. EKOSISTEM DAN INFRASTRUKTUR

Perkara ketujuh yang menjadi fokus UniMAP bagi tahun 2022 ialah berkaitan pengalaman kampus yang menyumbang kepada kesejahteraan seluruh warga UniMAP. Melalui dapatan indeks kesejahteraan pelajar dan staf pada setiap tahun, kemudahan infrastruktur dan infostruktur di UniMAP sentiasa ditambah baik. Usaha menaik taraf kemudahan InsyaAllah dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kedudukan kewangan universiti yang semakin mencabar.

Mengambil kira persekitaran norma baharu, capaian internet adalah sesuatu kemudahan yang wajib. Pihak pengurusan universiti menghadapi cabaran dalam memastikan capaian internet yang baik untuk kegunaan warga UniMAP. Kerja-kerja menaik taraf dan tambah baik terus giat dijalankan bagi memastikan isu capaian internet berada pada tahap minimum. Antara usaha tersebut adalah pemasangan unit AP untuk setiap rumah di kolej kediaman, yang sedang dijalankan secara berperingkat sehingga tahun 2025.

Fokus pembangunan infrastruktur pada tahun 2022 dan 2023 juga terarah kepada pembangunan pelantar sokongan kampus pintar. Hal ini merangkumi keperluan proses dan data yang masih belum didigitalkan, penyediaan sistem automasi bangunan, penggantian lampu jalan kepada lampu LED dan sebagainya.

Bagi meningkatkan kesejahteraan warga UniMAP, pihak universiti juga telah mula menyediakan lebih banyak kemudahan rekreasi seperti pembangunan sekitar tasik Alumni, pembinaan laluan joging dan laluan aktiviti mendaki. Khusus untuk pelajar, kelengkapan infra pengucapan awam dan ruang kegiatan pelajar atau *student lounge* juga telah mula diwujudkan di setiap fakulti dan kolej kediaman. Kesemua usaha ini sedang berjalan secara berperingkat dan dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Penyelenggaraan fasiliti secara konsisten seperti dewan kuliah dan kafeteria juga telah dilaksanakan secara berperingkat dan akan terus diberi perhatian. Di sekitar Kampus Pauh Putra, proses pembinaan bangunan baharu juga sedang rancak berlangsung. Antaranya ialah Pusat Kesihatan Universiti, Dewan Konvokesyen, Pusat Islam, bangunan fakulti dan sebagainya.

Usaha ke arah kampus UniMAP yang mampan juga sedang giat dijalankan. Sasarannya adalah supaya lebih ramai warga UniMAP yang terlibat dalam aktiviti membudayakan amalan kelestarian. Daripada aspek pengurusan sumber pula, sasaran telah ditetapkan untuk peningkatan peratus aktiviti pengurusan sisa, sumber tenaga dan air yang cekap serta pertambahan jumlah kawasan tumbuhan. Kesemua usaha ini bertepatan dengan agenda pembangunan lestari, dan secara keseluruhannya, sasaran yang diletakkan pada awal 2022 telah berjaya dicapai.

8. KELESTARIAN KEWANGAN

UniMAP telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kelestarian kewangan UniMAP tidak terjejas. UniMAP tidak lagi hanya bergantung semata-mata kepada bantuan dan sumbangan kerajaan untuk keperluan kewangan universiti tetapi telah mula memantapkan usaha untuk menjana pendapatan sendiri.

UniMAP menetapkan 10 perkara di bawah teras Kelestarian Kewangan dengan sasaran yang pelbagai. Antara yang dilihat berpotensi adalah program-program profesional di bawah kelolaan Pusat Pembangunan Profesional dan Pembelajaran Berterusan (PDCE). Ternyata

program profesional akademik berjaya mencapai sasaran dengan menjana RM1,588,578.00 berbanding sasaran hanya RM1 juta.

Nilai dana zakat yang diperolehi juga melebihi sasaran RM500 ribu iaitu RM676,936.91. Malah nilai penjanaan Pusat Tanggungjawab/Universiti (bukan daripada program akademik) juga memberangsangkan iaitu RM1,577,176.05 berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM500,000.00.

Selain itu, usaha dipertingkatkan untuk aktiviti pengewangan aset universiti dengan melaksanakan penyewaan seperti penginapan dan fasiliti sukan dan sebagainya serta berjaya memperolehi RM141,641.04.

9. PENJENAMAAN DAN KETERLIHATAN

Aspek kesembilan ialah berkaitan penjenamaan dan keterlihatan UniMAP. Golongan yang disasarkan secara amnya adalah golongan pelajar berumur sekitar 20 – 25 tahun. Seperkara yang jelas, golongan ini meluangkan masa yang banyak dalam menggunakan telefon pintar untuk melayari aplikasi internet. Oleh itu, cara yang sama harus digunakan untuk menghampiri mereka. Namun penggunaan medium yang relevan dan bersesuaian sahaja tidak memadai. '*Content*' yang dikongsi juga haruslah menarik dan menyerlah, sesuai dengan peringkat umur dan minat pelajar. Perkongsian yang mengandungi tulisan dikurangkan, dengan keutamaan diberikan kepada elemen visual dan interaktif serta tidak mengambil masa yang panjang.

Namun, golongan pelajar semata-mata tidak cukup untuk memantapkan keterlihatan UniMAP. Golongan ahli komuniti dan masyarakat luar juga turut didekati. Dalam hal ini, selain menggunakan wadah projek pemerkasaan komuniti, media massa dimanfaatkan bagi memudahkan penerimaan golongan ini terhadap UniMAP. UniMAP mempunyai hubungan baik dengan beberapa nama besar media massa, seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM), Harian Metro, Sin Chew Daily, Utusan Malaysia, KOSMO, Berita Harian dan banyak lagi. Hubungan akrab ini terbukti apabila bilangan berita mengenai UniMAP di media massa (media cetak & media elektronik) pada 2022 adalah sebanyak 448 penerbitan.

Keterlibatan alumni UniMAP dalam usaha ini juga amat penting. UniMAP mempunyai sekitar 31,000 orang alumni dan mereka adalah kumpulan pertama yang dipikat untuk membantu dalam menonjolkan keterlihatan UniMAP. Bagi menjayakan usaha ini, UniMAP telah merancang pelbagai aktiviti melibatkan alumni. Malah pada 26 April 2022, UniMAP telah melaksanakan majlis bagi melantik Ketua Chapter bagi setiap zon. Namun jalinan hubungan bersama alumni telah dimulakan sejak dari awal tahun lagi. Antara perkara yang dilaksanakan bagi merapatkan hubungan bersama alumni ialah Pertandingan E-Sukan (Mobile Legend) Pelajar UniMAP; Alumni Engagement; Alumni Hi-Tea; Meet & Greet dengan alumni mengikut zon dan banyak lagi.

10. PENINGKATAN PRESTASI UNIVERSITI

Ranking sesebuah universiti sering menjadi tajuk utama dalam media. Kedudukan ranking akan menambah nilai kepada sesebuah universiti dan menjadi alat pengukur pertama kepada bakal pelajar dan ibu bapa dalam pemilihan universiti bagi pengajian tinggi dan lanjutan. Malahan, pada peringkat antarabangsa, ranking Universiti turut dijadikan sebagai pertimbangan pertama dalam menentukan kredibiliti sesebuah universiti.

Untuk penarafan ranking QS, UniMAP berjaya memperolehi kedudukan 800-1000 bagi QS World University Ranking 2023. Tidak ketinggalan berada di kedudukan 301-350 bagi QS Asia University Rankings 2023 untuk kategori Global dan di ranking ke 59 dalam QS Asia University Rankings 2023 untuk kategori South - Eastern Asia. Malah untuk QS World University Rankings by Subject 2022 dalam kategori Engineering - Electrical & Electronic untuk berjaya di kedudukan 451-500.

Bagi ranking di THE, UniMAP berjaya mencatatkan ranking 1001+ bagi THE World University Rankings 2023 : Engineering; di ranking 601-800 untuk THE World University Rankings 2023 : Physical Science. Tidak ketinggalan, memperolehi kedudukan 1001-1200 untuk THE World University Rankings 2023 dan di kedudukan 351-400 bagi THE WUR 2023 bagi kategori Asia.

Selain itu, prestasi UniMAP juga diukur dalam SETARA dan juga MyRA. Bagi SETARA, terdapat empat kriteria iaitu kriteria umum pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, dan perkhidmatan. Untuk SETARA, UniMAP berjaya memperolehi lima bintang.

Untuk MyRA yang merupakan singkatan bagi Malaysian Research Assessment, atau istilah bahasanya Taksiran Penyelidikan Malaysia digunakan untuk menilai kapasiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan. MyRA® merupakan instrumen untuk menaksir keupayaan penyelidikan pada peringkat institusi yang mempunyai tiga unsur utama iaitu:

1. Indikator atau kriteria yang menilai IPT;

2. Tanda aras setiap indikator; dan

3. Mekasnime penskoran bagi setiap indikator

Data MyRA bagi tahun 2019 dan 2020 telah diaudit di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2021, dan UniMAP mendapat 4 bintang untuk MyRA 2019 dan 5 bintang bagi MyRA 2020. Manakala data 2021 pula adalah data yang telah melalui audit dalaman, namun belum diaudit di peringkat KPT.

Berdasarkan data ini, peningkatan ketara dapat dijangkakan dalam pencapaian UniMAP bermula tahun 2020 di mana UniMAP memperoleh 5 bintang dan ini adalah hasil usaha dan inisiatif strategik yang diambil supaya input dan output bagi kriteria yang diukur menepati keperluan indikator MyRA yang dinyatakan dalam Glosari MyRA.

Sebagai sebuah universiti teknikal yang telah diberi tanggungjawab sebagai penyedia Pendidikan TVET selari dengan strategi keenam KPT iaitu 'Mempersada Kecemerlangan Institusi', UniMAP perlu bertindak untuk mempertingkatkan kedudukan dalam semua sistem penarafan yang sedia ada. Malahan, peningkatan prestasi ini akan membantu mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan TVET sebagai pendidikan kelas kedua. Segala sasaran UniMAP 2025 perlu dijadikan KPI oleh setiap fakulti dan PTj supaya dapat bergerak seiring untuk bekerjasama dan mengatur strategi untuk kegemilangan bersama-sama UniMAP. Seperti yang pernah dinyatakan oleh pemain legenda bola keranjang NBA, Michael Jordan, "*talent wins games, but teamwork and intelligence win championships*".

PROF. DATO' TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis



BAB 4

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

4.1 Teras : Pengukuhan Akademik
4.2 Teras : Pemerkasaan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan
4.3 Teras : Kesejahteraan Pelajar
4.4 Teras : Pengantarabangsaan
4.5 Teras : Libat Sama Dan Pembangunan Komuniti
4.6 Teras : Kecemerlangan Bakat
4.7 Teras : Pemantapan Infrastruktur
4.8 Teras : Kelestarian Kewangan



4.1 TERAS : PENGUKUHAN AKADEMIK

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Peratus program TVET yang ditawarkan	62	62 (26/42)
2.	Bilangan kursus / program yang memberi nilai tambah kepada kompetensi pelajar.	2	8
3.	Bilangan aktiviti libat sama dengan rakan strategik dan komuniti TVET tempatan dan antarabangsa	10	23
4.	Bilangan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang memenuhi permintaan industri semasa	20	10
5.	Bilangan program/aktiviti berdasarkan Kerangka Pendidikan Fleksibel	15	16
6.	Bilangan staf akademik tersedia untuk Kerangka Pendidikan Fleksibel	200	231
7.	Bilangan program 2u2i/3u1i [OBB]	7	6
8.	Peratus program TVET yang memenuhi syarat minimum 30% tenaga pengajar yang mempunyai kompetensi / pensijilan professional	70	85 (22/26)
9.	Peratus program kejuruteraan yang memenuhi syarat minimum tenaga pengajar berkelayakan Jurutera Profesional (Ir)	70	86 (12/14)
10.	Peratus program teknologi yang memenuhi syarat 5% tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman industri minimum setahun	50	100 (6/6)
11.	Peratus pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian pada peringkat prasiswazah	88	82 (2,754/3,368)
12.	Bilangan pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian pada peringkat pascasiswazah	340	190
13.	Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP [OBB]	516	410
14.	Peratus pelajar Sarjana Muda menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan [OBB]	85	86 (2,187/2,547)
15.	Peratus keciciran pelajar di peringkat sarjana muda [OBB]	7	1 (29/2,754)
16.	Peratus enrolmen pelajar dalam program TVET [OBB]	40	42 (4,781/11,290)
17.	Peratus pelajar Sarjana menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan [OBB]	50	24 (29/122)
18.	Peratus pelajar PhD. menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan [OBB]	40	18 (19/108)
19.	Peratus keciciran pelajar di peringkat Sarjana [OBB]	1	0 (0/101)
20.	Peratus keciciran pelajar di peringkat PhD. [OBB]	1	0 (0/43)
21.	Bilangan fasiliti/kemudahan makmal yang menyokong proses pembelajaran terkini	2	1

4.2 TERAS : PEMERKASAAN PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Bilangan kolaborasi penyelidikan antarabangsa (dengan MoU/MoA aktif)	14	22
2.	Bilangan geran antarabangsa tahunan (baru)	9	27
3.	Bilangan penerbitan bersama institusi antarabangsa	480	526
4.	Bilangan penerbitan jurnal dan prosiding berindeks (Scopus/WoS/ ERA)	1800	1069
5.	Bilangan penerbitan jurnal berimpak tinggi (Q1 & Q2)	250	272
6.	Bilangan buku dan bab dalam buku penyelidikan berindeks dan tidak berindeks	35	72
7.	Bilangan penerbitan lain (polisi, jurnal tak berindeks, artikel majalah, akhbar, media digital, laporan teknikal, kajian kes)	150	375
8.	Jumlah sitasi terkumpul (5 tahun) bagi penerbitan berindeks Scopus	26000	27582
9.	Nilai Field Weighted Citation Impact (FWCI)	1	1
10.	Peratus pensyarah yang menjadi penyelidik utama dalam geran penyelidikan (kebangsaan/ industri/ antarabangsa) [OBB]	35	59 (462/781)
11.	Nisbah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks(bagi setiap staf) [OBB]	1:1.80	1:1.17
12.	Nisbah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di UniMAP [OBB]	1:33.00	1:35.32
13.	Bilangan makmal penyelidikan yang diiktiraf badan akreditasi	3	2
14.	Bilangan geran penyelidikan (baharu)	190	137
15.	Nilai perolehan geran tahunan (RM)	RM12,000,000.00	RM14,231,487.00
16.	Peratus penyelidik utama geran (PI) *geran aktif	50	59 (462/781)
17.	Nisbah penyeliaan pascasiswazah (PhD) bagi setiap staf akademik	1:1.00	1:0.79
18.	Bilangan paten baharu yang diperolehi	4	1
19.	Bilangan paten baharu yang difailkan	16	32
20.	Bilangan IP lain (hak cipta, rekabentuk industri, perisian, lukisan arkitek, inovasi utiliti, dll.) yang baharu didaftarkan	82	72
21.	Bilangan pelesenan IP/jualan terus	4	4

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
22.	Nilai pendapatan kasar perlesenan/ jualan terus	RM40,000.00	RM40,000.00
23.	Bilangan kolaborasi penyelidikan bersama industri (dengan MoA aktif)	20	41
24.	Bilangan geran industri tahunan (baharu)	48	12
25.	Bilangan syarikat start-up/ spin-off	3	2
26.	Bilangan pingat emas/ khas yang diperolehi daripada penyertaan dalam pertandingan inovasi peringkat kebangsaan/ antarabangsa [OBB]	50	93
27.	Peratusan teknologi/ produk penyelidikan dikomersialkan berbanding IP yang difailkan pada tahun semasa [OBB]	5	4 (4/104)

4.3 TERAS : KESEJAHTERAAN PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Tahap indeks kesejahteraan pelajar (peratus)	**DIKECUALIKAN**	
2.	Bilangan ruang kegiatan pelajar (Student Centre / Student Lounge)	6	11
3.	Bilangan kemudahan rekreasi baharu	1	1
4.	Jumlah dana untuk kebajikan pelajar (pelajar B40)	RM400,000.00	RM622,178.00
5.	Bilangan pelajar yang menerima bantuan	4,000	7,630
6.	Bilangan program penasihatan dan khidmat kaunseling	40	44
7.	Bilangan program pembangunan kerjaya	30	37
8.	Bilangan pelajar yang mengikuti sesi penasihatan dan khidmat kaunseling	100	462
9.	Bilangan peluang pekerjaan di kampus	300	128
10.	Bilangan penyertaan pelajar dalam aktiviti keusahawanan	600	700
11.	Bilangan jaringan keusahawanan (agensi)	10	12
12.	Bilangan produk keusahawanan berteraskan teknologi	12	26
13.	Jumlah dana/geran keusahawanan	RM100,000.00	RM32,250.00
14.	Peratus graduan yang bekerja sendiri pada tahun konvokesyen [OBB]	**DIKECUALIKAN**	
15.	Peratusan graduan UA yang mendapat pekerjaan pada tahun konvokesyen [OBB]	**DIKECUALIKAN**	

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
16.	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan,menunggu penempatan atau melanjutkan pengajian semasa konvokesyen [OBB]	DIKECUALIKAN	
17.	Bilangan program jati diri & kepimpinan pelajar yang dilaksanakan	250	261
18.	Jumlah pelajar terlibat program jati diri & kepimpinan pelajar	2,500	3,106
19.	Bilangan penglibatan/ penyertaan pelajar pada peringkat Universiti / Kebangsaan / antarabangsa dalam bidang inovasi, kepimpinan, sukan, kebudayaan, keusahawanan dan kesukarelawanan	2,500	3,529
20.	Bilangan pengiktirafan pelajar pada peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa dalam bidang inovasi, kepimpinan, sukan, kebudayaan, keusahawanan dan kesukarelawanan	150	291

4.4 TERAS : PENGANTARABANGSAAN

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Bilangan aktiviti pengantarabangsaan yang berimpak	95	37
2.	Bilangan pelajar institusi luar negara yang menyertai program mobiliti inbound antarabangsa	380	89
3.	Bilangan pelajar UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound antarabangsa	270	161
4.	Bilangan staf institusi luar negara yang menyertai program mobiliti inbound antarabangsa	130	21
5.	Bilangan staf UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound antarabangsa	60	105
6.	Bilangan staf UniMAP yang menyertai program mobiliti outbound antarabangsa	2	2
7.	Bilangan aktiviti yang memberi pendedahan global kepada pelajar dan staf UniMAP	35	31

4.5 TERAS : LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Bilangan projek USR-SULAM yang dilaksanakan	120	72
2.	Peratusan program pengajian yang terlibat dalam program SULAM	35	36
3.	Bilangan penyertaan ahli komuniti dalam projek USR-SULAM	1,200	3,772

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
4.	Bilangan penyertaan pelajar dalam projek USR-SULAM	1,300	5,529
5.	Bilangan penyertaan staf dalam projek USR-SULAM	250	461
6.	Bilangan industri/agensi yang terlibat dalam projek USR-SULAM	60	75
7.	Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/agensi dalam projek USR-SULAM	RM2,000	RM633,807.00
8.	Bilangan geran penyelidikan komuniti	12	16
9.	Bilangan projek komuniti yang mempunyai ciri kelestarian dan berinovasi	6	29
10.	Bilangan penyertaan ahli komuniti dalam projek komuniti berimpak tinggi	120	4,090
11.	Bilangan penyertaan staf dalam projek komuniti berimpak tinggi	50	410
12.	Bilangan industri/agensi yang terlibat dalam projek komuniti berimpak tinggi	20	37
13.	Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/agensi dalam projek komuniti berimpak tinggi	RM500,000.00	RM3,522,176.50
14.	Peratusan Indeks Kesejahteraan Komuniti	**DIKECUALIKAN**	

4.6 TERAS : KECEMERLANGAN BAKAT

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan Technologist (TS)	12	28 (313/1,116)
2.	Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan Jurutera Profesional (IR)	7	7 (86/1,116)
3.	Peratus Staf Akademik Yang Mempunyai Minimum 3 Tahun Pengalaman Industri	6	7 (78/1,116)
4.	Peratus bakat (akademik dan bukan akademik) dengan kelayakan profesional atau pengalaman industri (sekurang-kurangnya 6 tahun secara kumulatif) [OBB]	20	30 (333/1,121)
5.	Peratus staf akademik mencapai Mata Minimum CPD	60	63 (714/1,125)
6.	Peratus staf pentadbir mencapai Mata Minimum CPD	60	78 (173/223)
7.	Peratus staf pelaksana mencapai Mata Minimum CPD	60	72 (561/775)
8.	Peratus staf akademik yang berkelayakan PhD	65	58 (648/1,116)
9.	Peratus staf akademik antarabangsa	2	1 (14/985)

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
10.	Peratus bakat (akademik dan bukan akademik) yang dilantik/diiktiraf sebagai pakar rujuk di dalam atau luar negara [OBB]	15	18 (206/1,121)
11.	Peratus staf akademik yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti	40	61 (102/168)
12.	Peratus staf pentadbir yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan universiti	40	98 (85/87)
13.	Bilangan staf akademik yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan anjuran AKEPT/Organisasi luar	30	24
14.	Bilangan staf pentadbir yang mengikuti dengan jayanya program kepimpinan anjuran AKEPT/Organisasi luar	10	18
15.	Bilangan program kepimpinan universiti yang dianjurkan	4	2

4.7 TERAS : PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Peratusan kesediaan infostruktur pelaksanaan Kampus Pintar	20	20 (20/100)
2.	Peratusan kesediaan infrastruktur pelaksanaan Kampus Pintar	50	58 (58/100)
3.	Peratusan implementasi aplikasi pintar	20	20 (20/100)
4.	Peratusan liputan pengawasan kawasan terbina (built-up areas)	20	0
5.	Peratusan liputan kawasan pengawasan	50	50 (50/100)
6.	Bilangan warga UniMAP yang terlibat dalam aktiviti membudayakan amalan kelestarian	700	1,045
7.	Peratus Pelaksanaan Kemampanan Universiti mengikut blueprint bagi UniMAP Climate Action Plan	20	20 (20/100)
8.	Jumlah kawasan tumbuhan (Total area in planted vegetation)	1	1

4.8 TERAS : KELESTARIAN KEWANGAN

BIL	KPI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022
1.	Nilai pendapatan yang dijana melalui program akademik (yuran pengajian akademik)	RM25,000,000.00	RM23,757,239.07
2.	Nilai pendapatan yang dijana melalui program profesional akademik (cth:PDCE/FTKE/FTKEN/DLL)	RM1,000,000.00	RM1,588,578.00
3.	Nilai pengewangan aset (sedia ada)	RM250,000.00	RM141,641.04
4.	Nilai penjanaan melalui syarikat universiti (dividen)	RM1,000,000.00	RM0.00
5.	Nilai dana wakaf yang diperolehi	RM500,000.00	RM64,644.64
6.	Nilai dana endowment yang diperolehi	RM500,000.00	RM82,116.30
7.	Nilai dana zakat yang diperolehi	RM500,000.00	RM676,936.91
8.	Nilai penjanaan Pusat Tanggungjawab/Universiti (bukan daripada program akademik)	RM500,000.00	RM1,577,176.05
9.	Nilai penjanaan hadiah yang diperolehi	RM500,000.00	RM30,132.00
10.	Peratusan penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan operasi keseluruhan [OBB]	15	22 (67,925,933 / 303,360,377)

BAB 5

SUMBER MANUSIA

5.1 Perjawatan
5.2 Kenaikan Pangkat
5.3 Perkhidmatan dan Saraan
5.4 Rekod dan Pasca Perkhidmatan
5.5 Pelan Penggantian
5.6 Latihan dan Pengukuhan Bakat
5.7 Kemajuan Kerjaya



5.1 PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2022, jumlah pengisian jawatan di Universiti Malaysia Perlis adalah sebanyak 2,103 jawatan bertaraf tetap dan kontrak. Daripada jumlah tersebut, 1,105 jawatan adalah bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 223 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 775 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana.



Rajah 1 : Peratus pengisian jawatan berdasarkan kumpulan perkhidmatan

Pengisian jawatan bertaraf tetap mengikut waran perjawatan adalah sebanyak 1,745 jawatan. Pengisian jawatan baharu bertaraf tetap pada tahun 2022 melibatkan 12 jawatan yang terdiri daripada 10 jawatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 1 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 1 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana. Bilangan keseluruhan pengisian jawatan bertaraf kontrak UniMAP sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 358 staf yang turut merangkumi 12 orang staf Bukan Warganegara yang terdiri daripada tiga (3) Indonesia, dan masing-masing satu (1) daripada Thailand, Bangladesh, Nigeria, Sudan, Pakistan, India, China, Iraq dan Yeman . Pada tahun 2022, UniMAP telah melantik 35 staf bertaraf kontrak yang baharu terdiri daripada 7 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 8 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 20 staf Kumpulan Pelaksana

Pengisian jawatan bertaraf tetap dan kontrak mengikut kumpulan perkhidmatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	KONTRAK	TETAP	JUMLAH
Pengurusan & Profesional (Akademik)	61	1,044	1,105
Pengurusan & Profesional (Pentadbiran)	53	170	223
Kumpulan Pelaksana	244	531	775
JUMLAH KESELURUHAN	**358**	**1,745**	**2,103**

5.2 KENAIKAN PANGKAT

UniMAP melalui Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat telah memperakukan 120 staf untuk kenaikan pangkat bagi tahun 2022 yang terdiri daripada :

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
Pengurusan Tertinggi (Akademik)	9
Pengurusan & Profesional (Akademik)	64
Pengurusan & Profesional (Pentadbiran)	10
Pelaksana	37
JUMLAH KESELURUHAN	**120**

5.3 PERKHIDMATAN DAN SARAAN

AKTIVITI / PROGRAM

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC)

Anugerah Seri Gemilang merupakan salah satu aktiviti tahunan Universiti dalam memberi pengiktirafan kepada warganya yang telah memberikan jasa bakti dan menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun dinilai.

Anugerah ini adalah sebagai penghargaan kepada semua penerima serta pembangkit semangat kepada rakan-rakan sekerja yang lain untuk terus berkhidmat dengan penuh integriti, jujur, berdedikasi, ikhlas, amanah dan sentiasa mendukung nilai-nilai murni dan profesionalisme.

Pada Majlis Anugerah Seri Gemilang yang telah berlangsung pada 23 Mac 2022 di Dewan Kecemerlangan, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Alam UniMAP memperlihatkan seramai 133 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari kalangan staf lantikan tetap dan 34 penerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang bagi staf lantikan kontrak diberi penghargaan atas perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2021.

Berikut adalah kategori anugerah dan bilangan penerima Anugerah Seri Gemilang UniMAP Tahun 2021 :

BIL	ANUGERAH	BILANGAN PENERIMA
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	133
2.	Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang	34

5.4 REKOD DAN PASCA PERKHIDMATAN

PERSARAAN STAF

Secara keseluruhannya pada tahun 2022, pegawai yang bersara wajib ialah seramai 5 orang, manakala pegawai yang bersara pilihan ialah seramai 7 orang. Pada tahun 2022 juga, seorang pegawai telah dibersarakan atas sebab kesihatan dan seorang pegawai telah meninggal dunia dalam perkhidmatan.

Senarai Pegawai Yang Bersara Wajib Tahun 2022 :

BIL	NAMA	JAWATAN SEMASA PERSARAAN	TARIKH BERSARA
1.	Razli bin Ahmad	Pensyarah Universiti Profesor Madya (DS54)	23/02/2022
2.	Shah Fenner Khan bin Mohamad Khan	Pensyarah Universiti Profesor Madya (DS54)	10/05/2022
3.	Salleh bin Abd Rashid	Pensyarah Universiti Profesor Gred Khas B (VK6)	12/05/2022
4.	Ku Amir bin Ku Daud	Pensyarah Universiti (DS52)	29/08/2022
5.	Mazelan bin Abdul Hamid	Pensyarah Universiti (DS52)	17/10/2022

Senarai Pegawai Yang Bersara Pilihan Tahun 2022 :

BIL	NAMA	JAWATAN SEMASA PERSARAAN	TARIKH BERSARA
1.	Sabarina binti Ismail	Pensyarah Universiti (DS52)	01/02/2022
2.	Zul Azhar bin Zahid Jamal	Pensyarah Universiti Profesor Gred Khas A (VK5)	01/03/2022
3.	Mohd Nizam bin Ismail	Pegawai Tadbir (N41)	22/03/2022
4.	Hafizah binti Md Yusof	Setiausaha Pejabat (N36)	01/04/2022
5.	Abdul Rahman bin Mohd Saad	Pensyarah Universiti Profesor Madya (DS54)	01/04/2022
6.	Soh Ping Jack	Pensyarah Universiti Profesor Madya (DS54)	07/04/2022
7.	Nora binti Jullok	Pensyarah Universiti Profesor Madya (DS54)	25/06/2022

Senarai Pegawai Yang Bersara Atas Sebab Kesihatan Tahun 2022 :

BIL	NAMA	JAWATAN SEMASA PERSARAAN	TARIKH BERSARA
1.	Mohd Faizal bin Zainol	Pembantu Operasi (H11)	26/03/2022

Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan Pada Tahun 2022 :

BIL	NAMA	JAWATAN SEMASA PERSARAAN	TARIKH BERSARA
1.	Arif Firdaus bin Mohd Yunus	Penolong Jurutera (JA29)	31/12/2022

PERISYTIHARAN HARTA

Pada tahun 2022, secara keseluruhannya seramai 352 orang pegawai telah membuat perisytiharan harta kali pertama, perisytiharan harta kali kedua, perisytiharan pelupusan harta dan perisytiharan tiada perubahan harta.

Perisytiharan Harta

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
1.	Pengurusan Tertinggi (Akademik)	1
2.	Pengurusan Tertinggi (Bukan Akademik)	1
3.	Pengurusan dan Profesional (Akademik)	117
4.	Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	53
5.	Pelaksana	180
JUMLAH KESELURUHAN		**352**

Permohonan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Pegawai Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Bagi Tahun 2022

Pada tahun 2022, secara keseluruhannya seramai 40 orang pegawai UniMAP yang telah membuat permohonan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Permohonan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
1.	Pengurusan Tertinggi (Akademik)	-
2.	Pengurusan Tertinggi (Bukan Akademik)	-
3.	Pengurusan dan Profesional (Akademik)	28
4.	Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	4
5.	Pelaksana	8
JUMLAH KESELURUHAN		**40**

5.5 PELAN PENGGANTIAN

Kelompok Bakat Pemimpin Universiti di kalangan staf UniMAP yang dikenalpasti perlu dilatih dan diperkasakan bakat mereka melalui program-program kepimpinan yang berjadual dan berfasa. Setiap staf yang dikenalpasti dalam kelompok bakat perlu melalui lapan (8) Kompetensi Kepimpinan iaitu;





Program Pembangunan Kepimpinan Universiti anjuran dalaman melibatkan empat (4) fasa utama dibawah Teras Kecemerlangan Bakat UniMAP 2025. Empat (4) Fasa Program Pembangunan Kepimpinan UniMAP telah dirangka bermula tahun 2021 yang berteraskan kepada Kompetensi Kepimpinan seperti berikut :

a. Leadership Talk Series (LTS);
b. University Executive Program (UEP);
c. Institutional Development Program (IDP); dan
d. Individual Assessment Program (IAP).

Program Kepimpinan Anjuran Dalaman

Perlaksanaan Program Kepimpinan bagi tahun 2022 adalah seperti jadual berikut:.

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA
1.	UniMAP LEADERSHIP PROGRAMME (UniLeadPro) : Modul 4 (Final Modul)	2 Jun 2022	Auditorium Canselori Tuanku Syed Sirajuddin Putra	185
2.	UniMAP EXECUTIVE PROGRAMME (UEP) FASA 2	25 Julai 2022	Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra	61
3.	UniMAP EXECUTIVE PROGRAMME (UEP) FASA 3	22 September 2022	Secara Dalam Talian	128

Pelaksanaan Program Latihan dan Bengkel Anjuran Luar-AKEPT

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	OBJEKTIF	TEMPAT	NAMA PESERTA	
					AKADEMIK	PENTADBIR
1.	AKEPT Competency & Enhancement Programme (ACEP): Coaching And Mentoring For Director Of Centre Of Excellence (CoE)	28 - 30 Jun 2022	Untuk membolehkan pemimpin di kalangan pentadbir Akademik atau bukan akademik memahami nilai dan kemahiran yang diperlukan untuk memimpin COE atau jabatan masing- masing dengan lebih berkesan.	EDC Hotels & Resorts, Universiti Utara Malaysia (UUM)	-	1. Pn. Mashitoh Abu 2. Pn. Rohazna Abdul Wahab
2.	Program International Deans Course : Malaysian Chapter (Myidc) Kohot 3	13 Sept 2022 sehingga 18 Jun 2023	Memberi pendedahan kepada kelompok bakat berpotensi dalam memantapkan pengurusan Institusi Penddikan Tinggi (IPT) dan memperka-sakan kompetensi kepimpinan dalam kalangan pemimpin pertengahan di IPT	Online / AKEPT / UUM / UMS Sandakan Sabah	Online / AKEPT / UUM / UMS Sandakan Sabah	-
3.	Talent Management For Excellence 4.0 Tahun 2022-2023	Ogos 2022 sehingga April 2023	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pengurus-pengurus bakat universiti awam.	AKEPT & Secara Dalam Talian	-	1. Pn. Alma Azizah Abdul Rahim 2. En. Hasrul Nizam Halim
4.	Program Penilaian Behavioural Event Self Assessment (Besa) AKEPT	23 - 25 Sept 2022	Memprofilkan Kumpulan Bakat Pada Peringkat Awal Supaya Kumpulan Bakat Yang Berpotensi Ini Mengenalpasti Kompetensi Dan Dapat Membina Garis Asas (Base Line) Untuk Ke Peringkat Yang Seterusnya		1. Prof. Ir Ts. Dr. Muzamir Isa 2. Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad 3. Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi 4. Prof. Madya Dr. Mohd Arif Anuar Mohd Salleh	1. YM Raja Shah Erman Raja Arifin
5.	Smart Partnership AKEPT	19 - 20 Sept 2022	Memberi Nilai Tambah Kepada Kompetensi Bakat Kepimpinan Di Universiti Awam	Bangi Resort Hotel	Prof. Ts Dr. Hazry Desa (Coaching Counselling And Mentoring)	En. Norazam Abdul Rashid (Strategic And Analytical Thinking Skills)
6.	Competency Based Instrument : Behavioural Event Self Assessment (CBI Besa) Cohort 2 - 2022/2023	S1 : 20-22 Sept 2022 @ AKEPT. S2 : 19-20 Okt 2022 @ AKEPT. S3 : 25-27 Jan 2023 @ AKEPT. S4 : 22-24 Feb 2023 @ UUM. S5 : 18-20 Mac 2023 @ UUM.	Khusus Ditawarkan Kepada Graduan Diploma Professional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (Professional Diploma in CBTM) Bagi Meningkatkan Kemahiran Untuk Menjayakan Agenda Pengurusan Bakat Kepimpinan Nasional Di Institusi Pendidikan Tinggi.	AKEPT / UUM	-	YM Raja Shah Erman Raja Arifin
7.	Changemaker Leadership Programme For Senior Administrator (CLAPSA)	28-30 Sept 2022	Memperkukuhkan Bakat Kepimpinan Dalam Kalangan Pegawai KlasifikasiPerkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan (Skim N) Dan Klasifikasi Perkhidmatan Kewangan (Skim W) Di Universiti Awam Bagi Mempersiapkan Mereka Menghadapi Cabaran Baharu Masa Hadapan.	Nilai Spring Resort	-	1. Pn. Normiza Othman 2. Cik Intan Syarmiza 3. Pn. Aiza Jasmi 4. En. Hasrul Nizam

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	OBJEKTIF	TEMPAT	NAMA PESERTA	
					AKADEMIK	PENTADBIR
8.	Pioneer Program On Legal For Non-Legal For Higher Education Sector Anjuran IIUM & AKEPT	26 - 27 Sept 2022	The Purpose Of This Programme Is To Deliberate Further On Context Of Each Module.	IIUM	-	Pn. Norain Rusyilawati Aziz
9.	Bengkel Kepimpinan Wanita AKEPT	21 Oktober 2022	Akept Dengan Kerjasama Kuptm Dalam Satu Kajian Bertajuk Akept Competency Excellence (Ace) : Women Leadership In Malaysian Higher Education. Kajian Ini Bertujuan Membincang Hal Berkaitan Kepimpinan Wanita Dalam Ipta Di Malaysia. Satu Sesi Kumpulan Fokus Bagi Berkongsi Idea, Pandangan Dan Cadangan.	AKEPT	1. PM. Dr. Siti Khadijah Za'aba 2. PM. Dr. Noorhafiza Muhammad 3. Dr. Julinawati Suanda	-
10.	Professional Legal For Non-Legal (Prolenol)	26 & 27 Oktober 2022	Mendedahkan peserta mengenai undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tadbir urus universiti.	AKEPT	-	1. En. Saifol 2. Nizam En. Ishaq Amirul Nawab Murat
11.	Program Kolokium AKEPT	15 & 16 Nov 2022	Perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran, amalan baik serta prospektif baharu yang boleh dimanfaatkan antara satu sama lain.	Eastin Hotel Kuala Lumpur	-	1. YM Raja Shah Erman Raja Arifin 2. En. Hairi Osman
12.	Profesional Finance For Non-Finance	23 & 24 Nov 2022	Mendedahkan peserta dengan peraturan dan isu semasa yang berkaitan dengan kewangan di Universiti Awam.	AKEPT	Pm. Ts. Dr. Nik Noriman Zulkepli	Pn. Noora Yusoff
13.	HUMAN GOVERNANCE IN LEADERSHIP (HGL) 2022	2 - 3 Nov 2022	Memperkukuhkan elemen tadbir urus insan kepada warga pendidik dan pentadbir di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).	AKEPT	-	Pn. Nor Azmah Abd Karim
JUMLAH PESERTA					**10**	**23**

Pelaksanaan Program Latihan dan Bengkel Anjuran Agensi Luar

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	NAMA PESERTA	
				AKADEMIK	PENTADBIRAN
1.	Certified Human Resource Management (CHRM)	Feb - Mei 2022	Ild Uitm, Bandar Enstek	-	YM Raja Shah Erman Raja Arifin
2.	Dies National Multiplication Trainings (NMT) For University Administrator 2021/2022	Dis 2021 - Mei 2022	UTAR	-	YM Raja Shah Erman Raja Arifin
3.	Digital Government Competency And Capability Readiness (DGCCR)	Jul - Ogos 2022	Intan Bukit Kiara	-	YM Raja Shah Erman Raja Arifin
4.	Bengkel Membangunkan Pelan Penggantian : Strategi Dan Teknik Pelaksanaan Anjuran PIPPA USM	28 & 29 Oktober 2022	Hotel Hilton Kota Kinabalu	-	YM Raja Shah Erman Raja Arifin

5.6 LATIHAN DAN PENGUKUHAN BAKAT (ULPB)

Program Latihan bagi tujuan kemajuan kerjaya dan peningkatan kompetensi sepanjang 2022 menumpukan kepada isu Pengukuhan ilmu pengetahuan dan peningkatan kemahiran berteraskan kompetensi yang ditetapkan untuk melahirkan staf UniMAP yang berkompeten. Latihan yang dianjurkan sepanjang tahun 2022 juga memenuhi 1 Teras Strategik UniMAP 2025 iaitu Teras Pemangkin Kecemerlangan Bakat.

Keseluruhan kursus yang dianjurkan telah berjalan dengan lancar dan rangkuman data latihan anjuran ULPB, Kerjasama PTj dan anjuran organisasi luar adalah seperti berikut :

BIL	KATEGORI	BILANGAN KURSUS	PERUNTUKAN PUSAT JABATAN PENDAFTAR VOT LATIHAN (RM)	PERUNTUKAN UniMAP 2025 - VOT KAWALAN NAIB CANSELOR (RM)
1.	Kursus Anjuran Dalaman	11	86,010.89	-
2.	Kursus Anjuran Bersama	17	25,828.13	3,235.00
3.	Kursus Anjuran Luar	29	77,051.70	-
4.	Peperiksaan Perkhidmatan & BITK	-	4,426.50	-
5.	Program Diiktiraf Hari Berkursus	1060	-	-
JUMLAH LATIHAN		**1117**	**193,317.22**	**3,235.00**



Rajah 2 : Pecahan peruntukan yang digunakan tahun 2022



Rajah 3 : Perbandingan peratusan staf berkursus mengikut tahun

Pencapaian 7 hari berkursus berasaskan kumpulan perkhidmatan tahun 2022

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	SASARAN	7 HARI	KURANG 7 HARI
1.	Akademik	1128	720	408
2.	Pengurusan & Profesional	222	175	47
3.	Pelaksana	772	564	208
JUMLAH KESELURUHAN		**2122**	**1459**	**663**
PERATUS PENCAPAIAN		**100%**	**69%**	**31%**



Rajah 4 : Pencapaian berkursus berasaskan kumpulan perkhidmatan tahun 2022







PUSAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN LESTARI (LEAD)

Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD) merupakan sebuah pusat tanggung jawab di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang di struktur semula melalui gabungan Unit Pengajaran dan Pembelajaran serta Unit Pembangunan Lestari pada tahun 2015. LEAD berfungsi dalam merancang, menyediakan pembangunan program latihan akademik, termasuk program e-pembelajaran dan program pembelajaran sepanjang hayat dalam memenuhi visi dan misi universiti.

Keperluan asas pengajaran bagi tenaga pengajar baru di universiti awam di Malaysia merangkumi pemantapan komponen kaedah pengajaran dan pembelajaran. Keperluan Pelaksanaan Kursus Pengajaran dan Pembelajaran kepada staf akademik perlulah disepadukan dalam perancangan pembangunan sumber manusia akademik di setiap UA di Malaysia selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) Lonjakan 2 Kecemerlangan Bakat.

Program latihan yang dianjurkan sepanjang tahun 2022 memenuhi dua Teras Strategik UniMAP 2025 ; iaitu Teras Akademik & Teras Pemangkin Kecemerlangan Bakat. Program latihan yang telah dilaksanakan memenuhi keperluan 3 kompetensi akademik ; 1) Kecemerlangan Akademik (Pedagogi), 2) Penyelidik Diiktiraf, dan 3) Kemahiran Digital.

Program latihan yang dianjurkan sepanjang tahun 2022

MAKLUMAT PERINCIAN PELAKSANAAN PROGRAM	JUMLAH KURSUS DILAKSANAKAN	JUMLAH PENYERTAAN STAF AKADEMIK
Program Pensijilan Pengajaran & Pembelajaran dan Pengesahan Jawatan Staf Akademik UniMAP 1) Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran 2) Kursus Bahasa Melayu Maju 3) Kursus Bahasa Inggeris	3	93
Program Peningkatan Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (*Reskilling/ Upskilling*) 1) Bengkel Penyeliaan Siswazah 2) Bengkel Kaedah Penyelidikan 3) Bengkel Pembangunan Bahan Continuous Assessment (CA) Menggunakan Platform E-Learning UniMAP Siri 4) Kursus Tatacara Penggunaan Laman Portal E-Learning UniMAP 5) Course And Build Microcredential 6) Kursus Pembangunan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif Menggunakan Aplikasi H5P 7) Kursus Pembangunan Bahan Kandungan Massive Open Online Courses (MOOC) 8) Kursus Engaging Student With Teaching & Learning Activities Using e-Learning UniMAP Siri 1 & 2 9) Sharing Session Micro Credential Implementation in UUM 10) Bengkel Pembangunan dan Penilaian Micro Credential Bengkel Training Of Trainer Work Based Learning(WBL)	11	395
Webinar, Seminar dan Program Pembelajaran sepanjang Hayat Lain-lain.	3	192
JUMLAH KESELURUHAN BAGI TAHUN 2022	**17**	**680**

5.7 KEMAJUAN KERJAYA

SKIM PENGAJIAN LATIHAN KAKITANGAN AKADEMIK (SPLKA)

Seramai 31 orang staf akademik UniMAP telah diluluskan untuk Cuti Belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah skim ini. Terdapat dua (2) skim yang ditawarkan iaitu Skim Peningkatan Profesionalisme (PP) dan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB). Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) merupakan tajaan pengajian oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Berikut adalah data staf akademik yang terlibat bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

BIL	FAKULTI	PHD		JUMLAH
		DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	
1.	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE)	4	-	4
2.	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)	1	1	2
3.	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam (FTKA)	1	-	1
4.	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK)	3	-	3
5.	Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)	4	1	4
6.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (FTKEN)	-	-	0
JUMLAH KESELURUHAN		**13**	**1**	**14**

SKIM PASCA KEDOKTORAN

Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada Staf Akademik UniMAP dan Bukan Staf yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung bidang pengajian yang dijalankan oleh mereka. Bilangan Staf UniMAP yang mengikuti skim ini pada tahun 2022 adalah seorang di bawah pembiayaan sendiri. Manakala seorang lagi telah diluluskan untuk mengikuti skim ini di bawah penajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan akan memulakan pengajian pada tahun 2023.

Bagi Skim Pasca Kedoktoran UniMAP (Bukan Staf), seramai 28 orang penyelidik luar telah diluluskan untuk menjalani skim ini.

CUTI SABATIKAL

UniMAP juga menawarkan kemudahan Cuti Sabatikal kepada staf akademik untuk penerbitan buku atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang kepakaran demi untuk kemanfaatkan kepada warga universiti mahupun negara. Pada tahun 2022, seramai seorang staf akademik yang telah menjalani skim cuti sabatikal dalam negara.

SKIM SANGKUTAN (STAF UniMAP)

Skim ini ditawarkan kepada ahli akademik dan staf pentadbiran UniMAP untuk memberi pendedahan berfokuskan ilmu pengetahuan, pengalaman profesional dan perkongsian amalan terbaik agar staf dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan efektif, kreatif, proaktif dan inovatif yang menepati keperluan semasa. Bagi tahun 2022, seramai lima (5) orang staf akademik yang mengikuti skim Sangkutan Akademik ini secara sepenuh masa dan separuh masa.

Jumlah staf yang mengikuti Skim Sangkutan Akademik

JENIS SKIM/PROGRAM	STAF UniMAP (ORANG)	BUKAN STAF (ORANG)
Pasca Kedoktoran	2	28
Sabatikal	1	-
Sangkutan Staf Akademik	5	-
Sangkutan Staf Pentadbiran	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	**8**	**28**

STATISTIK JUMLAH STAF /FELO SEHINGGA DISEMBER 2022

A. Staf / Felo Aktif

PERKARA	BILANGAN	
	STAF	FELO
Staf / Felo AKTIF	101 orang	1 orang

B. Staf / Felo Lapor Diri (Belum Tamat Pengajian)

PERKARA	BILANGAN	
	STAF	FELO
Staf / Felo BELUM TAMAT LAPOR DIRI	68 orang	6 orang

C. Staf / Felo Lapor Diri (Telah Mengemukakan Tesis)

PERKARA	BILANGAN	
	STAF	FELO
Staf / Felo KES KHAS – SUBMIT TESIS	12 orang	Tiada

D. Staf / Felo Tamat Pengajian (Dengan Surat Senat)

PERKARA	BILANGAN	
	STAF	FELO
Staf / Felo TAMAT PENGAJIAN	28 orang	4 orang

E. Staf / Felo Dijangka Tamat

PERKARA	BILANGAN	
	STAF	FELO
Tamat 2023	57 orang	2 orang
Tamat 2024	35 orang	Tiada
Tamat 2025	15 orang	Tiada
Tamat 2026	2 orang	Tiada
JUMLAH KESELURUHAN	**109 orang**	**2 orang**

PROGRAM /AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2022

1. Program Registry @ Faculty

Tarikh : **17 Oktober 2022 (Isnin)**
Tempat : **Bilik Seminar Siantan, Fakulti kejuruteraan & Teknologi Mekanikal, UniMAP.**
Masa : **9.00 pagi – 1.00 tengahari**
Bil. Peserta : **25 orang**
Sasaran : **Pegawai dari setiap fakulti pengajian yang menguruskan hal ehwal pentadbiran staf termasuk cuti belajar, perkhidmatan dan latihan Jabatan Pendaftar.**

Program ini adalah bertujuan untuk menyelaras fungsi Sumber Manusia di Fakuliti. Pada masa yang sama ia dapat merapatkan jurang pengetahuan dan perkongsian informasi di antara Pegawai di Jabatan Pendaftar dan Pegawai di fakulti. Pada sesi ini juga, para pegawai akan diberi penerangan yang jelas tentang tugas dan tanggungjawab Pegawai Tadbir Fakulti yang melibatkan hal ehwal perkhidmatan, pasca perkhidmatan, kemajuan kerjaya, latihan dan pengurusan sumber manusia secara

BAB 6

HAL EHWAL AKADEMIK

6.1 Bilangan Program Pengajian Yang Ditawarkan oleh UniMAP
6.2 Enrolmen Pelajar
6.3 Enrolmen Pelajar Antarabangsa
6.4 Statistik Graduan 2022
6.5 Pelajar Antarabangsa
6.6 iGOT
6.7 Enrolmen Graduan
6.8 Pembelajaran Dalam Talian
6.9 Profesor Adjung, Pemeriksa Luar dan Panel Penasihat Industri
6.10 Syarahan / Seminar /Persidangan
6.11 Penilaian Akreditasi Di Bawah Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)
6.12 Status Akreditasi Program Siswazah UniMAP
6.13 Pengiktirafan Dalam Bidang Profesional



6.1 BILANGAN PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN OLEH UniMAP

PERINGKAT PENGAJIAN DIPLOMA

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM PENGAJIAN
1.	UR4523002	Diploma Kejuruteraan Komputer
2.	UR4522001	Diploma Kejuruteraan Elektrik
3.	UR4523001	Diploma Kejuruteraan Mekatronik
4.	UR4523003	Diploma Kejuruteraan Elektronik
5.	UR4540001	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
6.	UR4521001	Diploma Kejuruteraan Metalurgi

PERINGKAT PENGAJIAN SARJANA MUDA

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM PENGAJIAN
1.	UR6321001	Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu Dengan Kepujian
2.	UR6340001	Sarjana Muda Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) Dengan Kepujian
3.	UR6340002	Sarjana Muda Perniagaan (Keusahawanan Kejuruteraan) Dengan Kepujian
4.	UR6526001	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian
5.	UR6523001	Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik Dengan Kepujian
6.	UR6526002	Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar Dengan Kepujian
7.	UR6521001	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian
8.	UR6527001	Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan Dengan Kepujian
9.	UR6540001	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian
10.	UR6523002	Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujiaan
11.	UR6522001	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian
12.	UR6523003	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian
13.	UR6524001	Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Dengan Kepujian

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM PENGAJIAN
14.	UR6524002	Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer Dengan Kepujian
15.	UR6523004	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan Dengan Kepujian
16	UR6523005	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian
17.	UR6524003	Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian Dengan Kepujian
18.	UR6524004	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Teknologi Makanan) Dengan Kepujian
19.	UR6526003	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) Dengan Kepujian
20.	UR6524005	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Proses Kimia Industri) Dengan Kepujian
21.	R6524006	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi Industri) Dengan Kepujian
22.	UR6522002	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
23.	UR6523006	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Teknologi Robotik dan Automasi) Dengan Kepujiaan
24.	UR6523007	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) Dengan Kepujian
25.	UR6523008	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka Bentuk Telekomunikasi Elektronik) Dengan Kepujian
26.	UR6523009	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Reka Bentuk Rangkaian Elektronik) Dengan Kepujian
27.	UR6521002	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan) Dengan Kepujian
28.	UR6521003	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Pertanian) Dengan Kepujian
29.	UR6521004	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembangunan Produk) Dengan Kepujian
30.	UR6543001	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan) Dengan Kepujian
31.	UR6523011	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri Dengan Kepujian
32.	UR6522003	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik Dengan Kepujian
33.	UR6521005	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan Dengan Kepujian
34.	UR6521006	Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri Dengan Kepujian
35.	UR6525001	Sarjana Muda Teknologi Automotif Dengan Kepujian
36.	UR6582001	Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan Dengan Kepujian

6.2 ENROLMEN PELAJAR



Rajah 5 : Enrolmen Pelajar Program Diploma Mengikut Program Pengajian



Rajah 6 : Enrolmen Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda (tempatan) Mengikut Program Pengajian

Statistik Bilangan Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Bagi Tahun 2022

PASCASISWAZAH	2022	
	TEMPATAN	ANTARABANGSA
Doktor Falsafah	436	186
Sarjana Sains (Mod Penyelidikan)	493	63
Sarjana Sains (Mod Campuran)	60	8
Sarjana Sains (Mod Kerja Kursus)	12	3
Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Mod Kerja Kursus)	143	5
JUMLAH	1144	265
PERATUS (%)	**81**	**19**

6.3 ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

BIL	KOD PROGRAM	PROGRAM PENGAJIAN	ENROLMEN
1.	RE09	Perniagaan Antarabangsa	1
2.	RK01	Kejuruteraan Awam	6
3.	RK08	Kejuruteraan Mekanikal	9
4.	RK13	Kejuruteraan Pembuatan	2
5.	RK20	Kejuruteraan Komputer	6
6.	RK23	Kejuruteraan Elektrik	8
7.	RK24	Kejuruteraan Mekatronik	10
8.	RK53	Kejuruteraan Perhubungan	2
9.	RK85	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	7
10.	RK86	Kejuruteraan Elektronik	4
11.	RP52	Keusahawanan Kejuruteraan	4
12.	UR6321001	Komunikasi Media Baharu	1

Enrolmen Pelajar Prasiswazah Antarabangsa Bagi Tahun 2022

BIL	KOD PROGRAM	PROGRAM PENGAJIAN	ENROLMEN
13.	UR6340001	Perniagaan Antarabangsa	5
14.	UR6340002	Keusahawanan Kejuruteraan	1
15.	UR6321001	Kejuruteraan Awam	6
16.	UR6340001	Kejuruteraan Mekanikal	9
17.	UR6340002	Kejuruteraan Pembuatan	2
18.	UR6321001	Kejuruteraan Komputer	6
19.	UR6340001	Kejuruteraan Awam	6
20.	UR6340002	Kejuruteraan Mekanikal	9
21.	UR6321001	Kejuruteraan Pembuatan	2
22.	UR6340001	Kejuruteraan Komputer	6
23.	UR6340002	Kejuruteraan Komputer	6
24.	UR6340002	Kejuruteraan Awam	6
25.	UR6321001	Kejuruteraan Mekanikal	9
26.	UR6340001	Kejuruteraan Pembuatan	2
27.	UR6340002	Kejuruteraan Komputer	6
JUMLAH			**143**

Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Pecahan Negara Dan Jantina

BIL	NEGARA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH PELAJAR
1.	Afghanistan	2	-	2
2.	Africa / Eritrea	1	-	1
3.	Algeria	1	-	1
4.	Bangladesh	3	-	3
5.	Chad	1	-	1
6.	Egypt	13	-	13
7.	India	-	1	1
8.	Indonesia	3	1	4
9.	Iraq	0	-	0
10.	Jordan	2	-	2
11.	Libya	0	-	0
12.	Mali	1	-	1
13.	Myanmar	2	2	4
14.	Nigeria	-	1	1
15.	Pakistan	1	1	2
16.	Palestin	2	-	2
17.	Somalia	8	-	8
18.	Sudan	10	1	11
19.	Syria	2	-	2
20.	Thailand	1	-	1
21.	Uganda	1	-	1
22.	United Kingdom	1	-	1
23.	Yemen	81	-	81
JUMLAH KESELURUHAN		**136**	**7**	**143**

Statistik Pelajar Berdaftar Untuk Program Persediaan Bahasa Inggeris Pra-Universiti (EPPP) Mengikut Pecahan Program Pengajian

BIL	KATEGORI	AMBILAN OKTOBER 2022	JUMLAH
1.	UR6340001 - Perniagaan Antarabangsa	1	1
2.	UR6524004 - Teknologi Kejuruteraan Teknologi Makanan	1	1
3.	UR6523006 - Teknologi Robotik & Automasi	2	2
4.	UR6521001 - Kejuruteraan Mekanikal	1	1
5.	UR6523003 - Kejuruteraan Mekatronik	1	1
JUMLAH KESELURUHAN		**6**	**6**

Statistik Pelajar Berdaftar untuk EPPP Mengikut Pecahan Negara

BIL	NEGARA	AMBILAN OKTOBER 2022		
		LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1.	Sudan	2	0	2
2.	Yemen	4	0	4
JUMLAH KESELURUHAN		**6**	**0**	**6**

6.4 STATISTIK GRADUAN 2022

Secara keseluruhannya, bilangan pelajar menamatkan pengajian pada tahun 2022 meningkat sebanyak 3% dari tahun 2021.

Statistik Graduan 2022

TAHUN	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	SARJANA MUDA	DIPLOMA	PROFESIONAL	JUMLAH
2021	56	116	2470	415	9	3066
2022	70	117	2412	504	54	3157



Seramai 3157 pelajar berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2022. Statistik pelajar mengikut program pengajian adalah seperti berikut :



JUMLAH KESELURUHAN = 3,157

Daripada jumlah tersebut 79% adalah graduan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi manakala 21% adalah graduan dalam bidang pengurusan perniagaan dan sains sosial. Statistik pelajar mengikut fakulti seperti berikut :



	FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI	FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI AWAM	FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK	FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRONIK	FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI KIMIA	FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MEKANIKAL	INSTITUT KEJURUTERAAN NANOELEKTRONIK	INSTITUT MATEMATIK KEJURUTERAAN
Doktor Falsafah	17	5	9	24	11	1	3	0
Sarjana	49	4	13	23	12	8	2	6
Sarjana Muda	600	230	394	517	330	341	0	0
Diploma	0	0	219	189	26	70	0	0
Profesional	0	54	0	0	0	54	0	0

Daripada 2,916 orang pelajar Sarjana Muda dan Diploma yang menamatkan pengajian, seramai 163 orang pelajar berjaya mendapat Kelas Pertama dengan CGPA 3.67 ke atas iaitu 5% daripada keseluruhan pelajar. Statistik pengkelasan program mengikut fakulti adalah seperti berikut :



Rajah 8 : Statistik pengkelasan program sarjana muda tahun 2022



Rajah 9 : Statistik pengkelasan program diploma kejuruteraan tahun 2022

6.5 PELAJAR ANTARABANGSA

Pada tahun 2022 juga, seramai 54 orang pelajar antarabangsa menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda melibatkan 17 buah negara. Negara Yaman dan Indonesia mempunyai bilangan graduan paling ramai tahun 2022.



Rajah 10 : Statistik graduan antarabangsa mengikut program pengajian tahun 2022

6.6 iGOT

Pada tahun 2022 juga, seramai 54 orang pelajar antarabangsa menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda melibatkan 17 buah negara. Negara Yaman dan Indonesia mempunyai bilangan graduan paling ramai tahun 2022.



6.7 ENROLMEN GRADUAN

Sehingga tahun 2022, UniMAP telah melahirkan seramai 35,133 graduan di pelbagai peringkat pengajian. Peningkatan ketara dapat dilihat mulai tahun 2018 dan 2019 dengan pertambahan graduan bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan diikuti dengan program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Peningkatan bilangan graduan ini juga turut disumbang oleh pelajar – pelajar Doktor Falsafah dan Sarjana. Terdapat pertambahan graduan program Profesional pada tahun 2021 dan 2022 seramai 63 orang.

Statistik enrolmen graduan bagi 6 tahun (2017 – 2022) adalah seperti berikut :



Rajah 11 : Enrolmen graduan bagi tahun 2017 sehingga 2022

6.8 PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Butiran pembelajaran dalam talian adalah seperti berikut :

BIL	NAMA KURSUS	NAMA KOORDINATOR	NAMA PENGANJUR	TEMPAT	TAHAP PROGRAM	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
1.	Bengkel Pembangunan Bahan Continuous Assessment (CA) Menggunakan Platform e-Learning UniMAP	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	03/02/2022	03/02/2022
2.	Bengkel e-Learning : Tatacara Penggunaan Portal dan Pembangunan Bahan Continuous Assessment (CA)	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Beginner	14/03/2022	14/03/2022
3.	Bengkel Kaedah Penyelidikan Siri 1 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Dalam Talian	Beginner	22/03/2022	23/03/2022
4.	Kursus Tatacara Penggunaan Laman Portal e-Learning UniMAP Siri 3 Tahun 2022 (MPU)	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Beginner	10/03/2022	10/03/2022
5.	Siri 4 Course And Build Microcredential	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	25/02/2022	25/02/2022

BIL	NAMA KURSUS	NAMA KOORDINATOR	NAMA PENGANJUR	TEMPAT	TAHAP PROGRAM	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
6.	Bengkel Penyeliaan Siswazah Siri 1 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	15/03/2022	15/03/2022
7.	Bengkel Penyeliaan Siswazah Siri 2 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	23/06/2022	30/06/2022
8.	Kursus Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Interaktif menggunakan Aplikasi H5P	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Beginner	08/08/2022	08/09/2022
9.	Kursus Bahasa Inggeris Siri 1 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Bilik Seminar FTKEN, Kampus Alam Pauh Putra	Beginner	08/08/2022	08/12/2022
10.	Kursus Bahasa Melayu Maju Siri 1 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Bilik Seminar FTKEN, Kampus Alam Pauh Putra	Beginner	22/08/2022	26/12/2022
11.	Kursus Pembangunan Bahan Kandungan Massive Open Online Courses (MOOC	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	25/08/2022	25/08/2022
12.	Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Siri 1 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Beginner	11/10/2022	18/10/2022
13.	Kursus Engaging Student With Teaching & Learning Activities Using e- Learning UniMAP Siri 1	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	26/10/2022	26/10/2022
14.	Sharing Session Implementati on Micro Credential in UUM	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Bilik Seminar Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra.	Beginner	02/11/2022	02/11/2022
15.	Bengkel Pembangunan dan Penilaian Micro Credential	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Beginner	30/11/2022	30/11/2022
16.	Kursus "Engaging Student With Teaching & Learning activities Using e- Learning UniMAP' Siri 2	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	07/12/2022	07/12/2022
17.	Bengkel Penyeliaan Siswazah Siri 3 Tahun 2022	Universiti Malaysia Perlis	Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	Makmal Digital LEAD, Bangunan DMDC Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	Intermediate	05/12/2022	09/12/2022

6.9 PROFESOR ADJUNG, PEMERIKSA LUAR DAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI

MAKLUMAT PELANTIKAN PROFESOR ADJUNG, PEMERIKSA LUAR DAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI TAHUN 2022 DI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

NAMA	FAKULTI	INSTITUSI / JABATAN
Encik Mohd Fathullah Bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Jadual 12 : Profesor Adjung

NAMA	PROGRAM	FAKULTI	INSTITUSI / JABATAN
Prof. Ir Dr. Thomas Choong Shean Yaw	Program Sarjana Muda Kejuruteraan Bioproses / Kimia Dengan Kepujian	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia	Universiti Putra Malaysia (UPM)
Prof. Dr. Arshad Ahmad	Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Proses Kimia Industri) Dengan Kepujian	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Prof. Madya Ir. Dr. Nursyarizal Mohd Nor	Program Diploma Kejuruteraan Elektrik	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
Prof. Dr. Zainuriah Hassan	Program Pascasiswazah	Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE)	Universiti Sains Malaysia (USM)
Prof. Dr. Zainuriah Hassan	Program Pascasiswazah	Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE)	Universiti Sains Malaysia (USM)
Prof. Madya Ir. Dr. Shahiroh Shahidan	Program Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Prof. Dr. Yusri Yusof	Diploma Kejuruteraan Pembuatan	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Prof. Ts. Dr. Khalina Abdan	Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian Dengan Kepujian dan Kejuruteraan Biosistem Dengan Kepujian	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia	Universiti Putra Malaysia (UPM)
Prof. Dr. Hamedi Mohd Adnan	Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu	Fakulti Perniagaan & Komunikasi	Universiti Malaya (UM)
Prof. Ir Dr. Marlinda Abdul Malek	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam	Universiti Islam Antarabangsa (UiAM)

NAMA	PROGRAM	FAKULTI	INSTITUSI / JABATAN
Prof. Madya Ts. Dr. Zakiah Kamdi	Diploma Kejuruteraan Metalurgi	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Prof. Ir. Dr. Md Saidin Wahab	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Prof. Madya Dr. Ahmad Yasir Md Said	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL-MFI)

Jadual 13 : Pemeriksa Luar

NAMA	PROGRAM	FAKULTI	INSTITUSI / JABATAN
Ir. R. Umadevi A/P Ragoo Nathar	Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem/ Pertanian Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Jabatan Kerja Raya Malaysia
Ir. Vasan Mariappan	Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem/Pertanian Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	JAI Consult
Ir. Dr. Badril Abu Bakar	Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem/Pertanian Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	MARDI Serdang
Dr. Sean Lee Weng Fook	Pascasiswazah	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik	Emerald Systems Design Sdn. Bhd.
En. Ahmad Rafeek Ibrahim	Pascasiswazah	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik	Intel Malaysia Sdn. Bhd.
Ir. Ts. Dr. Tan Kim Seah	Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Oryx Advanced Materials Sdn. Bhd.
Ir. Ts. Zulkifli Zainon	Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Korean Register (B) Sdn. Bhd.
En. Mohd Kamil Mohd Ali	Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Favelle Favco
Ir. Ts. Nordin Ramli	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) Dengan Kepujian	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	MIMOS Berhad
En. Mohd Khairul Rizan Saad	Diploma Kejuruteraan Metalurgi	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Southern Steel Berhad, Malaysia
En. Mohammad Fakhruddin Mohammed Noor	Diploma Kejuruteraan Metalurgi	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia	Shell Middle Distillate Synthesis (SMDS)

NAMA	PROGRAM	FAKULTI	INSTITUSI / JABATAN
En. Muhammad Azuan Jamaludin	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd.
En. Mohd Shakir Jamil	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Straits Orthopeadic Sdn. Bhd.
En. Ahmad Luthfi Ahmad Azhari	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Inari Semiconductor Labs (ISL) Sdn. Bhd.
En. Navin Kumar Anbu Manivanna Bharathy	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Continental Tyre AS Sdn. Bhd.
En. Mohd Azmi Mohd Arif	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Exxonmobil Exploration and Production Malaysia Inc. (EMEPMI)
En. Azmil Mohd Aris	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Malaysia Refining Company Sdn. Bhd. (MRCSB)
En. Dhiyaul Fakhrullah Mat Yahya	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	DRB Hicom Defence Technologies Sdn. Bhd.
En. Muhammad Zamharir Ahmad	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Pertanian)	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Biotechnology and Nanotechnology Research Centre, MARDI, Serdang, Selangor
En. Mohd Fizam Muhamad Fadzil	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON)
Ir. S. Mugeneswaran A/ Shanmugam	Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Baerlocher (M) Sdn. Bhd.
En. Mohammed Faisal Mohammed Yunus	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Pertanian) Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Sime Darby Research Sdn. Bhd.
En. Mohd Nizam Yaacob	Sarjana Muda Teknologi (Kimpalan) Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	UIE Solutions (M) Sdn. Bhd.
En. Tunku Ikhsan Iskandar Tunku Fathahi	Sarjana Muda Teknologi (Kimpalan) Dengan Kepujian	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal	Sam Meerkat Sdn. Bhd.

Jadual 14 : Panel Penasihat Industri

6.10 SYARAHAN / SEMINAR / PERSIDANGAN

Sepanjang tahun 2022, UniMAP telah menganjurkan 30 program syarahan umum/syarahan akademik. Program ini dianjurkan oleh beberapa Fakulti/Ptj di UniMAP.

PROGRAM	BILANGAN
Syarahan Umum/Akademik	30

Jadual 15 : Bilangan Syarahan Umum/Syarahan Akademik/Forum

Selain dari itu, beberapa Fakulti/Ptj di UniMAP telah menganjurkan seminar/persidangan/kursus jangka pendek di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PROGRAM	BILANGAN
Bilangan Seminar/ Persidangan /Kursus Jangka Pendek	132

Jadual 16 : Bilangan Seminar/Persidangan/Kursus Jangka Pendek

UniMAP juga telah berjaya menganjurkan 13 persidangan di peringkat antarabangsa pada tahun 2022 iaitu ICSET 2022, IMC 2022, WESTAC 2022 , ISAMP 2022, ICED 2022, CENVIRON 2022, ICoBiomasSE 2022, BOND21 2022, I-CoST 2022, ICoMEIA 2022, ICE4CT 2022, IConGEET 2022 dan IRSETS 2022.

1st World Engineering, Science and Technology Application Conference (WESTAC) 2022

Pada 16 hingga 17 Julai 2022 yang lalu, 1st World Engineering, Science and Technology Application Conference (WESTAC) 2022 telah berjaya dianjurkan bersama Universiti Kolej TATI (UC TATI), Bilad Al Rafidain University College dan Persatuan Alumni Universiti Malaysia Perlis. Ianya telah berjaya mengumpulkan 130 peserta tempatan dan antarabangsa dengan 110 kertas kerja daripada 14 negara seperti Iraq, Indonesia, Nigeria, Qatar, Jordan, Iran dan Bangladesh. Persidangan ini menggunakan kepakaran 70 orang pembentang daripada pelbagai bidang untuk mengenalpasti cabaran kepada kejuruteraan, sains dan teknologi.

Joint International Conference on Nanoscience & Nanoengineering (BOND21 2022)

Persidangan Joint International Conference on Nanoscience & Nanoengineering (BOND21 2022) adalah kesinambungan siri persidangan BOND21. Persidangan pada kali ini adalah yang ke-3 diadakan, bertempat di Hotel Putra Brasmana, Perlis pada 22 dan 23 September 2022 lalu. Persidangan ini adalah hasil dari anjuran bersama antara Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, UniMAP dan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), MOSTI serta beberapa universiti iaitu University of Technology (Iraq), IPB University (Indonesia) dan AIMST University (Malaysia). Persidangan pada kali ini telah menarik 73 kertas kerja dalam bidang nanoteknologi (nanoelectronics and nanomaterials) yang mana sejumlah 23 adalah kertas kerja sumbangan dari penyelidik dari UOT dan IPB University,manakala bakinya adalah sumbangan dari penyelidik IPTA dan IPTS seluruh negara. Pihak penganjur juga amat berbesar hati untuk menyambut ketibaan delegasi dari NNC, IPB University dan Cultural Attache dari kedutaan Iraq yang mewakili University of Technology, Iraq.

5th International Conference on Civil and Environmental Engineering 2022 (CENVIRON 2022) - *Special Issue on Sustainable Environment & Communities*

5th International Conference on Civil and Environmental Engineering 2022 (CENVIRON 2022) - Special Issue on Sustainable Environment & Communities telah berjaya diadakan pada 29 hingga 30 Ogos 2022 bertempat di Berjaya Hotel, Pulau Pinang. CENVIRON 2022 yang dirasmikan oleh Prof. Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Perlis telah dianjurkan oleh Pusat Kecemerlangan, Kajian Air dan Perkembangan Persekitaran Lestari (WAREG), Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Xi'an Jiaotong University, China. Persidangan ini merupakan CENVIRON kali kelima yang telah berjaya dianjurkan bersama oleh WAREG dan Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam sejak 2017. Dengan membawa tema 'Towards Safe, Resilient, and Sustainable Cities for Humankind', persidangan ini telah menarik penyertaan seramai 81 orang peserta dari institusi pengajian tinggi serta industri, tempatan dan antarabangsa. Penganjuran kali ini juga telah mendapat tajaan daripada Astasoft Sdn. Bhd. dan Megajati Academy. CENVIRON 2022 – Special Issue on Sustainable Environment & Communities dianjurkan dengan matlamat untuk mengumpulkan penyelidik muda dan berpengalaman untuk membentangkan isu dan kemajuan dalam penyelidikan berkaitan air dan kelestarian. Topik utama persidangan termasuk pengurusan sumber air, hidraulik dan hidrologi, tenaga, udara dan bunyi serta bahan hijau. Selain itu, persidangan ini juga memberi peluang kepada semua penyelidik dan ahli akademik untuk mengeratkan jaringan kerjasama ke arah meningkatkan kualiti penyelidikan yang sememangnya penting dalam mengejar pengetahuan dan kemajuan teknologi.

"International Symposium of Advanced Materials and Processing (ISAMP 2022)"

Persidangan "International Symposium of Advanced Materials and Processing (ISAMP 2022)" merupakan persidangan kali ke-2 anjuran Program Kejuruteraan Polimer, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Persidangan ini telah diadakan pada 20 Julai 2022. ISAMP 2022 telah diadakan secara maya berikutan fasa endemik COVID-19. ISAMP 2022 bertujuan untuk mengumpulkan ahli akademik dan penyelidik terkemuka dari pelbagai latar belakang dan bidang dalam bahan, mekanikal & pembuatan dan disiplin kimia. Prosiding ini mengandungi artikel yang menerangkan seni terkini bidang penyelidikan terutamanya berkaitan sains bahan dan kejuruteraan. Tiga penceramah ucaptama atau "keynote speaker" telah dijemput pada hari persidangan iaitu Prof Dr Hazizan Md Akil (Universiti Sains Malaysia, Malaysia), Prof Dr Basuki Wirjosentono (Universiti Sumatera Utara, Indonesia), dan Prof Dr Jian Fang (Soochow University, China). Untuk persidangan kali ini, dianggarkan seramai 150 orang termasuklah peserta dari Indonesia dan Taiwan, manakala kertas kerja yang di hantar ke ISAMP 2022 akan diterbitkan dalam AIP Conference Proceedings.

International Conference on Emerging Electrical Energy, Electronics and Computing Technologies 2022 (ICE4CT 2022)

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik, Universiti Malaysia Perlis selaku penganjur utama telah menganjurkan International Conference on Emerging Electrical Energy, Electronics and Computing Technologies 2022 (ICE4CT 2022) bersama dengan Nandha Engineering College, Erode, Tamil Nadu, India dan Centre of Excellence for Renewable Energy (CERE), Universiti Malaysia Perlis sebagai penganjur bersama pada 28 dan 29 Disember 2022 secara mod hybrid. Persidangan secara bersemuka diadakan di Raia Hotel & Convention Centre, Alor Setar dan secara atas talian di Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE). Persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Prof. Dato Ts Dr Zaliman Sauli. Pada tahun ini, ICE4CT2022 telah menjemput Prof Dr. Dylan Dah Chuan Lu daripadaty University of Technology Sydney, Australia sebagai pengucap utama persidangan dengan tajuk "Reliability Assessment and Improvement of Power Electronic Converters". Bidang utama yang difokuskan semasa persidangan ini adalah Elektrik dan Elektronik, Tenaga Boleh Diperbaharui, Kawalan, Sistem Pintar, Robotik, Komunikasi Sistem, dan Mekanikal, Mekatronik dan Marin. ICE4CT2022 menerima sebanyak 167 jumlah kertas persidangan daripada luar dan dalam negara dan selepas semakan proses teknikal, sebanyak 65 kertas persidangan diterima untuk diterbitkan dalam IOP Journal of Physics Conference Series yang di indeks oleh SCOPUS.

"International Multidisciplinary Conference (IMC 2022)"

Persidangan "International Multidisciplinary Conference (IMC 2022)" yang telah diadakan pada 13 Julai 2022 merupakan persidangan kali ke-3 anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Kertas kerja yang dihantar ke IMC 2022 akan diterbitkan dalam e-Penerbit UniMAP. Terdapat 5 universiti tempatan dan 6 universiti antarabangsa yang telah menyertai IMC 2022.

International Conference on Recent Advances in Science, Engineering and Technology in Sports 2022 (IRSETS 2022)

International Conference on Recent Advances in Science, Engineering and Technology in Sports 2022 (IRSETS 2022) adalah salah satu dari sub-persidangan Joint International Conferences on Advanced Research on Sports and Sciences (JIAS 2022) yang dilaksanakan bersempena dengan International Convention on Sports, Sciences and Management 2022 (ICSEM 2022). Persidangan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dan Rekreasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mendapat tajaan sepenuhnya dari Business Event Sarawak. IRSETS 2022 telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 18 – 21 Disember 2022 bertujuan untuk menjadi satu platform yang menghubungkan para akademik, ahli industri, penyelidik, dan pengamal sukan untuk bersama-sama berkongsi maklumat dan isu-isu terkini serta cabaran yang dihadapi dalam bidang sains sukan, kejuruteraan dan teknologi sukan. Perasmian telah dilaksanakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot. Persidangan selama dua hari ini telah dihadiri oleh seramai 65 orang peserta dari pelbagai latar belakang yang berkaitan dengan sukan di Malaysia dan serantau.

2nd International Conference on Science, Engineering and Technology (ICSET 2022)

2nd International Conference on Science, Engineering and Technology (ICSET 2022) telah diadakan pada 6-7 Julai 2022. Tumpuan utama persidangan ini adalah untuk menyediakan platform untuk professional, penyelidik, ahli akademik dan industri untuk berkongsi dan menjana minat dalam aplikasi, cabaran dan isu termaju dalam bidang teknologi kejuruteraan merangkumi beberapa topik dalam mekanikal, pembuatan, kejuruteraan industry, kimia, elektrik, elektronik dan sivil.

2nd International Conference on Biomass Utilization & Sustainable Energy (ICoBiomasSE 2022)

2nd International Conference on Biomass Utilization & Sustainable Energy (ICoBiomasSE 2022) telah berjaya dijalankan secara atas talian selama 2 hari iaitu pada 21-22 September 2022. Sejumlah 46 kertas kerja telah dibentangkan dengan penglibatan daripada peserta dari Malaysia, Thailand, Libya, Filipina dan Indonesia. Dua orang pengucaptama telah membentangkan kertas kerja di bawah tema "Emerging Technology for Future Sustainability" dan kesemua kertas kerja akan diterbitkan di Springer Conference Proceedings yang diindeks oleh Scopus.

4th International Conference on Mathematics, Engineering & Industrial Applications 2022 (ICoMEIA 2022)

Persidangan 4th International Conference on Mathematics, Engineering & Industrial Applications 2022 (ICoMEIA 2022) telah berjaya diadakan pada 6-7 Oktober 2022 secara dalam talian. ICoMEIA 2022 merupakan anjuran bersama Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dan Faculty of Science, Thaksin University. Persidangan ini merupakan platform khas yang menyatukan penyelidik dalam bidang matematik, kejuruteraan dan wakil industri untuk membincangkan penemuan terkini dan pembangunan masa depan dalam bidang matematik gunaan dan kejuruteraan sekaligus menggalakkan kerjasama antara penyelidikan matematik dan aplikasi kejuruteraan. Persidangan in telah dirasmikan oleh Assoc. Prof. Dr. Nathapong Chitniratna, President of Thaksin University. Persidangan ini merupakan ICoMEIA kali keempat yang telah berjaya dianjurkan oleh IMK sejak tahun 2014. Dengan membawa tema "Innovation and Creativity to Overcome World Pandemic through Mathematics and Engineering Applications", persidangan ini telah menarik penyertaan seramai 18 orang peserta dari institusi pengajian tinggi serta industri, tempatan dan antarabangsa. Pada persidangan ini, dua orang keynote speaker telah dijemput untuk memberikan ucapan iaitu Professor Dr. Yongwimon Lenbury dari Mahidol University, Thailand dan Dr. Yves Gagnon dari Université de Moncton, Canada.

The 6th International Conference on Electronic Design (ICED) 2022

The 6th International Conference on Electronic Design (ICED) 2022 dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik (FKTEN) dengan kerjasama City University, Bangladesh. Persidangan ini turut disokong oleh The Institution of Engineering and Technology (IET) Malaysia. Persidangan ini telah diadakan pada 29 Ogos 2022 bertempat di Perpustakaan Syed Faizuddin Putra, UniMAP. Sebanyak 78 kertas kerja telah diterima dari 15 negara termasuk Filipina, India, Jepun, Bangladesh, Ireland, Iraq dan Malaysia. ICED 2022 juga menampilkan 3 keynote speaker terkenal dan 3 plenary speaker dengan kepakaran dalam bidang kejuruteraan elektronik yang menyumbang dalam pelbagai perspektif. Semua kertas persidangan yang diterima akan diterbitkan dalam prosiding persidangan AIP.

International Conference on Green Environmental Engineering and Technology (IConGEET 2022)

Sustainable Environmental Research Group (SERG), Center of Excellence Geopolymer and Green Technology (CEGeoGTech), UniMAP dengan kerjasama National Institute for Research and Development in Environmental Protection - INCDPM Romania dan Universiti Ton Duc Thang (TDTU), Vietnam telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa International Conference on Green Environmental Engineering and Technology (IConGEET 2022) pada 17 dan 18 November 2022 di bandar Seoul, Korea secara bersemuka dan atas talian. IConGEET 2022 didedikasikan untuk penyelidikan yang menangani keperluan saintifik dan mengintegrasikan pengetahuan dan kemajuan dalam kalangan ahli akademik, penyelidik, industri, organisasi korporat dan kumpulan berkepentingan dalam pelbagai asas dan aplikasi berkaitan awam dan alam sekitar ke arah mencapai persekitaran hijau. Semua kertas kerja diterbitkan dalam Prosiding berindeks Scopus dan kertas penyelidikan terpilih diterbitkan dalam Edisi Khas International Journal of Conservation Science (berindeks WoS - ESCI dan Scopus).

1st International Conference on Corrosion and Surface Technology 2022 (I-CoST 2022)

1st International Conference on Corrosion and Surface Technology 2022 (I-CoST 2022) telah diadakan di bandar Ho Chi Minh, Vietnam pada 24 September 2022. Persidangan ini dianjurkan oleh University Technology Ho Chi Minh (HCMUT) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau UniMAP, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Pertamina. Tujuan utama persidangan ini adalah sebagai platform untuk berkongsi dan bertukar-tukar idea untuk menangani cabaran isu kakisan, termasuk kemajuan penyelidikan, cabaran dan penyelesaian praktikal. Persidangan ini telah berjaya mengumpul 40 orang peserta tempatan dan antarabangsa dari pelbagai negara seperti Malaysia, Vietnam, Indonesia dan Slovakia.

6.11 PENILAIAN AKREDITASI DI BAWAH MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC) DAN MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC)

1. AKREDITASI DI BAWAH PENILAIAN MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC)

Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) adalah sebuah badan yang mewakili Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) bagi menetapkan polisi serta penilaian akreditasi bagi mengiktiraf program-program ijazah kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia. Terkini, UniMAP menawarkan sebanyak EMPAT BELAS (14) program Sarjana Muda Kejuruteraan yang merangkumi LIMA (5) bidang utama pengajian iaitu Elektronik, Elektrik, Mekanikal, Kimia dan Awam. Senarai program Sarjana Muda Kejuruteraan yang ditawarkan oleh UniMAP adalah seperti berikut:

EAC
ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL MALAYSIA

FKTEN FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI *ELEKTRONIK*

- Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian

FKTM FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI *MEKANIKAL*

- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dengan Kepujian

FKTE FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI *ELEKTRIK*

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan Kepujian

FKTK FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI *KIMIA*

- Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer dengan Kepujian

FKTA FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI *AWAM*

- Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar dengan Kepujian

Sepanjang tahun 2022, satu siri lawatan pengesahan akreditasi telah dijalankan oleh panel penilai EAC. Lawatan pengesahan diadakan bagi tujuan semakan semula proses akreditasi yang telah diadakan secara dalam talian semasa tempoh perintah kawalan pergerakan kesan daripada pandemik COVID-19. DUA (2) program Sarjana Muda Kejuruteraan yang terlibat adalah seperti berikut :

i) Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian

9 Mac 2022



Rajah 5 : Lawatan pengesahan akreditasi oleh panel penilai EAC

ii) Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem Dengan Kepujian

Sementara itu, satu siri Lawatan Penilaian Akreditasi juga telah diadakan bagi tujuan semakan semula penambahbaikan yang telah dibuat oleh fakulti berdasarkan teguran yang telah dilaporkan pada lawatan terdahulu oleh panel penilaian akreditasi tahun 2018. Program pengajian yang terlibat adalah seperti berikut :

- Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Metalurgi Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar Dengan Kepujian

9 Mac 2021



Rajah 12 : Lawatan pengesahan akreditasi oleh panel penilai EAC



Rajah 13 : Lawatan pengesahan akreditasi oleh panel penilai EAC



Rajah 14 : Lawatan pengesahan akreditasi oleh panel penilai EAC di Fakulti teknologi Kejuruteraan Mekanikal

2. AKREDITASI DI BAWAH PENILAIAN MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC)

ETAC
Engineering Technology Accreditation Council

PERINCIAN PROGRAM	Program Advantech IOT/SCADA Training ini di khususkan untuk pelajar Universiti Malaysia Perlis yang telah bergraduat pada tahun 2021 di peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekatronik. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran graduan berkaitan teknologi IOT dan Scada. Kemahiran ini diperlukan oleh pelajar untuk bekerja sebagai jurutera automasi dan robotic di era IR 4.0. Pendedahan ini menjadi nilai tambah kepada pelajar untuk menguasai teknologi terkini yang digunakan dalam industry. Kursus ini telah dilaksanakan selama tiga hari bagi memberi kefahaman asas dan peningkatan kemahiran dalam teknologi IOT/SCADA. Ketiga-tiga pelajar juga telah ditawarkan pekerjaan oleh Syarikat Multitrade Asiapac Sdn. Bhd.
GAMBAR PROGRAM	 

NAMA PROGRAM	Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CEPSWAM)
FAKULTI	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN	Airwastewater Management Sdn Bhd
TARIKH	14 - 18 November 2022
MASA	8.00 Pagi - 5.00 Petang
TEMPAT	Bilik Seri Cemerlang 1 & 2 , Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah, UniMAP
PESERTA	60 Orang

PERINCIAN PROGRAM

Program Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CEPSWAM) merupakan program di bawah EiMAS, Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Program selama 5 hari meliputi teori, amali dan juga praktikal seperti jadual dalam Lampiran 1.

Program ini dirancang adalah selari dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) Klausa 49A. (1) dimana seseorang pemunya atau penghuni premis hendaklah menggaji seseorang yang telah diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai orang yang kompeten untuk menjalankan semua atau mana-mana aktiviti berikut:

- Pengendalian peralatan kawalan
- Pengurusan sisa jadual
- Pengendalian Kajian
- Penyediaan dan penyerahan laporan, pelan, cadangan, lukisan kejuruteraan atau dokumen lain yang berkaitan dengan perkara alam sekitar.

Peserta yang menghadiri program kompetensi dibawah telah berjaya menjalani latihan untuk menguruskan sisa terjadual supaya cekap dalam fungsi kerja mereka kelak. Di akhir program ini peserta berupaya untuk

- Menerangkan keperluan undang-undang mengenai pengurusan sisa terjadual.
- Mengenal pasti, mengelas dan mengkategorikan sisa terjadual.
- Melaksanakan amalan pengurusan sisa terjadual yang mantap dan berkesan.
- Merangka pelan pelaksanaan untuk pematuhan penuh dengan keperluan pengawalseliaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

GAMBAR PROGRAM



Program Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CEPSWAM)

NAMA PROGRAM	Certified Construction Traffic Management Officer – Level 4
FAKULTI	Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Awam
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN	Mega Jati Academy
TARIKH	17 Oktober 2022 – 13 November 2022
MASA	8.30 pagi – 5.30 petang
TEMPAT	Secara atas talian menggunakan portal pembelajaran (Learning Management System, LMS) yang dibangunkan oleh Mega Jati Academy.
PESERTA	30 Orang
PERINCIAN PROGRAM	Program ini dijalankan selama 4 minggu dimana pelajar diberikan pendedahan tentang Pengurusan Trafik Pembinaan yang mengandungi 11 modul yang perlu dilengkapkan dengan penilaian dimana sekiranya pelajar lulus, pelajar akan mendapat Pensijilan Antrabangsa iaitu Certified Traffic Management Officer Level 5 yang telah didaftarkan dibawah Endorsed Learning Program (ELP) bersama organisasi Penganugerahan iaitu OTHM Qualification yang berpengkalan di United Kingdom yang diluluskan di bawah Rangka Kerja Kelayakan Eropah (EQF) bagi Tahap 5. Program ini dijalankan secara atas talian dengan menggunakan portal pembelajaran Mega Jati Academy iaitu Learning Management System (LMS). Nota, latihan, video dan penilaian boleh dilengkapkan oleh pelajar dengan mengakses masuk ke dalam LMS. Selain itu, pelajar juga perlu menghadiri kelas secara interaktif bersama Tenaga Pengajar yang diadakan mengikut jadual yang telah disediakan. Di dalam kelas interaktif ini, perbincangan mengenai penilaian dijalankan secara lebih komprehensif. Pelajar perlu menyiapkan Knowledge Assessment (KA) bagi setiap modul. Pelajar perlu mencapai 70% markah keseluruhan bagi membolehkan pelajar lulus dan sijil dikeluarkan.



Briefing 17/10 - https://youtu.be/_u9dntnfem8



Class 19/10 - https://youtu.be/sw80r-7mb0w



Class 26/10 - https://youtu.be/qxC0pK514NU



Class 2/11 - https://youtu.be/gs0UyGrBX3E

NAMA PROGRAM	Kursus Pemasangan dan Pengujian Kabel Fiber-Optik-FTTH
FAKULTI	Fakulti Kejuruteraan Teknologi Elektronik
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN	K&H Dynamic Resources Sdn Bhd
TARIKH	1 – 5 November 2022
MASA	8.30 pagi – 5.00 petang
TEMPAT	Sri Pauh Natural Motel, Arau, Perlis
PESERTA	50 Orang

PERINCIAN PROGRAM

Pengisian Modul :
Memahami rangkaian teknologi optik di Malaysia. Dimana ini membantu peserta untuk menempuhi alam pekerjaan dengan lebih baik sebagai pilihan di masa hadapan terutama dalam kehadiran projek mega Malaysia berkaitan sistem teknologi 5G iaitu *Optical Technology-Fiber To The Home (FTTH) dan FIber To The Curb (FTTC).*

- *Transform layouts into optical designs including real optical components.*
- *Specify an optical system and potential solutions to meet those specs.*
- *Be able to design, to first order, such optical systems with simple mathematical and graphical techniques.*
- *Describe Optics concepts in a real world setting.*
- *Explain the functioning of the human visual system.*
- *Learn to plan & implement cost effective CWDM or DWDM networks with 10Gb/s or 25Gn/s channels for metro, mobile backhaul, FTTA, DCI, or dark fibre.*
- *Define the processes used to manufacture optical FTTH components.*
- *Describe the skills and knowledge required for various careers in the Optics industry. Real Optical site experience upon (WBL) work based learning.*
- *Learning on OSH- Operational Safety and Health.*
- *Learn requirement related for working on site inclusive safety tools mandatory.*
- *Free NIOSH TM Safety examination and certification.*
- *Free additional Soft Skills courses (Interpersonal communication- to prepared the participants towards industrial environment). Besides. Learn MCC-CT - Critical Thinking (MCT), MCC-IL - Information Literacy (MIL), MCC-TL - Technological Literacy (MTL).*

GAMBAR PROGRAM




Teori dan praktikal kerja-kerja pemasangan optikal kabel dan splicing kabel




Perkongsian ilmu dan persediaan menghadapi peperiksaan pensijilan NIOSH TM Safety

NAMA PROGRAM	5G Installation and Testing
FAKULTI	Fakulti Kejuruteraan Teknologi Elektronik
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN	K&H Dynamic Resources Sdn Bhd
TARIKH	1 – 5 November 2022
MASA	9.00 pagi – 5.00 petang
TEMPAT	Dalam Talian dan Bersemuka (TMNIOSH)
PESERTA	50 Orang
PERINCIAN PROGRAM	Memahami rangkaian 5G tanpa wayar terkini. Ini boleh membantu para mahasiswa dan graduan untuk memahami dan membantu mereka untuk mendapat laluan kerjaya lebih baik di masa hadapan terutamanya di dalam arus kehadiran teknologi 5G didalam Malaysia. Di Dalam program ini, peserta akan mendalami : - *Master 5G Concepts, Evolution and Global Roadmap.* - *Learn 5G 3GPP standards and* - *Learn 5G NR technologies and specifications (mmWave-small cell-DSS)* - *5G Use Cases (Enhanced Broadband, massive MTC, mission critical communication)* - *5G New Radio (Millimetre Wave Technology, New Waveforms and Multiple Access)* - *5G Beamforming, Smart Antenna, Massive MIMO Technology & Full Duplex Technology* - *5G Network Slicing (Software-Defined Networking (SDN) and Network Function Virtualization (NFV))* - *5G data channels and Identifiers* - *5G Network planning and link budget* - *Network Architecture and 5G interfaces and references* - *Exposure on the basic installation and maintenance of wireless and networking project* - *Learning on OSH- Operational Safety and Health* - *Learn requirement related for working on site inclusive safety tools mandatory* - *Free NIOSH TM Safety examination and certification* - *Free additional Soft Skills courses (Interpersonal communication- to prepare the participants towards industrial environment)*
GAMBAR PROGRAM	

Sesi perkongsian teknologi berkaitan dan persediaan menghadiri pensijilan TMNIOSH

12.2 AKTIVITI HUBUNGAN INDUSTRI

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

BIL.	JENIS MOA (PENYELIDIKAN/ PERUNDINGAN/ PELESENAN/ AKADEMIK)	NAMA PIHAK BEKERJASAMA	FAKULTI / PTJ / COE TERLIBAT	PEGAWAI TERLIBAT (PERSON-IN-CHARGE)	TEMPOH KERJASAMA
1.	Penyelidikan	Lotus Mfz Green Tech (M) Sdn Bhd	FTKE	Ir. Ts. Dr. Ahmad Zaidi Bin Abdullah	3 Tahun
2.	Penyelidikan	Maha Mangala Natural Health Products Sdn. Bhd	FTKEN	Dr. Lim Chee Chin	5 Tahun
3.	Penyelidikan	Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (Nahrim)	FTKA	Dr. Zulkarnain Bin Hassan	5 Tahun
4.	Penyelidikan	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	FTKM	Prof. Madya Dr.Ahmad Humaizi Bin Hilmi	3 Tahun
5.	Penyelidikan	E-Idaman Sdn. Bhd.	FTKA	Prof. Madya Ts. Dr. Irnis Azura Binti Zakarya	5 Tahun
6.	Penyelidikan	Xenergi Sdn. Bhd.	FTKK	Prof. Madya Dr. Mohd Irfan Hatim Mohamed Dzahir	5 Tahun
7.	HEPA	Celcom Axiata Sdn. Bhd.	FSGM	Dr. Rozilawati Mahadi	3 Tahun
8.	Akademik	KXP Airportcity Holdings Sdn. Bhd.	CIGC	Pengarah CIGC	3 Tahun
9.	HEPA	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia	TNC HEPA	En. Muhammad Najib Othman	3 Tahun
10.	Akademik	TH Mineral Water Industries (M) Sdn. Bhd.	FTKK	Ts. Dr. Mohd Hanif Mohd Pisal	3 Tahun
11.	Penyelidikan	SilTerra Malaysia Sdn. Bhd.	FTKEN	Prof. Madya Dr. Shahir Rizal Kasion & Dr. Hasnizah Aris	3 Tahun
12.	Akademik	GKK Consultants Sdn. Bhd.	FTKE	Dr. Muhammad Hisyam Rosle	5 Tahun
13.	Penyelidikan	Visivergy Sdn. Bhd.	FTKEN	Ts. Dr. Mohd Wafi Nasrudin	5 Tahun

MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)

BIL.	JENIS MOA (PENYELIDIKAN/ PERUNDINGAN/ PELESENAN/ AKADEMIK)	NAMA PIHAK BEKERJASAMA	FAKULTI / PTJ / COE TERLIBAT	PEGAWAI TERLIBAT (PERSON-IN-CHARGE)	TEMPOH KERJASAMA
1.	Penyelidikan	Summit Features Sdn. Bhd.	SERC	Dr. Hamzah Bin Sakeran	5 Tahun
2.	Penyelidikan	Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman	FTKM	Dr. Azuwiir Bin Mohd Nor	2 Tahun

BIL.	JENIS MOA (PENYELIDIKAN/ PERUNDINGAN/ PELESENAN/ AKADEMIK)	NAMA PIHAK BEKERJASAMA	FAKULTI / PTJ / COE TERLIBAT	PEGAWAI TERLIBAT (PERSON-IN-CHARGE)	TEMPOH KERJASAMA
3.	Penyelidikan	Grenoh Solution	FTKM	Prof. Madya Dr. Heah Cheng Yong	2 Tahun
4.	Penyelidikan	Madina Food Industries	FTKM	Ir. Mohd Shihabudin Bin Ismail	2 Tahun
5.	Penyelidikan	LHBR Gemilang Enterprise	FTKM	En. Abdul Syafiq Bin Abdul Sukor	2 Tahun
6.	Penyelidikan	Fermwaste Sdn. Bhd.	FTKK	Prof. Madya Dr.Ahmad Zarina Binti Zakaria	2 Tahun
7.	Perlesenan	Y.A. Harumanis Maju Enterprise	CIC	Pn. Sharifah Fauhah Binti Syed Abas	2 Tahun
8.	Perlesenan	Spring Tulips Design	CIC	Pn. Sharifah Fauhah Binti Syed Abas	3 Tahun
9.	Penyelidikan	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Dr. Nur Liza Rahim	6 Tahun
10.	Akademik	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Dr. Mahyun Ab. Wahab	6 Tahun
11.	HEPA	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Ts. Dr. Sara Yasina Yusuf	5 Tahun
12.	Akademik	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Ir. Ts. Roshasmawi Abdul Wahab	6 Tahun
11.	Penyelidikan	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Dr. Tengku Nuraiti Tengku Izhar	6 Tahun
14.	Akademik	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Ts. Dr. Salwa Mohd. Zaini Mokhtar	6 Tahun
15.	Penyelidikan	Mega Jati Academy Sdn. Bhd.	FTKA	Dr. Norlia Mohamad Ibrahim	6 Tahun
16.	Penyelidikan	Zhariza Enterprise	Pusat Sains Liberal, FSGM	Dr. Noriha Basir	1 Tahun
17.	Penyelidikan	Platinum Phase Sdn. Bhd.	FTKK	Dr. Ong Hui Lin	2 Tahun
18.	Akademik	Penang Skills Development Centre (PSDC)	PDCE	Pn. Sharifah Husna Syed Idrus	9 Bulan
19.	Penyelidikan	Ber One Agro	MOTECH	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Shahriman Abu Bakar	2 Tahun
20.	Penyelidikan	Frutania Industry Sdn. Bhd.	FTKK	Prof. Madya Dr. Sam Sung Ting	2 Tahun
21.	Penyelidikan	CIDB Technologies Sdn. Bhd.	FKTK	Dr. Juyana Binti A Wahab	3 Tahun

BIL.	JENIS MOA (PENYELIDIKAN/ PERUNDINGAN/ PELESENAN/ AKADEMIK)	NAMA PIHAK BEKERJASAMA	FAKULTI / PTJ / COE TERLIBAT	PEGAWAI TERLIBAT (PERSON-IN-CHARGE)	TEMPOH KERJASAMA
22.	Penyelidikan	Haro Sport & Entertainment Sdn. Bhd.	MOTECH	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Shahriman Abu Bakar	3 Tahun
23.	Akademik	Innovacia Sdn. Bhd.	FKTA	Dr. Nor Faizah Bawadi	5 Tahun
24.	Penyelidikan	SPN Ehsan Sdn. Bhd. / Technopreneur UniMAP Sdn. Bhd.	FKTA	Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner Abidin	1 Tahun
25.	Akademik	Oppstar Technology Sdn. Bhd.	FKTEN	Ir. Ts. Dr. Razaidi Hussin	4 Tahun
26.	Penyelidikan	Fitrah Gaya Holdings Sdn. Bhd.	INSAT	Pn. Nur Warwani Maliki	2 Tahun

SURAT NIAT (LOi)

BIL.	JENIS MOA (PENYELIDIKAN/ PERUNDINGAN/ PELESENAN/ AKADEMIK)	NAMA PIHAK BEKERJASAMA	FAKULTI / PTJ / COE TERLIBAT	PEGAWAI TERLIBAT (PERSON-IN-CHARGE)	TEMPOH KERJASAMA
1.	Penyelidikan	SilTerra Malaysia Sdn. Bhd.	FTKEN	Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo & Dr. Hasnizah Aris	1 Tahun
2.	Penyelidikan	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.	FTKEN	Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo	1 Tahun
3.	Penyelidikan	At & S Austria Technologie Systemtechnik	CIE	Dr. Hoo Peng Yong	1 Tahun
4.	Akademik	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	PDCE @ ANJUNG KULIM	Pn. Sharifah Husna Syed Idrus	3 Tahun
5.	Akademik	FIC Integrated Property Management Sdn. Bhd.	FKTA	Prof. Madya Ts. Dr. Che Zulzikrami Azner Abidin	5 Tahun
6.	Penyelidikan	Haas Solutions Sdn. Bhd.	CIC	Prof. Hazry Desa	2 Tahun
7.	Penyelidikan	Haas Solutions Sdn. Bhd.	CIC	Ts. Dr. Muhammad Azizi Azizan	2 Tahun



Majlis Menandatangani MoU UniMAP Bersama Buildings Surveying Consultancy Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani MoA UniMAP Bersama Fermwaste Sdn. Bhd



Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama GKK Consultants Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani LOI UniMAP
Bersama Surya Biotech Engineering Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani MoA UniMAP
Bersama Ber One Agro



Majlis Menandatangani MoA UniMAP
Bersama Haro Sport & Entertainment Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani MoA UniMAP
Bersama Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman



Majlis Menandatangani MoA UniMAP
Bersama Megajati Academy Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama E-Idaman Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama Lotus Mfz Green Tech (M) Sdn Bhd



Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama Maha Mangala Natural Health Products Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama Th Mineral Water Industries (M) Sdn. Bhd.



Majlis Pertukaran MoU Technology And Innovation
Support Center (Tisc) Di Antara Intellectual Property
Corporation Of Malaysia (Myipo) Bersama UniMAP



Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama Xenergi Sdn. Bhd.





Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama Visinergy Sdn. Bhd





Majlis Menandatangani MoA UniMAP
Bersama Oppstar Technology Sdn. Bhd.





Majlis Menandatangani MoU UniMAP
Bersama Silterra (M) Sdn. Bhd.

PROGRAM MELIBATKAN INDUSTRI



Majlis Ramah Mesra Naib Canselor UniMAP Bersama CEO Fakulti Intel Corporation Sdn. Bhd.



Sesi Lawatan Delegasi UniMAP Ke Molex Bagi Membincangkan Kolaborasi Bersama



Lawatan Siri 1 Ke Industri Kulim Hi-Tech



Lawatan Siri 2 Ke Industri Di Pulau Pinang



Majlis Ramah Mesra Naib Canselor UniMAP Bersama Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis



Sesi Temuduga Fasa 2 Program CEO Fakulti Sangkutan Industri



Majlis Syarahan Dan Sesi Dialog Bersama Intel Corporation Sdn. Bhd. Untuk CEO@Faculty Programme



Majlis Ramah Mesra Naib Canselor UniMAP Bersama Ceo Fakulti Western Digital Tech And Regional Center (M) Sdn. Bhd.



'Virtual Student Engagement (UniMAP) Start Your Career With Analog Devices' dan 'Onsite Interview' Oleh Analog Devices



Sesi Temuduga Untuk Pelajar UniMAP Bagi Pengambilan Pelatih Graduan Dan Pelajar Latihan Industri Oleh Intel Corporation Sdn. Bhd.



Sesi Temu Duga Oleh Nexperia Malaysia Sdn. Bhd.



Sesi 'Sharing Session' Oleh Nexperia Malaysia Sdn. Bhd.

12.3 PROGRAM KEUSAHAWANAN

7 Petunjuk Prestasi Utama Keusahawanan IPT 2021 - 2025

1 KPI 1

Peratusan Usahawan Pelajar IPT yang Menjalankan Perniagaan di Kampus Semasa Tempoh Pengajian Mereka.

2 KPI 2

Peratusan Usahawan Graduan IPT yang Menceburkan Diri Dalam Bidang Keusahawanan Setelah Tamat Pengajian.

3 KPI 3

Bilangan Tenaga Pengajar Dengan Kepakaran Keusahawanan.

4 KPI 4

Jumlah Kolaborasi dengan Agensi, Industri, NGO, IPT (Tempatan dan Antarabangsa).

5 KPI 5

Jumlah Syarikat, Perusahaan atau Projek Perniagaan yang Dibiayai oleh Pemodal Awal, Pemodal Teroka, Entiti Pendanaan Awam, Geran Agensi Kerajaan dan Hadiah Pertandingan Pitching Berkaitan Keusahawanan.

6 KPI 6

Jumlah Pelajar Terlibat Dalam Program Berasaskan Inovasi dan Teknologi di IPT.

7 KPI 7

Jumlah Syarikat Pemula Pelajar Berasaskan Inovasi dan Teknologi yang DIpacu Secara Digital.

OBJEKTIF STRATEGIK TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR UniMAP 2025

PELAN TINDAKAN KEUSAHAWAN AN KPT 2021-2025	OS3:1	OS3:2	OS3:3	OS3:4	OS3:5
KPI 1	✓	✓		✓	
KPI 2	✓	✓		✓	
KPI 3	✓	✓		✓	
KPI 4			✓		✓
KPI 5			✓		✓
KPI 6			✓		✓
KPI 7			✓		✓

Rajah 30 : Mapping Prestasi Utama (KPI) Petunjuk Keusahawanan IPT 2021-2025 dan Teras Kesejahteraan UniMAP 2025

12.4 PENCAPAIAN TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR UniMAP 2022

OBJEKTIF STRATEGIK

(OS3) MENAMBAHBAIK KEMAMPANAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

Justifikasi Objektif Strategik :

Meningkatkan jumlah pelajar yang menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan sebagai pemangkin pembangunan kerjaya yang lebih mampan.

OS3 : 1 JUMLAH PELUANG PEKERJAAN YANG DISEDIAKAN KEPADA PELAJAR DI KAMPUS

[SDG 1, 2, 3, 4, 8, 17]

316

SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
300		400	

INISIATIF UTAMA DALAM MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA PELAJAR DI KAMPUS



TABUNG DEDIKASI

Pelajar berpeluang untuk bekerja secara sambilan di bawah PTJ/Premis perniagaan dalam kampus



KIOSK / PREMIS PERNIAGAAN SISWA

Menyediakan kiosk dan premis perniagaan untuk menggalakan pelajar menjalankan perniagaan



GIG EKONOMI

Menyediakan/memperkenalkan platform GIG ekoomi kepada pelajar untuk menjalankan dan menawarkan perkhidmatan/ perniagaan.

OS3 : 2 PENYERTAAN PELAJAR DALAM EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

[SDG 1, 2, 3, 4]

705

SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
600		660	

INISIATIF UTAMA DALAM MENINGKATKAN PENYERTAAN PELAJAR DALAM EKOSISTEM



MEWUJUDKAN/MENYEDIAKAN PROGRAM/LATIHAN KEUSAHAWANAN



MEWUJUDKKAN INKUBATOR KEUSAHAWANAN PELAJAR



MENGGALAKKAN PENGLIBATAN MENTOR DALAM KALANGAN ALUMNI USAHAWAN YANG BERJAYA



MEWUJUDKAN LATIHAN KEUSAHAWANAN BERSTRUKTUR TAHUN 1 - TAHUN AKHIR



MENGENALPASTI PELUANG-PELUANG DANA MODAL/INFRA PEMULA PERNIAGAAN



MEMBINA JARINGAN BERSAMA AGENSI KEUSAHAWANAN

OS3 : 3 JUMLAH JARINGAN KEUSAHAWANAN (AGENSI)

[SDG 8, 17]

12

SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
10		15	

INISIATIF UTAMA DALAM MENINGKATKAN PENYERTAAN PELAJAR DALAM EKOSISTEM



MENGADAKAN PROGRAM KERJASAMA DENGAN PELBAGAI AGENSI KEUSAHAWANAN BERKAITAN



MENGGALAKKAN PENGLIBATAN AGENSI DALAM PROGRAM KEUSAHAWANAN YANG DILAKSANAKAN DI UniMAP



MEMPERGIAT PERBINCANGAN DAN MEMETERAI PERJANJIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU/MoA) ANTARA UniMAP DAN AGENSI TERLIBAT DALAM

OS3 : 4 JUMLAH PELAJAR YANG TERLIBAT DI DALAM KEUSAHAWANAN BERTERASKAN INOVASI/TEKNOLOGI/DIGITAL

[SDG 9]

SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
12	26	18	

INISIATIF UTAMA DALAM MENINGKATKAN JUMLAH PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM KEUSAHAWANAN BERTERASKAN INOVASI DIGITAL DAN TEKNOLOGI



MEWUJUDKAN PELUANG UNTUK PELAJAR MENYERTAI PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN BERTERAS TEKNOLOGI DAN INOVASI



MENYEDIAKAN PLATFORM/COACHING/MENTORING SYSTEM UNTUK PRODUK-PRODUK KEUSAHAWANAN BERASASKAN TEKNOLOGI YANG BERPOTENSI UNTUK DIKEMBANGKAN

OS3 : 5 JUMLAH PENJANAAN DANA/GERAN KEUSAHAWANAN

[SDG 4, 8, 9]

SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
RM100,000.00	RM32,250.00	RM150,000.00	

INISIATIF UTAMA DALAM MENINGKATKAN JUMLAH PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM KEUSAHAWANAN BERTERASKAN INOVASI DIGITAL DAN TEKNOLOGI



MENEROKA LEBIH BANYAK DANA DAN GERAN KEUSAHAWANAN DARI PELBAGAI AGENSI BERKAITAN

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

Pertandingan Inovasi Keusahawanan



Penyertaan UniMAP

1 Kumpulan- Pomen Mavericks

Product: Pomen Apps

Mentor: Dr. Mohamed Al Sheikh

Pencapaian UniMAP- berjaya sehingga ke peringkat Separuh Akhir

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

Pertandingan Inovasi Keusahawanan



Penyertaan UniMAP

2 Kumpulan-

- FLYSTAR-KATEGORI VR
- TWICCE- KATEGORI FILEM PENDEK

Mentor 1: Dr. Marni

Mentor 2: Dr. Mohd Arsad

Pencapaian UniMAP- Tempat ke 4 dan Anugerah Khas Kategori Interaktif Media (Virtual Reality)

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022





TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022-
STUDENT MALL WANG ULU





TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

Pertandingan Inovasi Keusahawanan



TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

Pertandingan Inovasi Keusahawanan



Penyertaan UniMAP

2 Kumpulan-

- Aplikasi Mobile
- Video Kreatif

Mentor: Tengku Kastriafuddin

Pencapaian UniMAP- Peringkat Saringan

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

Pertandingan Inovasi Keusahawanan



Penyertaan UniMAP

2 Kumpulan-

Business Plan & Business Pitching

Mentor 1: En. Juraij
Mentor 2: En. Razif

Pencapaian UniMAP-Peringkat Saringan

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

Program Keusahawanan



Penyertaan UniMAP

3 penyertaan pelajar yang menjalankan perniagaan (B40)

Dana dalam bentuk zakat sebanyak RM3000 diberikan kepada setiap peserta

Universiti diberi dana sebanyak RM750 (Rm250 per student) untuk program mentoring

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022

SugarBomb Entrepreneurship Challenge



Penyertaan UniMAP

PENYERTAAN SERAMAI 30 ORANG PELAJAR MELIBATKAN 6 KUMPULAN

PROGRAM AKAN TAMAT PADA 30 MAC 2023.

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my

AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022



Penyertaan pelajar seramai 6 orang dan 2 staf secara fizikal di Residensi UTMKL

TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR www.unimap.edu.my


AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022
DROPSHIP 101
Seminar Keusahawanan
Penyertaan Pelajar- 200 org
TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR
www.unimap.edu.my


AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022
Pembangunan Usahawan
Akuakultur Sistem RAS
3-7 OKT 2022
TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR
www.unimap.edu.my


AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022-
KARNIVAL KEUSAHAWANAN USM 2022
TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR
www.unimap.edu.my


AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022-
SEMINAR DROPSHIP BERSAMA INSKEN
TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR
www.unimap.edu.my


AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022-
CELCOM BOOTCAMP 2022
TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR
www.unimap.edu.my


AKTIVITI/PROGRAM KEUSAHAWANAN 2022 -
CELCOM BOOTCAMP 2022
TERAS KESEJAHTERAAN PELAJAR
www.unimap.edu.my



BAB 13

TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI



GERAN PENYELIDIKAN PROJEK KOMUNITI : COMMUNITY PROJECT RESEARCH GRANT (COMPRES) : UniMAP for SOCIETY



PROJEK D4C : PENANAMAN CENDAWAN MENGGUNAKAN SISTEM KELEMBAPAN OPTIMUM DI BAWAH GERAN PROGRAM DANA PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA (DPUB) 2020 NEGERI PERLIS



PROGRAM TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION TRAINING (TVET) IPT FOR SOCIETY@KELUARGA MALAYSIA (UNiTY)





RUMAH LESTARI UniMAP



SERVICE LEARNING MALAYSIA UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM)





BAB 14

PRASARANA INFRASTRUKTUR & INFOSTRUKTUR

14.1 Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra dan Hala Tuju Masa Hadapan

14.2 Pencapaian Perkhidmatan Pengurusan dan Pembangunan Digital

14.3 Pembangunan Kampus



14.1 PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA DAN HALA TUJU MASA HADAPAN

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) meneruskan Pelan Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 bagi menyokong matlamat strategik UniMAP 2025. Pelan ini menggariskan tujuh (7) tujahan bagi menetapkan hala tuju dan peranan Perpustakaan dalam mendepani peranan perpustakaan abad ke-21 dan memenuhi hala tuju UniMAP.

Ia meliputi tujahan sokongan penyelidikan, repositori generasi baru, kelestarian kewangan, fasiliti bertaraf dunia, hub komuniti, kelestarian perpustakaan abad ke-21 dan Pusat Sehenti Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN One Point) (lihat Rajah 1).



Rajah 31 : Pelan Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025

Pada tahun 2022, PTSFP telah melaksanakan beberapa inisiatif berimpak bagi menyokong teras strategik PTSFP 2018-2025.

TUJAHAN SOKONGAN PENYELIDIKAN

PTSFP menerusi tujahan Sokongan Penyelidikan telah melaksanakan beberapa inisiatif penting untuk memenuhi matlamat meningkatkan prestasi dan impak penyelidikan di UniMAP.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menyediakan akses kepada pangkalan data bibliometrik Web of Science (WoS), Journal Citation Reports (JCR) dan Essential Science Indicators (ESI) bermula Jun 2022 untuk dimanfaatkan oleh penyelidik UniMAP.



Langganan kepada sumber penting ini membenarkan Unit Sokongan Penyelidikan PTSFP memenuhi sebanyak 128 permohonan analisis data penerbitan daripada pelbagai pusat tanggungjawab seperti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pusat Kecemerlangan (CoE – Centre of Excellence), Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) dan fakulti.

Unit Sokongan Penyelidikan PTSFP juga terlibat aktif dalam pembekalan data pengukuran impak penyelidikan menerusi MyRA, SETARA, MyMOHES dan pencapaian strategi UniMAP 2025.

TUJAHAN REPOSITORI GENERASI BAHARU

Sistem Repositori Digital UniMAP telah dibangunkan menggunakan perisian langit terbuka DSpace sejak tahun 2008. Ia dibangunkan khusus untuk mengumpul, menyimpan, memelihara dan menyebarluaskan kandungan ilmiah yang dihasilkan oleh warga UniMAP. Antara bahan yang disimpan adalah keratan akhbar, kertas peperiksaan tahun lepas, kertas persidangan, artikel jurnal, ucapan dan sebagainya. Sehingga tahun 2022, PTSFP telah berjaya mengindeks dan menyediakan akses kepada 99,584 objek digital. Secara kumulatif, sebanyak 662,993 halaman digital telah dirujuk oleh warga UniMAP pada tahun 2022.

Bagi memperkasa peranan dan kefungsian Sistem Repositori Institusi sedia ada, PTSFP telah membangunkan dua (2) sistem repositori menggunakan perisian yang sama iaitu DSpace CRIS dan DSpace GLAM. DSpace CRIS memberi fokus khusus kepada bahan digital penyelidikan di UniMAP. Manakala sistem DSpace GLAM pula menyimpan, memelihara dan membangunkan kandungan digital memori korporat UniMAP, bahan arkib, galeri dan muzium.

TUJAHAN KELESTARIAN KEWANGAN

PTSFP menyokong Lonjakan Ke-5 Kemampanan Kewangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang mengesyorkan agar Institusi Pendidikan Tinggi tidak terlalu bergantung kepada sumber kerajaan. Sehubungan itu, PTSFP telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk melaksanakan hala tuju pendidikan tinggi negara antaranya dengan menyertai projek langganan konsortium pangkalan data maklumat ScienceDirect dan IEEE Digital Library melalui Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi (KONSEPt).

Selain itu, pemantapan jaringan kolaborasi strategik antara PTSFP, Bank Rakyat, penerbit terkemuka Elsevier serta agensi dan individu turut memberi manfaat kepada PTSFP dengan penerimaan pelbagai bentuk sumbangan meliputi kewangan, peralatan, akses kepada sumber ilmiah, penganjuran Elsevier–MTUN Symposium 2022, tajaan program Free Breakfast @ the Library, penganjuran aktiviti terapi anak-anak autisme bagi projek Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) Autism Hub for Educational Resources & Training (A-HEART) dan pelbagai lagi.



PTSFP turut menerima manfaat penjimatan kos daripada langganan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui tajaan dua (2) pangkalan maklumat Emerald Management Portfolio dan pangkalan data sitasi Scopus.

TUJAHAN FASILITI BERTARAF DUNIA

PTSFP telah meletakkan fasiliti bertaraf dunia sebagai salah satu tujahan di dalam Pelan Strategi Perpustakaan 2018-2025 selari dengan matlamat dan objektif strategik UniMAP 2025 untuk meningkatkan kualiti kemudahan prasarana taraf antarabangsa dan mengukuhkan infostruktur universiti.



Perpustakaan telah menyediakan pelbagai ruang pembelajaran yang kondusif bagi memenuhi keperluan semasa pengguna perpustakaan. Ini meliputi Bilik Diskusi, Bilik Pembelajaran Interaktif, Postgraduate Lounge, Ind-E-Zone (Industrial Engagement Zone), Noise Zone, Hub Pembelajaran, Library Lounge, Student Lounge, MCMC Makerspace, Read and Ride, bilik mesyuarat, karel berwayar dan Smart Cubes.

Pada tahun 2022, PTSFP telah melaksanakan inisiatif menambahbaik fasiliti untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat fasiliti bertaraf dunia. Antara inisiatif yang dilaksanakan meliputi meningkatkan bilangan karel berwayar, ruang diskusi, soket elektrik, penambahbaikan rangkaian WIFI, pelaksanaan akses kepada sumber digital melalui EZproxy Hosted, penambahbaikan struktur lantai di Hub Digital untuk keselesaan dan keselamatan pengguna dan pembangunan ruang Information Marketplace.

Statistik tempahan fasiliti tahun 2022 merekodkan sebanyak 8,144 tempahan telah dibuat dengan memanfaatkan 22,685 orang pengguna.

TUJAHAN HAB KOMUNITI

Bagi memastikan kejayaan dasar kerajaan untuk memacu kesejahteraan komuniti, UniMAP telah memberi fokus utama kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti. Sehubungan itu, pada tahun 2022 PTSFP telah meneroka pelbagai peluang bagi memperkasa perpustakaan sebagai hab komuniti melalui penawaran kemudahan Terapi Deria tajaan Ronald McDonald House Charities, perkongsian dan pemindahan pengetahuan kepada warga UniMAP komuniti melalui siri pameran di Galeri UniMAP dan Galeri 1001 serta meneruskan program Free Breakfast @ the Library yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2019 bagi membantu para pelajar yang terkesan dengan pandemic COVID-19.

PTSFP turut menganjurkan sebanyak enam belas (16) program Makers dan melibatkan 613 orang pelajar B40 dari seluruh negeri Perlis. Antara program-program yang dianjurkan meliputi Bengkel Internet of Things (IoT) Programming, Digital Marketing, Bengkel Micro:Bit, Petrosains RBTX Challenge, Bengkel Robotik dan sebagainya untuk meningkatkan kreativiti dan penghasilan inovasi di kalangan pelajar.

TUJAHAN KELESTARIAN PERPUSTAKAAN ABAD KE-21

Perpustakaan memberi fokus khusus untuk menjadikan PTSFP sebagai tumpuan utama warga UniMAP selain menjadi destinasi penting pengunjung UniMAP dari dalam dan luar negara. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menyediakan ekosistem pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan yang kondusif serta memberi pengalaman pembelajaran terbaik kepada warga UniMAP yang secara tidak langsung dapat menyerlahkan reputasi UniMAP.



Melalui Teras Kelestarian Perpustakaan Abad 21 (Sustainability 21st Century Library), perpustakaan telah melaksanakan beberapa inisiatif tambahan untuk meningkatkan pelaksanaan konsep '*Library as Place*'. Antaranya pembukaan operasi Perpustakaan Sains Sosial dan Kemanusiaan di Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, pembangunan kafe He & She Coffee di dalam perpustakaan, menaiktaraf jaringan akses WIFI kepada Access switch Mist AI sepertimana yang digunakan di universiti termuka dunia Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan Oxford University.

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan secara berterusan telah menunjukkan impak positif dan memberangsangkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui statistik kunjungan fizikal dan kunjungan maya. Statistik kunjungan fizikal direkodkan melonjak sebanyak 486.8% daripada 14,497 kunjungan pada tahun 2021 kepada 85,077 kunjungan pada tahun 2022. Manakala, statistik kunjungan maya meningkat sebanyak 7.82% daripada 157,025 kunjungan pada tahun 2021 kepada 169,308 kunjungan pada tahun 2022.

TUJAHAN PUSAT SEHENTI RANGKAIAN UNIVERSITI-UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA

PTSFP telah menyertai Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi (KONSEPt) yang merupakan projek kolaborasi di antara Pusat Sitasi dan Infometrik (PSI), Jabatan Pengajian Tinggi dan Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA). Penyertaan kepada konsortium membolehkan UniMAP menikmati langganan harga konsortium dengan jaminan kos terendah, memantapkan pengurusan sumber elektronik, meningkatkan perkongsian sumber maklumat ilmiah dan meluaskan akses sumber elektronik merentasi komuniti pendidikan tinggi.

PTSFP telah melanggan kepada dua (2) pangkalan data maklumat ilmiah melalui KONSEPt meliputi pangkalan data maklumat ScienceDirect dan IEEE Digital Library melalui KONSEPt.

Melalui Konsortium ScienceDirect, penerbit terkemuka Elsevier komited untuk berkongsi pengetahuan, amalan terbaik dan strategi bagi meningkatkan prestasi serta impak penyelidikan universiti-universiti di dalam rangkaian MTUN. Bagi mencapai matlamat berkenaan, Elsevier telah menaja penganjuran Elsevier – MTUN Symposium 2022 pada 27 Oktober 2022 dan telah memanfaatkan 150 orang penyelidik dan pustakawan dari empat (4) universiti MTUN.

14.2 PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN DIGITAL

PENCAPAIAN BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT

PENCAPAIAN SEKSYEN PUSAT DATA

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Menaiktaraf Pangkalan Data dari Oracle 11GR2 ke Oracle 19C	UniMAP menggunakan pangkalan data Oracle 11GR2 semenjak tahun 2009 dengan lesen secara perpetual. Bermula pada tahun 2021, DMDC telah bercadang untuk melakukan operasi naik taraf pangkalan data sedia ada ke versi yang terkini dan stabil iaitu Oracle 19C. Penukaran ke pangkalan data Oracle 19C ini memerlukan perancangan yang terperinci yang melibatkan beberapa proses iaitu: • Kajian pangkalan data sumber terbuka • Kajian harga pasaran Oracle dan Sumber terbuk • Kertas Kerja permohonan dan kelulusan Baje • Penentuan dan pencarian alternatif secara berpasukan oleh staf DMDC sistem-sistem lain yang berkait rapat dengan Oracle 11GR. • Pengujian sistem dan pangkalan data • Pengujian Pusat Pemulihan Bencana.
2.	Penukaran Pusat Pemulihan Bencana (Kubang Gajah ke Pusat Data Sektor Awam Bandar Enstek)	UniMAP mula menjadikan Pusat Data Kubang Gajah sebagai Pusat Pemulihan Bencana bermula pada tahun 2014 iaitu setelah Pusat Data Kubang Gajah telah berpindah ke Pusat Data Pauh. Perkakasan yang digunakan di Pusat Pemulihan Bencana Kubang Gajah adalah perkakasan yang berusia 2010. Namun pada tahun 2020, beberapa perkakasan yang digunakan di Pusat Pemulihan Bencana ini telah mengalami kerosakan kekal. Justeru itu, pada tahun 2021 DMDC telah merangka satu gerak kerja untuk memindahkan keseluruhan operasi Pusat Data Kubang Gajah ke Pusat Data Sektor Awam Bandar Enstek. Proses peralihan ini telah siap sempurna sebanyak 75% sehingga 1 Disember 2022 dan dijangka siap sepenuhnya pada 1 Mac 2023. Lorem ipsum dolor sit amet, cons ectetuer adipiscing elit, sed diam nonummy
3.	UniMAP IPAM - UniMAP IP Address Management (Enterprise Open-Source Software)	UniMAP IPAM berasaskan kepada perisian sumber terbuka phpIPAM. Proses instalasi dan konfigurasi telah dilakukan sepenuhnya oleh staf bahagian infrastruktur ICT yang terlibat. Matlamat utama penggunaan UniMAP IPAM ialah bertujuan untuk pengurusan IP Address di Pusat Data supaya lebih terurus dan teratur agar memudahkan penetapan IP Address bagi tujuan kegunaan untuk tetapan peralatan di Pusat Data. Ia adalah aplikasi berasaskan PHP dengan pangkalan data MySQL. Proses mula menyediakan sistem ini adalah pada awal September 2022 dan telah siap sepenuhnya sebelum penghujung bulan Oktober 2022. Sistem ini telah mula digunakan pada Oktober 2022.
4.	UniMAP OVMS - Observium Monitoring System (Enterprise Open-Source Software)	UniMAP OVMS berasaskan kepada perisian sumber terbuka Observium (Observium Community Edition). Proses instalasi dan konfigurasi telah dilakukan sepenuhnya oleh oleh staf bahagian infrastruktur ICT yang terlibat. Matlamat utama penggunaan UniMAP OVMS ialah bertujuan untuk pengurusan dan pemantauan server di Pusat Data supaya lebih terurus dan teratur. Proses mula menyediakan sistem ini adalah pada awal Oktober 2022 dan akan siap sepenuhnya sebelum penghujung bulan November 2022. Sistem ini telah mula digunakan pada penghujung Oktober 2022 dan masih dalam proses untuk memasukkan server yang akan dipantau melalui sistem ini. Jangkaan operasi sepenuhnya adalah sekitar penghujung November 2022 sehingga awal Disember 2022.

BIL.	PROJEK	STATUS
5.	Google Workspace Education Plus license	Perubahan peredaran zaman dan pandemik yang sedang melanda dunia telah menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran telah mula beralih dari aktiviti fizikal kepada aktiviti secara maya. Proses pentadbiran juga telah beralih kepada proses maya. Berdasarkan keperluan semasa ini, DMDC telah melakukan proses kajian dan perolehan untuk perisian yang mampu memenuhi kehendak golongan pentadbir dan tenaga pengajar akademik. Hasil kajian mendapati perolehan Google Education Plus adalah terbaik bagi memenuhi keperluan ini. Proses perolehan ini mula dibuat bermula pada Januari 2022 dan telah selesai sepenuhnya pada Oktober 2022.

PENCAPAIAN SEKSYEN RANGKAIAN KAMPUS

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Penggantian perkakasan usang (Distribution Switch) di 8 Bangunan UniMAP Pauh Putra	Distribution switch adalah satu perkakasan rangkaian yang penting dalam rangkaian UniMAP yang menghubungkan rangkaian dalaman di antara sesebuah bangunan di UniMAP. Perkakasan ini berfungsi untuk : • Mengawal akses Internet dan akses Local Area Network • Mengawal proses agihan IP Address Perkakasan sedia ada di 8 bangunan di Kampus Pauh telah melebihi 7 tahun dan telah dimasukkan di dalam RMK-11 RP2. Proses penggantian perkakasan ini dijangka selesai sepenuhnya pada penghujung Disember 2022.
2.	Pemasangan perkakasan rangkaian 'Data Center Workload Switch' di Pusat Data UniMAP Pauh	Data Center Workload Switch' (QFX5120) merupakan perolehan baru dua unit switch rangkaian bagi menggantikan fabric switch yang telah berstatus End of Service Life pada Januari 2021. Perkakas ini berfungsi sebagai switch utama kepada Clustered Database and Application Appliance (ODA). Perkakas rangkaian ini telah beroperasi sepenuhnya pada 30hb Ogos 2022.
3.	Migrasi Operasi Radius OpenSource Server WiFi Kepada Enterprise Sempena Penutupan Perkhidmatan Portal UniMAP	'RADIUS WiFi' (Cisco Secure ACS) merupakan pelayan khas untuk perkhidmatan WiFi UniMAP. Perkakas ini berfungsi sebagai item sokongan perkhidmatan WiFi rasmi UniMAP yang memerlukan warga UniMAP menggunakan akaun WiFi khas untuk akses ke sistem rangkaian UniMAP. Kaedah login WiFi rasmi UniMAP (signal UniMAP-WiFi) boleh didapati di website rasmi DMDC. Operasi pelayan RADIUS ini mula beroperasi di Pusat Data UniMAP pada 1hb Oktober 2022.
4.	Projek Pemasangan 118 Data Point Khas serta 11 unit AP WiFi untuk Blok S3 Kampus UniCiti Alam	UniMAP OVMS berasaskan kepada perisian sumber terbuka Observium (Observium Community Edition). Proses instalasi dan konfigurasi telah dilakukan sepenuhnya oleh oleh staf bahagian infrastruktur ICT yang terlibat. Matlamat utama penggunaan UniMAP OVMS ialah bertujuan untuk pengurusan dan pemantauan server di Pusat Data supaya lebih terurus dan teratur. Proses mula menyediakan sistem ini adalah pada awal Oktober 2022 dan akan siap sepenuhnya sebelum penghujung bulan November 2022. Sistem ini telah mula digunakan pada penghujung Oktober 2022 dan masih dalam proses untuk memasukkan server yang akan dipantau melalui sistem ini. Jangkaan operasi sepenuhnya adalah sekitar penghujung November 2022 sehingga awal Disember 2022.

BIL.	PROJEK	STATUS
5.	Perkhidmatan 'Metro Ethernet' Bagi Sambungan Rangkaian Point To Point Kampus Teragih Ke Pusat Data (kontrak langganan)	Perkhidmatan Metro Ethernet ini bertujuan untuk menghubungkan rangkaian 5 kampus teragih UniMAP ke Pusat Data Pauh iaitu kampus Wang Ulu, Simpang Empat, IKOM Jejawi, BUMITA Blok A+B dan Blok C. Kelajuan Metro Ethernet bagi 5 kampus teragih adalah seperti berikut : • Wang Ulu = 500 Mbp • Simpang Empat = 100 Mbps • IKOM Jejawi = 100 Mbps • BUMITA Blok A+B = 300 Mbps • BUMITA Blok C = 300 Mbps Perkhidmatan ini mula beroperasi sejak 1hb Disember 2021, dan akan tamat pada 31hb Mei 2022.
6.	Perkhidmatan Internet Berkelajuan 10Gbps dan Point To Point Berkelajuan 1Gbps Di UniMAP (kontrak langganan)	Perkhidmatan internet ini adalah untuk mewujudkan capaian internet khas di Pusat Data UniMAP berkelajuan 10Gbps dimana ia boleh dinikmati oleh semua pelajar dan staf di semua kampus UniMAP dalam negeri Perlis. Perkhidmatan 'Point to Point' pula adalah untuk menyambungkan rangkaian kampus Kubang Gajah ke Pusat Data melalui 'dedicated fiber optic link' berkelajuan 1Gbps. Perkhidmatan ini mula beroperasi sejak 1hb Julai 2022, dan akan tamat pada 9hb Mei 2024.

PENCAPAIAN SEKSYEN KESELAMATAN ICT DAN TELEKOMUNIKASI

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Projek Sewaan Dua Unit Firewall	Jenayah komputer merujuk kepada penyalahgunaan peralatan komputer bagi merosakkan, mencuri, atau mengubah data dalam komputer bagi tujuan tertentu. Jenayah komputer sukar dibuktikan atau dikesan disebabkan kehilangan data atau penyalinan data berlaku secara maya dan tidak dapat dibuktikan secara fizikal. Oleh itu, Firewall yang berteknologi tinggi untuk menghalang jenayah siber ini dari terus masuk ke dalam rangkaian di UniMAP. Firewall yang diperoleh melalui sewaan ini dapat mengenalpasti pelbagai jenis serangan sekuriti siber dan menyekat serangan tersebut dari terus masuk ke dalam rangkaian UniMAP. Firewall ini juga berkebolehan untuk mengenalpasti semua aplikasi yang dilayari oleh warga di UniMAP contohnya adalah seperti P2P, Proxy, dan sebagainya. Ini dapat menyekat sebarang aplikasi yang meragukan dan boleh memudaratkan pengguna di UniMAP.

PERINCIAN KEMAJUAN BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT

BIL.	PERKARA	PERATUS SELESAI	PERATUS BELUM SELESAI	SEKSYEN	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
1.	Google Workspace Education Plus License	100 %	0 %	Pusat Data dan Pangkalan Data	1 Januari 2022	15 Oktober 2022
2.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur Mekanikal & Elektrikal serta Perkakasan Untuk Pusat Data ICT untuk Tempoh 3 Tahun.	100 %	0 %	Pusat Data dan Pangkalan Data	1 Januari 2022	Januari 2026 31 Disember 2022
3.	Projek Sewaan Dua Unit Firewall	100 %	0 %	Keselamatan Rangkaian	1 Januari 2022	31 Disember 2022

BIL.	PERKARA	PERATUS SELESAI	PERATUS BELUM SELESAI	SEKSYEN	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
4.	Pengurusan CCTV Perpustakaan, Pengkalan Jaya, Kangar	100 %	0 %	Peranti Pintar	Januari 2022	Ogos 2022
5.	Pengurusan Kad Pintar MYSiswa RHB KPT	90 %	10 %	Peranti Pintar	Januari 2022	Januari 2026
6.	Pengurusan CCTV Bilik Kebal, Pendafta, Kampus Pauh Putra	90 %	10 %	Peranti Pintar	Januari 2022	31 Disember 2022
7.	Pemasangan perkakas rangkaian 'Data Center Workload Switch' di Pusat Data UniMAP Pauh	100 %	0 %	Rangkain Kampus	9 Mei 2022	31 Ogos 2022
8.	Perkhidmatan Internet Berkelajuan 10Gbps dan Point to Point Berkelajuan 1Gbps Di UniMAP (kontrak langganan)	100 %	0 %	Rangkain Kampus	10 Mei 2022	9 Mei 2024
9.	Pengurusan CCTV Pejabat COSHE di Kampus Pauh Putra	100 %	0 %	Peranti Pintar	Jun 2022	Ogos 2022
10.	Menaiktaraf Pangkalan Data dari Oracle 11GR2 ke Oracle 19C di Pusat Data Pauh	100 %	0 %	Pusat Data dan Pangkalan Data	1 Julai 2022	15 Oktober 2022
11.	Migrasi Operasi Radius OpenSource Server WiFi Kepada Enterprise Sempena Penutupan Perkhidmatan Portal UniMAP	100 %	0 %	Rangkain Kampus	15 Julai 2022	1 Oktober 2022
12.	Projek Pemasangan 118 Data Point Khas serta 11- unit AP WiFi Untuk Blok S3 Kampus UniCiti Alam	100 %	0 %	Rangkain Kampus	15 Julai 2022	20 Ogos 2022
13.	Peralihan Operasi Pusat Pemulihan Bencana Kubang Gajah ke Pusat Data Sektor Awam MAMPU	85 %	15 %	Pusat Data dan Pangkalan Data	1 September 2022	30 Oktober 2022
14.	Perlaksanaan Enterprise Open Source di DMDC - IP Address Management (PHPIPAM)	100 %	0 %	Pusat Data dan Pangkalan Data	1 September 2022	30 Oktober 2022
15.	Perlaksanaan Enterprise Open Source di DMDC - Observium Server Monitoring	60 %	40 %	Pusat Data dan Pangkalan Data	1 Oktober 2022	30 November 2022
16.	Menggantikan 8 Unit Perkakas 'Distribution Switch' Yang Telah Usang di 8 Bangunan UniMAP Pauh Putra	80 %	20 %	Rangkain Kampus	17 Oktober 2022	16 Oktober 2023
17.	Perkhidmatan Metro-E Bagi Sambungan Rangkaian Point To Point Kampus Teragih Ke Pusat Data (kontrak langganan)	100 %	0 %	Rangkaian Kampus	1 Disember 2022	31 Mei 2023

PENCAPAIAN SEKSYEN PEMBANGUNAN PINTAR DAN ANALITIK

UNIT DATA ANALITIK

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan Sistem University Dashboard (UniDashboard)	100 %	Merupakan sistem analitik data yang menukarkan data ke bentuk visualisasi histogram (line, pie,bar,treemap,slicer dsb) untuk bantu pihak pengurusan dalam pembuatan keputusan berpacukan data. Dibahagikan kepada realtime dan historical dashboard. Realtime Dashboard merupakan dashboard yang sumber datanya diambil terus drpd pangkalan data produksi secara masa nyata. Manakala Historical Dashboard merupakan dashboard yang sumber datanya diambil daripada data lalu yang dihantar ke agensi pengumpulan data.
2.	Penyediaan dan Penghantaran Data ke Agensi Luar	100 %	Unit ini diberi tanggungjawab bagi penyediaan, penghantaran dan pembetulan data kepada pihak agensi luar seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang melibatkan data MyMoheS, HRMIS, Tracer Study dan E2E. MyMoheS - MyMoheS ialah satu sistem maklumat KPT bagi menyepadu dan meningkat kualiti data UA secara berterusan. Modul utama terdiri daripada Pelajar, Staf, R&D&C dan Maklumat Institusi HRMIS - Human Resource Management Information System (HRMIS) ialah sistem maklumat yang menyimpan maklumat kakitangan kerajaan dan membantu mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Tracer Study - Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) merupakan kajian atas talian yang meninjau status pekerjaan graduan sama ada bekerja, melanjutkan pengajian atau masih aktif mencari pekerjaan menjelang musim konvokesyen masing-masing E2E - Mengumpulkan maklumat berkenaan perkhidmatan dalam talian end-to-end (E2E) bagi mencapai sasaran MyDigital Blueprint iaitu 80% dari keseluruhan perkhidmatan sektor awam ialah dalam bentuk E2E pada tahun 2025.
3.	Penyelenggaraan Sistem Electronic Performance Indicator Channel (ePIC)	100 %	Merupakan sistem pemantauan Key Performance Indicator (KPI) universiti secara atas talian bagi memudahkan pengurusan tertinggi universiti memantau dan membantu membuat keputusan dalam perihal pentadbiran dan akademik. Terdapat lebih 100 KPI yang dipantau berpandukan indikator warna dan proses pengiraan sasaran dan pencapaian secara tahunan.
4.	Penyelenggaraan Sistem Pengurusan Dokumen ISO MS 9001:2015 UniMAP (eQDoc)	100 %	Merupakan sistem pengurusan dokumen ISO atas talian bagi membantu pihak pengurusan kualiti universiti menguruskan dokumen dengan lebih efisien tanpa kertas dalam persekitaran kampus yang teragih. Terdapat lebih daripada 60 dokumen ISO yang diselenggara secara atas talian. Modul yang terlibat ialah Pengurusan Dokumen ISO, Laporan Ketidakpatuhan (e-NCR), Laporan Pemikiran Berasaskan Risiko (e-RBT) dan Aduan maklumbalas pelanggan.

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
5.	Penyelenggaraan Sistem Instrumen Tahap Kepuasan Online	100 %	Merupakan sistem penyediaan instrumen bagi staf dan mahasiswa menjawab kajian tahap kepuasan di peringkat universiti secara atas talian. Terdapat 2 modul iaitu modul menjawab soalan kajian dan pelaporan prestasi responden yang telah menjawab. Data mentah yang telah lengkap diperoleh, diekstrak untuk dibuat kajian supaya dijadikan pelaporan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dalam skop MS ISO 9001:2015.

UNIT WEB DAN PORTAL

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan dan Penyelenggaraan Laman Web PTJ/ Seminar/Jurnal	100 %	Merupakan platform yang berfungsi sebagai pusat maklumat bagi sesebuah organisasi, individu, acara atau penerbitan. Terdapat 4 kategori laman web yang dibangunkan iaitu PTJ, Pensyarah, Seminar dan Jurnal. Seksyen ini bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembangunan platform laman web tersebut manakala pengemaskinian kandungan web akan dikendalikan oleh Pentadbir Web yang dilantik.
2.	Pembangunan Booklet DMDC	100 %	Tujuan Booklet ICT ini dibangunkan ialah untuk diberi kepada pelawat yang melawat DMDC bertujuan untuk mempromosi senarai ystem/perkhidmatan yang ditawarkan oleh DMDC. lanya akan dimuatnaik ke Sistem UniSIS dan Laman Web Rasmi DMDC. Untuk Fasa 1 terdapat 10 booklet yang disasarkan untuk dibangunkan. Manakala untuk Fasa 2 terdapat terdapat 7 booklet yang disasarkan untuk dibangunkan.
3.	Pemindahan Kandungan Portal ke Platform Lain	100 %	Tujuan pemindahan ialah sebagai alternatif bagi menggantikan produk Portal UniMAP yang telah usang. Kandungan portal ini akan dipindahkan ke platform lain yang berkaitan. Antara platform yang akan digunakan sebagai platform alternatif ialah UniSIS, OSI, LMS, Laman Web Rasmi UniMAP dan PTJ.

PENCAPAIAN SEKSYEN DIGITAL AKADEMIK

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan Sistem Pemulangan Pakaian Konvokesyen (RETURN ROBE)	100 %	Merupakan platform kepada graduan prasiswazah, pascasiswazah dan pengajian lanjutan menyemak dan mengesahkan maklumat pemulangan pakaian konvokesyen mereka dengan hanya satu klik pada Mobile Return Robe.
2.	Pembangunan Academic Management Information System (AMIS)	100 %	Merupakan sistem untuk menguruskan maklumat berkaitan pelajar pra-siswazah merangkumi semua proses kerja dalam pengurusan akademik dari merekod maklumat pelajar sehinggalah ke penganugerahan diploma atau ijazah. Sistem ini menyediakan kemudahan pengurusan maklumat pelajar secara online yang sistematik kepada pensyarah, pelajar serta pentadbir. Sistem AMIS mempunyai modul-modul berikut: 1. Security – Pengurusan Keselamatan Pengguna 2. Admission – Pengurusan Kemasukan/Pendaftaran Diri 3. Staff – Pengurusan Maklumat Staf / Penasihat Akademik 4. Student Profile - Maklumat Diri dan Asrama 5. Program Management - Pengurusan Program Pengajian/ Semester/Kursus

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
			6. Registration – Pengurusan Pendaftaran Kursus dan Semester Pelajar 7. Unit Exemption – Pengurusan Pengecualian Kredit Pelajar 8. Emination – Pengurusan Peperiksaan Graduation & Convocation – P4engurusan Pengijazahan & Konvokesyen
3.	Pembangunan Online Student Information (OSI)	100 %	Merupakan "one-stop information" platform kepada pelajar pra-siswazah. Sistem ini membolehkan pelajar mengakses pelbagai maklumat berkaitan pelajar. Beberapa perkhidmatan pengurusan juga disediakan secara atas talian melalui sistem OSI seperti borang berkaitan hal ehwal akademik, hal ehwal pelajar dan permohonan kolej kediaman pelajar. Berikut merupakan modul-modul yang terdapat di dalam Sistem OSI: ● Personal Information – Pengurusan mengemaskini maklumat peribadi diri pelajar, paparan slip pendaftaran diri dan maklumat kewangan pelajar berkaitan yuran. ● Semester Registration –Paparan maklumat pendaftaran semester pelajar. ● Course Registration –Pautan ke modul pendaftaran kursus dan paparan maklumat pendaftaran kursus. ● Examination – Paparan keputusan peperiksaan dan slip peperiksaan ● Hostel – Pengurusan permohonan kolej kediaman pelajar dan aduan pelajar. ● Student Affairs – Pengurusan berkaitan hal ehwal pelajar Online Forms - Pengurusan borang hal ehwal akademik pelajar. ● Others – Pautan maklumat-maklumat lain yang berkaitan pelajar. Virtual Matric Card – Paparan kad matrik pelajar secara maya
4.	Pembangunan Sistem Maklumat Konvokesyen (eCONVO)	100 %	Merupakan "one-stop information" platform kepada graduan prasiswazah, pascasiswazah dan pengajian lanjutan. Sistem ini membolehkan graduan mengakses pelbagai maklumat berkaitan pengijazahan dan konvokesyen bagi tahun semasa. Berikut adalah modul-modul yang terdapat di dalam eCONVO ● Main – Paparan Senarai Semak ke Majlis Konvokesyen ● Profile– Paparan Pengemaskinian Maklumat Graduan. ● Graduation–Pautan ke Fungsi Paparan Surat Tamat Pengajian, Permohonan Transkrip Sementara, Paparan Surat Pengesahan Kelas Pertama dan Semakan Pengijazahan. ● Convocation – Pautan ke Paparan Surat Jemputan Majlis Konvokesyen, Paparan Bil Konvokesyen, Paparan Pengesahan Kehadiran, Paparan Slip Pengesahan Kehadiran, Paparan Cetakan Sticker Kenderaan Mengikut Sidang, Paparan Pilihan Size Pakaian Konvokesyen, Paparan Permohonan Wakil Pengambilan Pakaian Konvokesyen dan Paparan Semakan Sebutan Nama Graduan.
5.	Pembangunan Sistem Pendaftaran Kursus (Course Registration)	100 %	Merupakan platform kepada pelajar prasiswazah untuk menambah dan menggugurkan kursus semasa tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Akademik. Pelajar boleh menyemak serta mencetak senarai kursus yang telah didaftarkan di samping memuat naik dokumen yang diperlukan oleh kursus-kursus yang terlibat dengan pra-syarat semakan semasa tempoh pendaftaran kursus.

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
6.	Pembangunan Sistem Maklumat Penilaian Program (ePO)	100 %	Merupakan sistem untuk menilai keberhasilan program yang ditawarkan oleh setiap fakulti di UniMAP. Selain itu, sistem ini juga membolehkan laporan Attainment of Programme Outcomes yang dihasilkan melalui sistem ini memenuhi piawaian yang ditetapkan. Sistem ini mempunya modul berikut: ● Security – Pengurusan akaun pengguna. ● Programme Outcomes – Pengurusan Penilaian Program. ● EC and CC – Penetapan Kohort, Kursus EC dan CC dan Komponen Kursus. ● Reporting – Laporan Penilaian Program. ● ECourse File – Senarai Semak Dokumen Penilaian.
7.	Pembangunan Sistem Surat Tawaran (OFFER LETTER)	100 %	Merupakan platform kepada calon pelajar unimap untuk membuat semakan status permohonan kemasukan ke Program Pengajian Prasiswazah di Unimap. Calon pelajar boleh mendapatkan surat tawaran secara atas talian (online), menyemak senarai semak kemasukan pelajar, memuat naik dokumen kemasukan dengan cepat,mudah dan pantas dari lokasi semasa pelajar.
8.	Pembangunan Sistem Permohonan Kemasukan Prasiswazah Dalam Negara (eKemasukan)	100 %	Merupakan sistem permohonan pelajar secara terus ke UniMAP tanpa melalui UPU. Sistem ini mengandungi beberapa modul seperti modul Pemilihan Program Pengajian, modul Maklumat Peribadi, Maklumat Akademik, Maklumat Waris dan Modul Muatnaik Dokumen Sokongan serta Modul Paparan Borang Permohonan dan cetakan.
9.	Pembangunan Sistem Permohonan Kemasu-kan Dalam Talian Pelajar Antarabangsa (iAdmission)	100 %	Merupakan platform kepada calon pelajar antarabangsa untuk membuat permohonan kemasukan ke UniMAP secara atas talian. Sistem ini juga memberi kemudahan kepada calon untuk memperolehi maklumat berkenaan senarai semak kemasukan , memuatnaik dokumen kemasukan serta menyemak status permohonan kemasukan ke UniMAP bagi program-program Prasiswazah yang ditawarkan oleh UniMAP.
10.	Pembangunan Sistem Discoverer Viewer	100 %	Merupakan sistem pelaporan eksekutif berkaitan pengurusan akademik seperti pelaporan maklumat pendaftaran diri pelajar, pendaftaran semester, pendaftaran kursus, pengecualian kredit, peperiksaan, pengijazahan dan konvokesyen bagi pelajar prasiswazah unimap yang dapat membantu memudahkan urusan pentadbiran Pusat Pengurusan Akademik serta Fakulti.
11.	Pembangunan Penyediaan dan pengesahan sumber data bagi keperluan Agensi Luar	100 %	Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi penyediaan dan penghantaran data kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak bank yang melibatkan data MyMohes, Tracer Study dan Data Kad Bank Pelajar
12.	Pengurusan AUDIT ISMS (SIRIM)	100 %	Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi pengurusan Audit ISMS yang melibatkan Sistem AMIS dan GAMIS.
13.	Pengurusan Persediaan Teknikal Sempena Aktiviti Universiti	100 %	Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi persediaan teknikal sempena aktiviti akademik universiti sepanjang tahun.
14.	Pembangunan Graduate Management Information System (GAMIS)	100 %	Sistem ini dibangunkan pada tahun 2005 dan telah melalui perubahan dari fasa 1(2005), fasa 2(2009) dan yang terkini adalah fasa 3(2021 sehingga kini). Tujuan utama adalah untuk mentadbir hal ehwal pelajar pascasiswazah dari mula kemasukan ke UniMAP hingga pelajar bergraduat. Ianya termasuk dalam menguruskan maklumat-maklumat berkaitan akademik seperti Kemasukan Pelajar, Pendaftaran Diri dan Pendaftaran Kursus Pelajar, Peperiksaan Pelajar dan Pengijazahan Pelajar.

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
15.	Pembangunan Online Postgraduate Information (OPI)	100 %	Sistem ini mula digunakan pada tahun 2012 dan telah melalui perubahan dari fasa 1(2012), fasa 2(2016) dan yang terkini adalah fasa 3(2020 sehingga kini). OPI dibangunkan bagi menyediakan satu platform kepada pelajar pascasiswazah di mana para pelajar boleh mendapatkan maklumat berkaitan diri pelajar itu sendiri secara berpusat. Antara modul yang terdapat dalam sistem ini dan boleh dicapai oleh pelajar adalah maklumat yang berkaitan dengan pendaftaran diri, maklumat pendaftaran kursus, maklumat peperiksaan, maklumat penyata kewangan, maklumat penyelidikan, maklumat keputusan peperiksaan dan juga permohonan/penghantaran laporan kemajuan kerja, tesis dan viva. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut. https://opi.unimap.edu.my
16.	Pembangunan Online Postgraduate Application (OPA)	100 %	Sistem ini dibangunkan untuk membantu bakal pelajar memohon program pengajian pasca-siswazah yang ditawarkan di peringkat di UniMAP. Sistem ini mengandungi modul-modul seperti berikut : ● Programme - Paparan maklumat tentang program yang dimohon oleh bakal pelajar. ● Profile - Maklumat peribadi tentang bakal pelajar. ● Contact - Paparan alamat kediaman serta waris yang boleh dihubungi. ● Academic - Memaparkan butiran kelayakan akademik. ● English - Butiran penguasaan bahasa Inggeris. ● Financial - Mengandungi butir-butir tajaan pengajian. ● Work Experience - Maklumat pengalaman bekerja. ● Referee - Memaparkan maklumat rujukan. ● Attachment Summary - Mengandungi senarai semak lampiran yang dimuatnaik. ● Submit - Proses untuk menghantar permohonan.
17.	Pembangunan UniMAP Online Learning (eLearning)	80 %	Sistem ini berfungsi sebagai pembelajaran atas talian untuk pelajar dan pensyarah. Sistem ini membolehkan pelajar untuk mengakses pelbagai modul. Berikut merupakan modul-modul yang terdapat di dalam Sistem UniMAP Online Learning: ● Assignment ● Book ● Chat ● Choice ● Database ● External Tools ● Feedback ● File ● Folder ● Forum ● Glossary ● IMS Content Package ● Interactive Content (H5P) ● Label ● Lesson ● PDF Annotation ● PDF Worksheet ● Page ● Quiz ● SCORM ● Package ● Survey ● URL ● WIKI ● Workshop
18.	Pembangunan Lifelong Learning (Microcredentials)	100 %	Sistem ini berfungsi sebagai pembelajaran atas talian untuk pelajar dan pensyarah. Sistem ini membolehkan pelajar untuk mengakses pelbagai modul. Berikut merupakan modul-modul yang terdapat di dalam Sistem UniMAP Online Learning: ● Assignment ● Book ● Chat ● Choice ● Database ● External Tools ● Feedback ● File ● Folder ● Forum ● Glossary ● IMS Content Package ● Interactive Content (H5P) ● Label ● Lesson ● PDF Annotation ● PDF Worksheet ● Page ● Quiz ● SCORM ● Package ● Survey ● URL ● WIKI ● Workshop

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
19.	Pembangunan Lifelong Learning Management System (LIMS)	100 %	Sistem ini mula digunakan pada tahun 2021 untuk Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan. LIMS dibangunkan bagi menyediakan satu platform kepada pelajar-pelajar eksekutif yang ingin menyambung pengajian dalam program ijazah lanjutan bagi peringkat pengajian lanjutan diploma eksekutif dan bachelor eksekutif. Tujuan utama adalah untuk mentadbir hal ehwal pelajar dari mula kemasukan ke UniMAP hingga pelajar bergraduat. Sistem ini berfungsi untuk mengurus maklumat-maklumat berkaitan akademik seperti Kemasukan Pelajar, Pendaftaran Diri dan Pendaftaran Kursus Pelajar, Peperiksaan Pelajar dan Pengijazahan Pelajar.
20.	Pembangunan Online Professional Student Information (OPSI)	100 %	Sistem ini telah siap dibangunkan pada tahun 2022 untuk Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan. OPSI dibangunkan bagi menyediakan satu platform kepada pelajar-pelajar eksekutif / ijazah lanjutan mendapatkan maklumat berkaitan diri dan akademik pelajar. Antara modul yang telah disiapkan bagi fasa 1 dan boleh dicapai oleh pelajar adalah maklumat penyata kewangan dan maklumat pendaftaran kursus. Bagi fasa 2, pelajar akan boleh mencapai maklumat yang berkaitan dengan pendaftaran diri, maklumat peperiksaan, maklumat keputusan peperiksaan dan juga permohonan/penghantaran laporan kemajuan kerja. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut. https://opsi.unimap.edu.my
21.	Penyediaan Dan Pengesahan Sumber Data Bagi Keperluan Agensi Luar	100 %	Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi penyediaan dan penghantaran data kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak bank yang melibatkan data MyMohes dan Data Kad Bank Pelajar

PENCAPAIAN SEKSYEN DIGITAL KORPORAT

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan e-Hadir – Sistem Pengurusan Kehadiran Staf	90 %	Sistem ini dibangunkan untuk Jabatan Pendaftar bagi menguruskan rekod – rekod kehadiran staf.
2.	Pembangunan Sistem UniSIS – eHadir	100 %	Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan rekod dan laporan kehadiran staf.
3.	Pembangunan IMSIC – Integrated Management System Islamic Centre		Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan khairat kematian dan kebajikan staf oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).
4.	Pembangunan Safety, Health and Environment Management System (SHE)	100 %	Sistem ini dibangunkan untuk Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan UniMAP (COSHE) bagi memudahkan dan mempercepatkan proses penyampaian dan pemantauan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh COSHE
5.	Pembangunan Sistem UniSIS – SHE	100 %	Sistem UniSIS-SHE merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh DMDC secara elektronik (online) kepada Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan UniMAP (COSHE). Dibangunkan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses penyampaian dan pemantauan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh COSHE.
6.	Pembangunan Sistem Paparan & Audio Graduan	100 %	Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan paparan dan audio nama graduan bagi Majlis Konvokesyen.

PENCAPAIAN SEKSYEN DIGITAL SOKONGAN

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan SEGAK V2	100 %	Sistem kegunaan Jabatan Pembangunan (JP) bertujuan untuk memudahkan pelaporan kerosakan fasiliti dibawah seliaan Jabatan Pembangunan oleh pengguna. Sistem ini sedang dalam proses pengujian oleh JP dan dijangka dapat digunakan pada Januari 2023. Modul yang terlibat adalah : ● Modul laporan oleh pengguna yang terdiri daripada staf dan pelajar UniMAP, ● Modul admin yang melibatkan lantikan admin sistem, lokasi serta unit dalam JP ● Modul semakan laporan (JP) ● Modul Arahan Kerja (JP) ● Modul notifikasi melalui email
2.	Pembangunan UniMAP Facility Centralized Booking System	100 %	Sistem ini dibangunkan bagi menguruskan fasiliti akademik, fasiliti jabatan serta fakulti secara 'one-stop center' bagi memudahkan staf serta pelajar membuat tempahan, semakan jadual tempahan serta melihat rekod tempahan yang telah dibuat secara digital dan mudah. Sistem ini juga dapat diakses meneggunakan telefon pintar. Terdapat beberapa 2 sub-sistem didalam sistem ini iaitu Sistem tempahan Dewan/Bilik Kuliah Seliaan Jabatan Pembangunan UniMAP dan Sistem tempahan Fasiliti Pusat Komunikasi Korporat sebagai permulaan. Sistem ini telah dapat diakses dan telah digunakan bermula 1 November 2022 iaitu lebih cepat daripada cadangan awal pada Disember 2022. Modul yang terdapat didalam sistem ini mengikut sub-sistem: Sistem Tempahan Dewan / Bilik Kuliah Jabatan Pembangunan: ● Modul Pengurusan Tempahan (pengguna) ● Modul Pengurusan Admin (admin) ● Modul Pengurusan Dewan & Bilik Kuliah (admin) ● Modul Pengurusan Tempahan (admin) ● Modul Pengurusan Lokasi (admin) ● Modul notifikasi melalui email Sistem Tempahan Fasiliti Pusat Komunikasi Korporat: ● Modul Pengurusan Tempahan (pengguna) ● Modul Pengurusan Admin(admin) ● Modul Pengurusan Tempahan (admin/super admin) ● Modul Pengurusan Kelulusan Tempahan (super admin) ● Modul notifikasi melalui email
3.	Pembangunan Sport Recreation Center Booking System – UniSIS	100 %	Sistem ini dibangunkan bagi menguruskan fasiliti pusat sukan UniMAP secara 'one-stop center' untuk memudahkan staf serta pelajar membuat tempahan, semakan inventori serta melihat rekod tempahan yang telah dibuat secara digital dan mudah didalam UniSIS. Sistem ini juga dapat diakses menggunakan telefon pintar. Sistem ini telah siap dibagunkan pada tahun 2020. Modul yang terdapat didalam sistem ini mengikut sub-sistem. Sistem Tempahan Pusat Sukan UniMAP – UniSIS: ● Modul Pengurusan Tempahan (pengguna) ● Modul Rekod Tempahan (pengguna) ● Modul Senarai Fasiliti (pengguna)

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
4.	Pembangunan eCUSTOMER	100 %	Sistem ini dibangunkan bagi menguruskan dan memudahkan staf, pelajar serta orang luar menyalurkan aduan, cadangan, penghargaan dan perkara lain berkaitan UniMAP secara digital dan mudah. Sistem ini masih dalam pembangunan dan dijangka dapat digunakan pada Januari 2023. Modul yang terdapat didalam sistem ini: Sistem eCUSTOMER: ● Modul aduan (pengguna) ● Modul Pengurusan Admin (admin) ● Modul Pengurusan Aduan (admin) ● Modul notifikasi melalui email ● Modul pendaftaran pengguna luar

PENCAPAIAN SEKSYEN DIGITAL KEWANGAN

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	UNIT SISTEM KEWANGAN Pembangunan IUS - Kewangan – Sistem Maklumat Kewangan UniMAP	100 %	Sistem Kewangan UniMAP dibangunkan pada tahun 2003 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dari Fasa 1 (2003), Fasa 2 (2014): Integrasi dengan ystem-sistem utama ystemity, Fasa 3 (2017): Penambahan modul GST dan yang terkini adalah Fasa 4 (2022 sehingga kini): Naik Taraf Perisian Oracle Form & Reports. Tujuan utamanya adalah untuk mentadbir pengurusan kewangan ystemity. lanya termasuk menguruskan pendapatan ystemity, hutang, yuran pelajar dan laporan-laporan pengurusan.
2.	UNIT APLIKASI CASHLESS Pembangunan ePay – Sistem Pembayaran Online	100 %	Sistem ini dibangunkan dan mula digunakan pada tahun 2022. ePay dibangunkan sebagai salah satu platform pembayaran tanpa tunai kepada pelajar, staf, pembekal, dan pengguna awam UniMAP. Antara modul yang terdapat di dalam sistem ini adalah Modul Pelajar, Modul Bakal Pelajar, Modul Staf, Modul Admin dan Modul General Payment. Sistem ini membenarkan pengguna untuk membuat bayaran samada secara FPX atau Debit/Kredit Card. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: https://epay.unimap.edu.my
3.	Pembangunan SBD Digital Platform	100 %	SBD Digital Platform mula dibangunkan dan mula digunakan pada tahun 2022. Sistem ini mengandungi 2 sistem utama bagi Bahagian Pengurusan Perniagaan, Jabatan Bendahari, UniMAP iaitu Sistem Pengurusan Penjanaan Pendapatan (Uni-Jana) dan Sistem Pengurusan Perdanaan (Uni-Dana). Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: https://sbddp.unimap.edu.my

PENCAPAIAN SEKSYEN DIGITAL HAL EHWAL PELAJAR

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan eHEPA – Sistem Maklumat HEPA	100 %	Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2009 bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pihak Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P) untuk mencapai maklumat pelajar, merekodkan aktiviti pelajar, menjana laporan biasiswa pelajar, memilih pelajar yang layak untuk tabung bantuan dan dan pengurusan kebajikan pelajar. Terdapat 7 modul dalam sistem ini iaitu Modul Pentadbiran, Modul Pelajar, Modul Aktiviti, Modul Kewangan, Modul Pillars, Modul Kebajikan dan Modul Pembangunan Modal Insan. Pemilik Sistem ialah Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P).
2.	Pembangunan HOMES – Sistem Pengurusan Asrama (HOMES)	100 %	Sistem ini mula digunakan pada tahun 2008 dan dibina bertujuan untuk memudahkan pihak Pusat Perumahan Pelajar untuk merekod data berkaitan pendaftaran asrama pelajar seperti no bilik, tarikh daftar masuk dan tarikh daftar keluar asrama. Antara Modul-modul yang terdapat didalam sistem ini ialah Modul Pentadbiran, Modul Penginapan, Modul Sewaan Penginapan, Modul Pemulangan Yuran, Modul Aduan dan Modul Laporan. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: https://homes.unimap.edu.my
3.	Pembangunan EPORTFOLIO – Sistem Maklumat Pengurusan Kerjaya dan Portfolio	100 %	Tujuan sistem ini ialah untuk memberi kemudahan kepada Pihak Pelajar, Industri dan CEICnet sendiri untuk menguruskan maklumat berkaitan kerjaya pelajar UniMAP. Sistem ini berupaya memberi capaian kepada semua pelajar unimap yang layak menghasilkan 'resume' dan memohon jawatan yang telah ditawar oleh pihak industri. Sistem ini juga berupaya untuk memberi maklumat berkenaan maklumat industri, pekerjaan yang ditawarkan, maklumat entreprenuership dan sebagainya.
4.	Pembangunan eAlumni - Sistem Maklumat Alumni (eAlumni)	100 %	Sistem ini telah siap dibangunkan pada tahun 2014 untuk Pusat Perhubungan Alumni. Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk mendapatkan input dari Bekas Pelajar UniMAP (Alumni) berkaitan maklumat kerjaya mereka setelah bergraduat. Maklumat ini amat penting untuk menilai tahap kebolehpasaran graduan UniMAP setelah bergraduat dari UniMAP. Sistem ini juga telah dijadikan platform kepada Pusat Pembangunan Alumni (PPA) untuk membuat tinjauan di kalangan alumni berhubung persepsi alumni tentang usaha untuk mengekalkan jaringan yang baik antara alumni dan pihak universiti. Di samping itu, sistem ini juga dapat membantu mengekalkan hubungan yang berpanjangan dengan alumni kerana akses kepada alumni untuk mengemaskinikan maklumat-maklumat peribadi mereka dibuka sepanjang masa. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: https://ealumni.unimap.edu.my

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
5.	Pembangunan Sistem eTabung - Sistem Permohonan Tabung Bantuan (eTabung)	100 %	Sistem ini dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada pelajar membuat permohonan Tabung Amanah Zakat, Tabung Endowment dan Tabung Amanah Khas (i-VCAP) secara atas talian. Pihak Admin akan menyemak permohonan tabung di dalam sistem ehepa secara online. Pemilik Sistem ialah Unit Kebajikan & Pengangkutan, Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P). Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: https://etabung.unimap.edu.my
6.	Pembangunan eVoting - Sistem Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (eVoting)	100 %	Sistem ini telah siap dibangunkan pada tahun 2011 untuk Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P) Tujuan utama pembangunan sistem ini ialah untuk membolehkan proses Pemilihan MPP UniMAP dilakukan secara atas talian. Antara modul yang terdapat di dalam sistem adalah Pentadbiran, Kehadiran, Stesen Voting,Laporan dan Keputusan Pengundian.

PENCAPAIAN SEKSYEN DIGITAL PERSONEL

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
1.	Pembangunan UniSIS – University Staff Information System	100 %	SisSistem UniSIS mula dibangunkan pada 2019 secara berperingkat-peringkat. Cetusan idea asal adalah bertujuan untuk memusatkan semua fungsi berkaitan dengan staf di dalam sebuah sistem secara berpusat dan komprehensif. Ini akan memudahkan staf untuk mendapatkan maklumat berkenaan diri sendiri secara one stop centre. Sistem ini mengandungi pelbagai modul seperti modul cuti, modul RnD, modul akademik, modul Latihan, modul tempahan, modul kehadiran, modul kenaikan pangkat, modul gaji, modul maklumat diri dan perjawatan, modul kesihatan, modul bakat, modul analitik dan beberapa modul yang dirancang pada masa akan datang.
2.	Pembangunan HRMV3.0 – Sistem Maklumat Pengurusan Sumber	100 %	Tujuan utama sistem HRM dibangunkan adalah untuk memberi kemudahan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Pengurusan Modal Insan Jabatan Pendaftar mengurus maklumat Perjawatan dan Perkhidmatan Staf dari segi urusan lapor diri sehingga berpencen atau bersara serta pengurusan Cuti, Latihan, Prestasi, Pengesahan Jawatan, dan Gaji. Sistem HRM telah melalui beberapa versi sepanjang ia dibangunkan bermula daripada versi 1.0 sehingga versi terkini iaitu versi 3.0. Sistem ini dapat dicapai melalui pautan berikut: https://hrmv3.unimap.edu.my

BIL.	PROJEK	PENCAPAIAN	STATUS
3.	Pembangunan UniTALENT – Sistem UniTALENT & Pelan Penggantian	100 %	Merupakan salah satu modul data analitik di dalam Sistem UniSIS dan Sistem IUSHRMV3 yang dibangunkan pada tahun ini (2022). Sistem ini merupakan platform yang dapat membantu Jabatan Pendaftar untuk merancang, mengenal pasti dan menilai bakat bakal-bakal pemimpin akademik dan pegawai pentadbir yang berpotensi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan strategik serta membantu dalam meningkatkan kompetensi staf berpandukan data penilaian yang telah dianalisa. Menguruskan maklumat-maklumat berkaitan kompetensi staf seperti penilaian dan pelaporan kendiri, penilaian dan pelaporan 360, kolam bakat, serta penilaian khas mengikut kumpulan yang ditetapkan. Modul ini boleh dilayari melalui menu modul UniTALENT dalam sistem UniSIS dan HRMV3.0 menggunakan url berikut: 1. https://unisis.unimap.edu.my (Staf) 2. https://hrmv3.unimap.edu.my (PIC)
4.	Pembangunan SPL – Sistem Pengajian Lanjutan (SPL)	100 %	Sistem SPL atau Sistem Pengajian Lanjutan merupakan sistem yang dibangunkan bagi mengurus dan mentadbir maklumat berkaitan Felo dan Staf UniMAP yang melanjutkan Pengajian di dalam dan luar negara. Sistem SPL yang telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pihak Unit Cuti Belajar, Jabatan Pendaftar mempunyai modul-modul seperti modul pentadbiran, modul pengajian, modul pemohon/felo, modul laporan kemajuan (progress report), modul maklumat penyelia dan modul elaun. Pada 2022, sistem ini diintegrasikan ke dalam Sistem HRMV3.0 bagi memudahkan pentadbir mencapainya melalui satu sistem yang berperanan sebagai Pusat Sehenti untuk sistem-sistem berkaitan pengurusan sumber manusia. Sistem ini boleh dicapai melalui pautan berikut: 1. https://spl.unimap.edu.my 2. https://hrmv3.unimap.edu.my
5.	Pembangunan OPL – Online Pengajian Lanjutan (OPL)	100 %	Sistem OPL atau Pengajian Lanjutan Online merupakan sistem yang akan merekodkan dan memaparkan semua maklumat Felo dan Staf UniMAP yang melanjutkan Pengajian di dalam dan luar negara. Sistem OPL yang telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pihak Unit Cuti Belajar, Jabatan Pendaftar berfungsi sebagai medium kepada felo/staff dan pihak Unit Cuti Belajar bagi mengurus dan mentadbir maklumat berkaitan pengajian felo/staf antaranya 'study plan', laporan kemajuan (progress report), maklumat profil, maklumat penyelia dan sebagainya. Sistem yang saling berhubung dengan sistem SPL ini boleh dicapai melalui url berikut: https://opl.unimap.edu.my

STATUS BAHAGIAN GOVERNAN & JAMINAN KUALITI

Unit ISMS

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	SIRIM ISMS AUDIT	Sesi Audit Pensijilan Semula MS ISO/IEC 27001: 2013 oleh SIRIM telah dilaksanakan di DMDC pada tanggal 10 hingga 11 Mac 2022. Sesi audit selama dua hari ini merangkumkan pengurusan dan pengoperasian Sistem Maklumat Pelajar – sistem Academic Management Information System (AMIS) dan sistem Graduate Academic Management Information System (GAMIS), sebagai skop utama yang akan diaudit oleh pasukan audit. Pensijilan semula juga dibuat terhadap keberkesanan kawalan-kawalan yang menyokong sistem tersebut. Ia meliputi Pengoperasian Rangkaian, Pengoperasian Pusat Data dan Pentadbiran. Semasa Mesyuarat Penutupan Audit Pemantauan pada 11 Mac 2022, Ketua Juruaudit telah membentang laporan penemuan audit yang mana DMDC didapati mempunyai : 1. Sifar (0) Laporan Ketakakuran (NCR) 2. Tiga (3) Peluang Penambahbaikan (OFI)
2.	AUDIT DALAMAN	Sesi Audit Dalaman Pemantauan Semakan 1 ISMS MS ISO/IEC 27001: 2013 oleh sekumpulan juruaudit terlatih telah dilaksanakan di DMDC pada tanggal 20 hingga 21 Oktober 2022. Sesi audit adalah untuk memantau dan menyemak semula skop utama ISMS di dalam DMDC. Semasa Mesyuarat Penutupan Audit Pemantauan pada 21 Oktober 2022, Ketua Juruaudit telah membentang laporan penemuan audit yang mana DMDC didapati mempunyai: 1. Tiga (3) Laporan Ketakakuran (NCR) 2. Sembilan (9) Peluang Penambaikan (OFI)

14.3 PEMBANGUNAN KAMPUS

Berdasarkan Belanjawan Tahun 2022 yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Kewangan pada 29 Oktober 2021, Peruntukan Pembangunan (DE) yang telah diluluskan bagi membiayai projek-projek Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah sebanyak RM 2,928,186,300.00.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 48,125,000.00 telah diluluskan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi membiayai lima (5) projek sedia ada dan satu (1) projek baharu.

BIL	SENARAI PROJEK	KATEGORI PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	Sedia Ada	65,000,000.00	5,000,000.00
2.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	Sedia Ada	42,700,000.00	9,000,000.00
3.	Pusat Islam / Masjid	Sedia Ada	34,800,000.00	4,000,000.00
4.	Pusat Kesihatan Universiti	Sedia Ada	12,300,000.00	1,000,000.00
5.	Bayaran Konsesi Kolej Kediaman Untuk 4,000 Pelajar	Sedia Ada	403,386,159.00	28,125,000.00
6.	Naiktaraf Kemudahan Infrastruktur Dan Perolehan ICT	Sedia Ada	7,000,000.00	1,000,000.00
JUMLAH (RM)			**568,186,159.00**	**48,125,000.00**

Rajah 32 : Kelulusan Peruntukan Pembangunan (DE) Tahun 2022

Projek Lantikan Kontraktor Penyiap

BIL.	TAJUK PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK (RM)	TARIKH PENAMATAN	STATUS
1.	UniMAP - Pembinaan Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Sistem Elektrik dan Makmal	JKR	51,700,000.00	07 Januari 2022	Iklan Tender : 19 September - 28 November 2022 Jangka SST : 30 Mac 2022.
2.	UniMAP - Pembinaan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Makmal	JKR	74,000,000.00	07 Januari 2022	Iklan Tender : 19 September - 28 November 2022 Jangka SST : 30 Mac 2022.
3.	UniMAP - Pembinaan Dewan Besar	JKR	31,890,000.00	20 Mei 2022	Iklan Tender : 12 Januari - 06 Mac 2022 Jangka SST : Mei 2022.



Bangunan PPK Bahan Dan PPK Sistem Elektrik



Bangunan Dewan Besar

Projek Ikut Jadual / Awal Jadual

BIL.	TAJUK PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK (RM)	TARIKH PENAMATAN	TARIKH JANGKA SIAP
1.	UniMAP - Pembinaan Bangunan Pusat Kesihatan Universiti	JKR	12,873,300.00	07 Januari 2022	11 Januari 2024
2.	UniMAP - Pembinaan Masjid dan Pusat Islam	JKR	34,800,00.00	07 Januari 2022	09 Oktober 2024
3.	UniMAP - Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur dan Perolehan Peralatan ICT	JKR	7,000,000.00	20 Mei 2022	16 Oktober 2023



Pembinaan Bangunan Pusat Kesihatan Universiti



Pembinaan Bangunan Masjid Dan Pusat Islam



Projek Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Dan Perolehan Peralatan ICT Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Lari, Dan Mentauliah *Distribution Switch*

PERMOHONAN PROJEK-PROJEK BAHARU RMKe 12 *Rolling Plan* 3 (RP3 2023)

Pihak UniMAP telah mengemukakan 6 permohonan projek baharu di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas Rolling Plan Ketiga (RMKe-12 RP3) (2023). Enam projek baharu tersebut yang dikemukakan kepada KPT seperti berikut :

BIL	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Pembinaan Bangunan Pentadbiran Dewan Besar Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis-Fasa 2	35,574,220.00
2.	Naiktaraf Infrastruktur Di Zon Selatan, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra Perlis-Fasa 1	28,810,800.00
3.	Pembinaan Bangunan Jabatan Pengurusan Fasiliti Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis	42,320,100.00
4.	Pembinaan Bangunan Jabatan Keselamatan Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis	15,547,170.00
5.	Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis-Fasa 1	5,513,500.00
6.	Penggantian Dan Perolehan Peralatan Usang Untuk FTK Elektrik & FTK Kimia	10,000,000.00
JUMLAH BESAR (RM)		**137,765,790.00**

Rajah 33 : Senarai permohonan projek-projek baharu RMKe-12 RP3 (2023)

KPT telah memperakukan sebanyak 2 projek baharu sahaja iaitu Naiktaraf Infrastruktur Di Zon Selatan Kampus Alam UniMAP Pauh Putra – Fasa 1 dan Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra – Fasa 1.

Sesi Pemeriksaan Bajet Rolling Plan 3 Tahun 2023, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di bawah selian Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah diadakan pada 24 Mei 2022 di Putrajaya

PROJEK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) MESRA OKU

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kumpulan Wang Covid-19 untuk melaksanakan projek-projek menaiktaraf infrastruktur bangunan Kerajaan yang mesra OKU.

Sebanyak RM 440,000.00 telah diperakukan kepada UniMAP bagi tujuan tersebut dengan pelaksanaan dua (2) projek seperti berikut :-

BIL.	TAJUK PROJEK	SILING PERUNTUKAN (RM)	TARIKH SST	TARIKH JANGKA SIAP
1.	Penyelenggaraan Tandas OKU Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	170,000.00	07 Oktober 2022	23 Januari 2023
2.	Pembinaan Laluan Berbumbung Mesra OKU Menghubungkan Kolej Kediaman KKTTF Ke Kompleks Dewan Kuliah	270,000.00	07 Oktober 2022	01 Februari 2023
JUMLAH BESAR (RM)		**440,000.00**		



Penyelenggaraan Tandas OKU



Pembinaan Laluan Berbumbung Mesra OKU

PROJEK PEMBANGUNAN UNIVERSITI AWAM (UA) DI BAWAH KATEGORI INFRASTRUKTUR DAN PERALATAN USANG AGIHAN PERUNTUKAN (FASA 2 TAHUN 2022)

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 15,000,000.00 bagi Inisiatif Bajet 2022 (Fasa 2) Membaikpulih Infrastruktur Dan Peralatan Usang di Universiti Awam (UA).

Sebanyak RM 1,000,000.00 diperakukan untuk disalurkan kepada UniMAP bagi tujuan tersebut dengan pelaksanaan 2 projek seperti berikut :-

BIL.	TAJUK PROJEK	SILING PERUNTUKAN (RM)	TARIKH SST	TARIKH JANGKA SIAP
1.	Cadangan Membekal Dan Memasang Kerusi Untuk Dewan Kuliah 3,4,5 dan 6 Di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra	750,000.00	07 Oktober 2022	08 Februari 2023
2.	Cadangan Membekal Dan Menghantar Kerusi Dan Meja Peperiksaan Akademik Bagi Kegunaan Peperiksaan Akademik UniMAP	250,000.00	07 Oktober 2022	10 Januari 2023
JUMLAH BESAR (RM)		**1,000,000.00**		



Pemasangan Kerusi Kompleks Dewan Kuliah



Penghantaran Kerusi Dan Meja Peperiksaan



BAB 15

AUDIT DALAMAN

15.1 Pengenalan Audit Dalam
15.2 Jawatankuasa Audit



15.1 PENGENALAN AUDIT DALAM

Pejabat Audit Dalam (IAO) UniMAP (dahulunya dikenali sebagai Unit Audit Dalam) telah ditubuhkan pada 12 Mei 2003 selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998, Perkara 7, iaitu Peranan Unit Audit Dalam. IAO UniMAP bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor dan bertanggungjawab membantu pihak pengurusan atasan mempertingkatkan tahap pematuhan kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2022, IAO mempunyai 12 orang staf bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Berikut merupakan Rancangan Audit Tahun 2022 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Naib Canselor :

1.	Auditan Pengurusan Rekod Cuti Staf Yang Akan Berpencen
2.	Auditan Geran di UniMAP
3.	Auditan Baucar Pembayaran
4.	Auditan Kontrak Kerja - Bekalan, Perkhidmatan & Kerja
5.	Auditan Susulan Pengurusan Hutang Pelajar
6.	Auditan Pendahuluan Diri / Program

Pada 12 Disember 2022 juga, Sistem i-Audit telah dilancarkan bagi menggantikan perisian Audit Command Language (ACL) yang digunakan oleh Pejabat Audit Dalam sejak tahun 2010 bagi tujuan menganalisa data berasaskan teknologi dalam melaksanakan pengauditan. Sistem i-Audit telah dibangunkan oleh penyelidik UniMAP melalui Geran Penyelidikan Khas UniMAP, dengan kerjasama Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Pejabat Audit Dalam, Pusat Pengurusan Dan Pembangunan Digital dan Jabatan Bendahari.

15.2 JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKA) telah ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengarah Universiti yang menggariskan objektif Jawatankuasa tersebut, tanggungjawab dan keanggotaannya. Jawatankuasa tersebut boleh dianggotai tiga (3) hingga lima (5) orang ahli terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. JKA boleh melantik pengerusinya sendiri atau boleh juga dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti - (Surat Pekeliling Am Bilangan 3, Tahun 1998 (SPA 3/1998)).
JKA UniMAP telah ditubuhkan pada 19 Oktober 2005 berdasarkan Minit 107, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-9.

Senarai Keahlian Jawatankuasa Audit UniMAP untuk tahun 2022 adalah seperti berikut:-

PENGERUSI

YBRS. ENCIK ZAINAL AZNI BIN ZULKIFLI
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
RISDA Holding Sdn. Bhd.
Bermula pada 18 Disember 2022 hingga 30 April 2023

AHLI

YBHG. DATO' SRI SYED SALEH BIN SYED ABDUL RAHMAN
Pengarah Eksekutif Haji
Ibu Pejabat Tabung Haji
Bermula pada 13 Ogos 2021 hingga 11 Julai 2023

YBRS. DR. WAN BAHARUDIN BIN WAN MAHMOOD
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pengajian Tinggi
Bermula pada: 12 September 2022 hingga 11 September 2025

SETIAUSAHA

PUAN NORMIZA BINTI OTHMAN
Pengarah Pejabat Audit Dalam
Bermula pada: 01 September 2022 hingga 31 Ogos 2024





Majlis Pelancaran Sistem i-Audit



Mesyuarat Exit Conference Audit



Mesyuarat Exit Conference Auditan Susulan Sewaan Ruang Premis Di Universiti Malaysia Perlis



BAB 16

LAPORAN KEWANGAN

16.1 Laporan Prestasi Kewangan Tahun 2022

16.2 Penyata Kewangan UniMAP bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022



16.1 LAPORAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2022

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Bagi tahun 2022, Kumpulan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menjana keseluruhan hasil berjumlah RM390.92 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM376.57 juta dengan peningkatan sebanyak RM14.35 juta atau 3.81%. Perbelanjaan keseluruhan Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 berjumlah RM360.24 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM334.29 juta dengan peningkatan RM25.95 juta atau 7.76%.



Rajah 34 : Hasil dan Belanja Kumpulan UniMAP

Hasil-hasil Kumpulan UniMAP telah mencatatkan peningkatan bagi hasil urusniaga bukan pertukaran dan hasil urusniaga pertukaran. Bagi hasil urusniaga bukan pertukaran, Kumpulan UniMAP telah mencatatkan hasil sebanyak RM339.46 juta bagi tahun 2022 berbanding RM326.80 juta bagi tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak RM12.66 juta atau 3.87%. Bagi hasil urusniaga pertukaran pula, jumlah hasil dicatatkan oleh Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 berjumlah RM49.17 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM45.09 juta dengan peningkatan berjumlah RM4.08 juta atau 9.05%. Secara keseluruhannya, hasil Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM390.92 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM376.57. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM14.35 juta atau 3.81%.



JENIS-JENIS HASIL KUMPULAN UniMAP	2022 (RM)	2021 (RM)
Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran	339,458,754	326,802,325
Hasil Urusniaga Pertukaran	49,168,804	45,092,472
Hasil-Hasil Lain	2,294,558	4,670,703
JUMLAH HASIL	**390,922,116**	**376,565,500**

Rajah 35 : Hasil Kumpulan UniMap

Lebihan pendapatan bagi tahun 2022 Kumpulan UniMAP telah menurun kepada RM29.94 juta berbanding RM41.29 juta dengan penurunan RM11.35 juta atau 27.49%.



Rajah 36 : Lebihan Pendapatan Kumpulan UniMAP

Aset semasa Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 telah meningkat kepada RM331.78 juta daripada tahun 2021 sebanyak RM293.85 juta dengan peningkatan RM37.93 juta atau 12.91%. Manakala jumlah aset Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 telah meningkat kepada RM981.18 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM949.44 juta dengan peningkatan RM31.74 juta atau 3.34%. Aset bersih Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM29.94 juta atau 5.05% kepada RM622.69 juta bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 pada jumlah RM592.75 juta.



Rajah 37 : Kedudukan Aset Kumpulan UniMAP

Liabiliti semasa Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 telah menurun kepada RM39.58 juta daripada RM43.69 juta bagi tahun 2021 dengan penurunan sebanyak RM4.11 juta atau 9.41%. Ini menjadikan jumlah liabiliti yang ditanggung Kumpulan UniMAP bagi tahun 2022 berjumlah RM358.49 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.80 juta atau 0.50% berbanding kedudukan jumlah liabiliti yang ditanggung Kumpulan UniMAP bagi tahun 2021 berjumlah RM356.69 juta.



Rajah 38 : Kedudukan Liabiliti Kumpulan UniMAP

KOMPONEN KEWANGAN	2022 (RM)	2021 (RM)
Hasil	390,922,116	376,565,500
Belanja	360,242,629	334,290,542
Lebihan Pendapatan	29,941,669	41,286,183
Aset Semasa	331,779,733	293,850,038
Jumlah Aset	982,180,462	949,441,676
Aset Bersih	622,694,582	592,752,913
Liabiliti Semasa	39,576,870	43,691,934
Jumlah Liabiliti	358,485,880	356,688,763

Rajah 39 : Kedudukan Kewangan Kumpulan UniMAP

PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Bagi tahun 2022, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menjana keseluruhan hasil berjumlah RM387.26 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM373.87 juta dengan peningkatan sebanyak RM13.39 juta atau 3.58%. Perbelanjaan keseluruhan UniMAP bagi tahun 2022 berjumlah RM358.85 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM334.19 juta dengan peningkatan RM24.66 juta atau 7.38%.



Rajah 40 : Hasil dan Belanja UniMAP

Hasil-hasil UniMAP telah mencatatkan peningkatan bagi hasil urusniaga bukan pertukaran dan hasil urusniaga pertukaran. Bagi hasil urusniaga bukan pertukaran, UniMAP telah mencatatkan hasil sebanyak RM339.52 juta bagi tahun 2022 berbanding RM326.80 juta bagi tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak RM12.72 juta atau 3.89%. Bagi hasil urusniaga pertukaran pula, jumlah hasil dicatatkan oleh UniMAP bagi tahun 2022 berjumlah RM45.83 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM42.43 juta dengan peningkatan berjumlah RM3.40 juta atau 8.01%. Secara keseluruhannya, hasil UniMAP bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM387.26 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM373.87. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.39 juta atau 3.58%.





JENIS-JENIS HASIL UniMAP	2022 (RM)	2021 (RM)
Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran	339,519,774	326,802,325
Hasil Urusniaga Pertukaran	45,829,163	42,429,045
Hasil-Hasil Lain	1,911,751	4,635,994
JUMLAH HASIL	**387,260,688**	**373,867,364**

Rajah 41 : Perincian Hasil UniMAP

Lebihan pendapatan bagi tahun 2022 UniMAP telah menurun kepada RM28.41 juta berbanding RM39.68 juta dengan penurunan RM11.27 juta atau 28.41%.



Rajah 42 : Lebihan Pendapatan UniMAP

Aset semasa UniMAP bagi tahun 2022 telah meningkat kepada RM332.14 juta daripada tahun 2021 sebanyak RM292.33 juta dengan peningkatan RM39.81 juta atau 13.62%. Manakala jumlah aset UniMAP bagi tahun 2022 telah meningkat kepada RM918.13 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM883.98 juta dengan peningkatan RM34.15 juta atau 3.86%. Aset bersih UniMAP bagi tahun 2022 telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM28.40 juta atau 4.89% kepada RM608.64 juta bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 pada jumlah RM580.24 juta.



Rajah 43 : Kedudukan Aset UniMAP

Liabiliti semasa UniMAP bagi tahun 2022 telah menurun kepada RM34.81 juta daripada RM37.74 juta bagi tahun 2021 dengan penurunan sebanyak RM2.93 juta atau 7.76%. Ini menjadikan jumlah liabiliti yang ditanggung UniMAP bagi tahun 2022 berjumlah RM309.49 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.75 juta atau 1.89% berbanding kedudukan jumlah liabiliti yang ditanggung UniMAP bagi tahun 2021 berjumlah RM303.74 juta.



Rajah 44 : Kedudukan Liabiliti UniMAP

KOMPONEN KEWANGAN	2022 (RM)	2021 (RM)
Hasil	387,260,688	373,867,364
Belanja	358,853,005	334,191,935
Lebihan Pendapatan	28,407,683	39,675,429
Aset Semasa	332,144,818	292,326,248
Jumlah Aset	918,130,953	883,975,599
Aset Bersih	608,644,720	580,237,037
Liabiliti Semasa	34,813,493	37,743,025
Jumlah Liabiliti	309,486,233	303,738,562

Rajah 45 : Kedudukan Kewangan UniMAP

KUMPULAN WANG MENGURUS UniMAP

Prestasi pendapatan kumpulan wang mengurus bagi UniMAP telah mencatatkan peningkatan keseluruhan dengan pendapatan dicatatkan bagi tahun 2022 berjumlah RM296.82 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM272.10 juta dengan peningkatan RM24.72 juta atau 9.08%. Terimaan geran kerajaan bagi tahun 2022 berjumlah RM263.45 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM239.67 juta dengan peningkatan RM23.78 juta atau 9.92%. Pendapatan yuran pengajian bagi tahun 2022 berjumlah RM19.96 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM19.08 dengan peningkatan sebanyak RM0.88 juta atau 4.61%.



Rajah 46 : Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus UniMAP



PENDAPATAN KUMPULAN WANG MENGURUS UniMAP	2022 (RM)	2021 (RM)
Geran Kerajaan	263,452,800	239,669,000
Yuran Pengajian	19,957,230	19,082,328
Pendapatan Lain	13,412,662	13,351,676
JUMLAH PENDAPATAN	**296,822,692**	**272,103,004**

Rajah 47 : Perincian Pendapatan Kumpulan Mengurus UniMAP

Prestasi perbelanjaan kumpulan wang mengurus bagi UniMAP telah mencatatkan peningkatan dengan perbelanjaan dicatatkan bagi tahun 2022 berjumlah RM275.10 juta berbanding tahun 2021 berumlah RM266.02 juta dengan peningkatan RM9.08 juta atau 3.41%. Perbelanjaan emolumen bagi UniMAP telah mencatatkan peningkatan tertinggi dengan perbelanjaan direkod bagi tahun 2022 berjumlah RM171.32 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM163.87 juta dengan peningkatan sebanyak RM7.45 juta atau 4.55%.



Rajah 48 : Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus UniMAP



PERBELANJAAN KUMPULAN WANG MENGURUS UniMAP	2022 (RM)	2021 (RM)
Emolumen	171,315,646	163,871,742
Perkhidmatan dan Bekalan	90,588,765	88,407,219
Harta Modal	238,576	2,257,144
Pemberian Kenaan Tetap	7,042,032	4,106,030
Belanja Lain	5,911,951	7,374,878
JUMLAH PERBELANJAAN	**275,096,970**	**266,017,013**

Rajah 49 : Perincian Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus UniMAP

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UniMAP

Peruntukan pembangunan diterima UniMAP daripada Kerajaan bagi tahun 2022 berjumlah RM48.13 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM30.26 juta dengan peningkatan RM17.87 juta atau 59.05%.



Rajah 50 : Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan UniMAP

Prestasi perbelanjaan kumpulan wang pembangunan UniMAP untuk tahun 2022 secara keseluruhannya berjumlah RM45.89 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM43.17 juta dengan peningkatan RM2.72 juta atau 6.30%.



Rajah 51 : Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan UniMAP



PERBELANJAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UniMAP	2022 (RM)	2021 (RM)
Perkhidmatan dan Bekalan	6,486,134	6,390,779
Harta Modal	0	529,548
Pemberian Kenaan Tetap	1,506,474	1,459,186
Belanja Lain	37,894,051	34,794,592
JUMLAH PERBELANJAAN	**45,886,659**	**43,174,105**

Rajah 52 : Perincian Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan UniMAP

KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN UniMAP

Peruntukan penyelidikan diterima oleh UniMAP daripada Kerajaan dan industri bagi tahun 2022 berjumlah RM11.81 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM7.23 juta dengan peningkatan RM4.58 juta atau 63.38%.



Rajah 53 : Terimaan Kumpulan Wang Penyelidikan UniMAP

Prestasi perbelanjaan kumpulan wang penyelidikan UniMAP bagi tahun 2022 secara keseluruhannya berjumlah RM12.04 juta berbanding tahun 2021 berjumlah RM9.13 juta dengan peningkatan RM2.91 juta atau 31.87%.



Rajah 54 : Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan UniMAP



PERBELANJAAN KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN UniMAP	2022 (RM)	2021 (RM)
Emolumen	4,532,262	4,387,777
Perkhidmatan dan Bekalan	7,121,050	4,386,174
Harta Modal	63,758	53,233
Belanja Lain	320,389	305,698
JUMLAH PERBELANJAAN	**12,037,459**	**9,132,882**

Rajah 55: Perincian Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan UniMAP

RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UniMAP

DATA KEWANGAN	2022 (RM)	2021 (RM)	%
Aset Bukan Semasa	585,986,135	591,649,351	(0.96)
Aset Semasa	332,144,818	292,326,248	13.62
Liabiliti Semasa	34,813,493	37,743,025	(7.76)
Liabiliti Bukan Semasa	274,672,740	265,995,537	3.26
Aset Bersih	608,664,720	580,237,037	4.90
Penglibatan Modal	115,165,626	137,780,648	(16.41)
Rizab Tunai			
Simpanan Tetap / REPO / SIA	298,104,227	262,104,227	13.73
Wang di Tangan dan di Bank	9,145,096	6,528,709	40.08
	307,249,323	268,632,936	14.38
Nisbah Kewangan			
Aset Semasa / Liabiliti Semasa	9.54	7.75	
Aset Mudah Cair / Liabiliti Semasa	9.54	7.75	
Jumlah Hutang / Jumlah Aset	0.34	0.34	
Aset Bersih / Jumlah Liabiliti	1.97	1.91	
Aset Bersih / Aset Bukan Semasa	1.04	0.98	

16.2 PENYATA KEWANGAN UniMAP BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 56.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Pelembagaan Universiti Malaysia Perlis.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Perlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Pelembagaan Universiti Malaysia Perlis. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Perlis atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Perlis atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta* 30] serta Pelembagaan Universiti Malaysia Perlis, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Perlis berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Pelembagaan Universiti Malaysia Perlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 OKTOBER 2023

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Kami, **YM Raja Dato' Azwane Raja Ariff** dan **Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Universiti Malaysia Perlis**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar **Universiti Malaysia Perlis** dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Universiti Malaysia Perlis** dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah

YM RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF
Pengerusi

PROF. DATO' TS. DR. ZALIMAN SAULI
Ahli Lembaga Pengarah

Arau, Perlis

Tarikh : 23 MAY 2023

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Saya, **Rusdi Puteh**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Universiti Malaysia Perlis** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar **Universiti Malaysia Perlis** dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kangar, Perlis pada 23 MAY 2023

BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA
PERLIS

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
R031
MUHAMMAD 'AIZAT
BIN NOR AZMEY
01.02.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH
NO.10, TINGKAT ATAS,
JALAN IRA JAYA 3,
01000 KANGAR, PERLIS

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN
PADA 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022	2021
		RM	**RM**
			(dinyatakan semula)
ASET SEMASA			
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	3	**309,374,891**	272,810,146
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	4	**18,554,019**	16,842,419
Inventori	5	**16,704**	29,191
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	6	**3,834,119**	4,168,282
		331,779,733	293,850,038
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	9	**497,235,236**	515,985,154
Hartanah Pelaburan	10	**66,360,000**	66,010,975
Kerja Dalam Kemajuan	11	**83,001,963**	71,692,265
Aset Tak Ketara	12	**2,803,230**	1,903,244
Pelaburan dalam entiiti berkaitan		**300**	-
		649,400,729	655,591,638
JUMLAH ASET		**981,180,462**	949,441,676
LIABILITI SEMASA			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	13	**5,419,110**	5,065,165
Pelbagai Akaun Belum Bayar	14	**27,737,254**	31,800,173
Peruntukan Cukai		**-**	43,691,934 644,225
Pajakan Kewangan	15	**2,619,040**	2,261,720
Pinjaman Berjangka	16	**2,714,825**	2,646,352
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	**1,086,641**	1,274,299
		39,576,870	
Geran Tertunda	18	**142,806,509**	136,431,849
Cukai Tertunda	19	**157,697**	196,379
Pajakan Kewangan	15	**118,629,575**	121,248,619
Pinjaman Berjangka	16	**44,070,050**	46,784,875
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	**13,245,179**	8,335,107
		318,909,010	312,996,829
JUMLAH LIABILITI		**358,485,880**	356,688,763
ASET BERSIH		**622,694,582**	592,752,913

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN - sambungan
PADA 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022 RM	2021 RM (dinyatakan semula)
ASET BERSIH			
KUMPULAN WANG MENGURUS	20	**66,375,785**	46,051,799
KUMPULAN WANG MENGURUS TAMBAHAN			
-Projek ICT	21	**22**	22
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	22	**6,161,855**	5,719,600
KUMPULAN WANG AMANAH	23	**56,874,496**	54,881,100
KUMPULAN WANG PINJAMAN	24	**160,000**	160,000
KUMPULAN WANG KHAS	25	**39,246,996**	29,100,436
KUMPULAN WANG KONSULTANSI	26	**1,766,045**	1,838,038
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			
-(SPECIAL RESEARCH PROJECT)	27	**377**	377
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	28	**438,069,144**	442,485,665
KEUNTUNGAN TERTAHAN SYARIKAT			
SUBSIDIARI	29	**14,039,862**	12,515,876
		622,694,582	592,752,913
Kepentingan minoriti		**-**	-
JUMLAH EKUITI		**622,694,582**	592,752,913

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022 RM	2021 RM (dinyatakan semula)
ASET SEMASA			
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	3	**307,249,323**	268,632,936
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	4	**17,682,071**	15,742,276
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	6	**5,657,502**	6,104,903
Pendahuluan Kepada Entiti Dikawal	7	**1,555,922**	1,846,133
		332,144,818	292,326,248
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan Entiti Dikawal	8	**5,000,000**	5,000,000
Hartanah, Loji Dan Peralatan	9	**495,180,942**	513,053,842
Kerja Dalam Kemajuan	11	**83,001,963**	71,692,265
Aset Tak Ketara	12	**2,803,230**	1,903,244
		585,986,135	591,649,351
JUMLAH ASET		**918,130,953**	883,975,599
LIABILITI SEMASA			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	13	**4,182,464**	3,803,120
Pelbagai Akaun Belum Bayar	14	**26,936,858**	30,414,472
Pajakan Kewangan	15	**2,607,530**	2,251,134
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	**1,086,641**	1,274,299
		34,813,493	37,743,025
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Geran Tertunda	18	**142,806,509**	136,431,849
Pajakan Kewangan	15	**118,621,052**	121,228,581
Peruntukan Manfaat Pekerja	17	**13,245,179**	8,335,107
		274,672,740	265,995,537
JUMLAH LIABILITI		**309,486,233**	303,738,562
ASET BERSIH		**608,644,720**	580,237,037
ASET BERSIH			
KUMPULAN WANG MENGURUS	20	**66,365,785**	46,051,799
KUMPULAN WANG MENGURUS TAMBAHAN			
-Projek ICT	21	**22**	22
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	22	**6,161,855**	5,719,600
KUMPULAN WANG AMANAH	23	**56,874,496**	54,881,100
KUMPULAN WANG PINJAMAN	24	**160,000**	160,000
KUMPULAN WANG KHAS	25	**39,246,996**	29,100,436
KUMPULAN WANG KONSULTANSI	26	**1,766,045**	1,838,038
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			
-(SPECIAL RESEARCH PROJECT)	27	**377**	377
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	28	**438,069,144**	442,485,665
JUMLAH EKUITI		**608,644,720**	580,237,037

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022 RM	2021 RM (dinyatakan semula)
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	30	**339,458,754**	326,802,325
Urus Niaga Pertukaran	31	**49,168,804**	45,092,472
Pendapatan Operasi Lain	32	**1,945,533**	4,670,703
Keuntungan Daripada Peningkatan Nilai Semasa Hartanah		**349,025**	-
JUMLAH HASIL		**390,922,116**	376,565,500
PERBELANJAAN			
Emolumen	33	**176,594,618**	169,144,888
Perkhidmatan Dan Bekalan	34	**123,876,981**	103,312,856
Pembelian Harta Modal		**1,009,329**	3,302,358
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap		**8,548,506**	5,565,216
Kerugian Daripada Penurunan Nilai Semasa Hartanah Pelaburan		**-**	219,025
Kerugian Daripada Penilaian Semula Pinjaman Berjangka		**-**	533,898
Susutnilai		**24,260,648**	25,614,947
Peruntukan hutang ragu		**1,491,824**	2,789,178
Kos Kewangan		**20,908,712**	20,662,354
Lain-Lain Perbelanjaan	35	**3,552,011**	3,145,822
JUMLAH PERBELANJAAN		**360,242,629**	334,290,542
LEBIHAN DALAM TAHUN SEBELUM CUKAI		**30,679,487**	42,274,958
CUKAI	36	**(737,818)**	(988,775)
LEBIHAN DALAM TAHUN SELEPAS CUKAI		**29,941,669**	41,286,183
DIPEGANG OLEH:			
Pemilik Entiti		**29,941,669**	41,286,183

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022 RM	2021 RM (dinyatakan semula)
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	30	**339,519,774**	326,802,325
Urus Niaga Pertukaran	31	**45,829,163**	42,429,045
Pendapatan Operasi Lain	32	**1,911,751**	4,635,994
JUMLAH HASIL		**387,260,688**	373,867,364
PERBELANJAAN			
Emolumen	33	**175,847,908**	168,259,519
Perkhidmatan Dan Bekalan	34	**127,972,172**	108,122,248
Pembelian Harta Modal		**1,009,329**	3,302,358
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap		**8,548,506**	5,565,216
Susutnilai		**23,383,337**	24,614,334
Peruntukan hutang ragu		**1,501,824**	2,789,168
Kos Kewangan		**18,058,586**	18,366,270
Lain-lain Perbelanjaan	35	**2,531,343**	3,172,822
JUMLAH PERBELANJAAN		**358,853,005**	334,191,935
LEBIHAN DALAM TAHUN SEBELUM CUKAI		**28,407,683**	39,675,429
LEBIHAN DALAM TAHUN SELEPAS CUKAI		**28,407,683**	39,675,429
DIPEGANG OLEH:			
Pemilik Entiti		**28,407,683**	39,675,429

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Mengurus ICT	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Khas	Kumpulan Wang Konsultansi	Kumpulan Wang Pembangunan (SRP)	Kumpulan Wang Pembangunan	Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN											
Pada 1 Januari 2021	40,819,086	22	5,227,490	49,983,392	160,000	25,601,439	1,800,639	377	432,976,964	10,905,122	567,474,531
-pelarasan tahun-tahun lalu	270,240	-	200,555	(748,980)	-	-	-	-	(15,729,616)	4,934,266	(11,073,535)
seperti dinyatakan semula	**41,089,326**	**22**	**5,428,045**	**49,234,412**	**160,000**	**25,601,439**	**1,800,639**	**377**	**417,247,348**	**15,839,388**	**556,400,996**
Lebihan /(Kurangan) dalam tahun	6,085,991	-	(839,577)	5,646,688	-	3,417,447	126,563	-	25,238,317	1,610,754	41,286,183
Pindahan	(1,123,518)	-	1,131,132	-	-	81,550	(89,164)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2021	**46,051,799**	**22**	**5,719,600**	**54,881,100**	**160,000**	**29,100,436**	**1,838,038**	**377**	**442,485,665**	**17,450,142**	**597,687,179**
Pada 1 Januari 2022	46,051,799	22	5,719,600	54,881,100	160,000	29,100,436	1,838,038	377	442,485,665	17,450,142	597,687,179
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
seperti dinyatakan semula	46,051,799	22	5,719,600	54,881,100	160,000	29,100,436	1,838,038	377	442,485,665	17,450,142	597,687,179
Lebihan /(Kurangan) dalam tahun	21,735,722	-	(755,245)	2,247,402	-	9,585,871	20,454	-	(4,416,521)	1,523,986	29,941,669
Pindahan	(1,411,736)	-	1,197,500	(254,006)	-	560,689	(92,447)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	**66,375,785**	**22**	**6,161,855**	**56,874,496**	**160,000**	**39,246,996**	**1,766,045**	**377**	**438,069,144**	**18,974,128**	**627,628,848**

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH - sambungan
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Mengurus ICT RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Kumpulan Wang Khas RM	Kumpulan Wang Konsultansi RM	Kumpulan Wang Pembangunan (SRP) RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Jumlah RM
UNIVERSITI										
Pada 1 Januari 2021										
-seperti dinyatakan terdahulu	40,819,086	22	5,227,490	49,983,392	160,000	25,601,439	1,800,639	377	432,976,964	556,569,409
-pelarasan tahun-tahun lalu	270,240	-	200,555	(748,980)	-	-	-	-	(15,729,616)	(16,007,801)
seperti dinyatakan semula	**41,089,326**	**22**	**5,428,045**	**49,234,412**	**160,000**	**25,601,439**	**1,800,639**	**377**	**417,247,348**	**540,561,608**
Lebihan /(Kurangan) dalam tahun	6,085,991	-	(839,577)	5,646,688	-	3,417,447	126,563	-	25,238,317	39,675,429
Pindahan	(1,123,518)	-	1,131,132	-	-	81,550	(89,164)	-	-	-
Pada 31 Disember 2021	**46,051,799**	**22**	**5,719,600**	**54,881,100**	**160,000**	**29,100,436**	**1,838,038**	**377**	**442,485,665**	**580,237,037**
Pada 1 Januari 2022	**46,051,799**	**22**	**5,719,600**	**54,881,100**	**160,000**	**29,100,436**	**1,838,038**	**377**	**442,485,665**	**580,237,037**
Lebihan /(Kurangan) dalam tahun	21,725,722	-	(755,245)	2,247,402	-	9,585,871	20,454	-	(4,416,521)	28,407,683
Pindahan	(1,411,736)	-	1,197,500	(254,006)	-	560,689	(92,447)	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	**66,365,785**	**22**	**6,161,855**	**56,874,496**	**160,000**	**39,246,996**	**1,766,045**	**377**	**438,069,144**	**608,644,720**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022 RM	2021 RM (dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan Dalam Tahun Sebelum Cukai		**30,679,487**	42,274,958
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		**23,344,098**	24,597,343
Susutnilai Aset Tak Ketara		**916,551**	1,017,604
Peruntukan Hutang Ragu		**1,491,824**	2,789,178
Peruntukan Manfaat Pekerja		**5,352,189**	2,335,606
Belanja Faedah		**20,908,712**	20,662,354
Keuntungan Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan		**(25,110)**	(24,981)
Faedah Diterima		**(6,486,833)**	(5,906,937)
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		**(40,946,644)**	(72,158,720)
Pelunasan Geran Penyelidikan		**(10,536,917)**	(8,195,707)
(Peningkatan)/Penurunan Dalam Nilai Saksama Hartanah Pelaburan		**(349,025)**	219,025
Pelunasan Geran NBOS		**-**	(402,088)
Lebihan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		**24,348,332**	7,207,635
Pengurangan/(Pertambahan) Dalam Inventori		**12,487**	(29,191)
(Pertambahan) Akaun Belum Terima		**(2,869,261)**	(5,150,445)
(Pengurangan)/Pertambahan Akaun Belum Bayar		**(3,708,974)**	1,094,948
Tunai Diperolehi Dari Aktiviti Operasi		**17,782,584**	3,122,947
Faedah Dibayar		**(20,908,712)**	(20,662,354)
Cukai Dibayar		**(1,420,725)**	(715,117)
Manfaat Pekerja Dibayar		**(629,775)**	(396,613)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		**(5,176,628)**	(18,651,137)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah Loji Dan Peralatan		**(3,221,935)**	(20,638,514)
Terimaan Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		**30,791**	25,060
Pertambahan Kerja Dalam Kemajuan		**(12,687,564)**	(25,714,242)
Pembelian Aset Tak Ketara		**(1,816,597)**	(1,457,887)
Faedah Diterima		**6,486,833**	5,906,937
Peningkatan dalam pelaburan entiti berkaitan		**(300)**	-
Tunai Bersih (Digunakan Dalam) Aktiviti Pelaburan		**(11,208,772)**	(41,878,646)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran Pinjaman Berjangka		**(2,646,352)**	(1,132,703)
Pembayaran Pajakan Kewangan		**(2,261,724)**	(1,953,385)
Terimaan Geran Tertunda		**59,194,612**	37,392,298
Pelarasan Geran Tertunda		**(1,336,391)**	-
Geran Tertunda Dipindahkan		**-**	(56,632)
Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Pembiayaan		**52,950,145**	34,249,578
LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		**36,564,745**	(26,280,205)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		**272,810,146**	299,090,351
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	3	**309,374,891**	272,810,146

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	2022 RM	2021 RM (dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan Dalam Tahun Sebelum Cukai		**28,407,683**	39,675,429
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		**22,466,786**	23,596,730
Susutnilai Aset Tak Ketara		**916,551**	1,017,604
Peruntukan Hutang Ragu		**1,501,824**	2,789,168
Peruntukan Manfaat Pekerja		**5,352,189**	2,335,606
Belanja Faedah		**18,058,586**	18,366,270
Keuntungan Atas Pelupusan Hartanah Loji Dan Peralatan		**(25,110)**	(24,981)
Faedah Diterima		**(6,469,214)**	(5,906,937)
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		**(40,946,644)**	(72,158,720)
Pelunasan Geran Penyelidikan		**(10,536,917)**	(8,195,707)
Pelunasan Geran NBOS		**-**	(402,088)
Sumbangan aset hadiah		**111,272**	-
Lebihan Sebelum Perubahan Modal Kerja		**18,837,006**	1,092,374
(Pertambahan) Akaun Belum Terima		**(2,994,218)**	(4,826,830)
Pengurangan Pendahuluan Kepada Entiti Dikawal		**290,211**	301,958
(Pengurangan)/Pertambahan Akaun Belum Bayar		**(3,098,270)**	530,906
Tunai Bersih Diperolehi Dari/(Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi		**13,034,729**	(2,901,592)
Faedah Dibayar		**(18,058,586)**	(18,366,270)
Pembayaran manfaat pekerja		**(629,775)**	(396,613)
Tunai Bersih (Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi		**(5,653,632)**	(21,664,475)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah Loji Dan Peralatan		**(3,327,407)**	(20,631,293)
Terimaan Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		**25,285**	25,060
Pertambahan Kerja Dalam Kemajuan		**(12,687,564)**	(25,714,242)
Pembelian Aset Tak Ketara		**(1,816,597)**	(1,457,887)
Faedah Diterima		**6,469,214**	5,906,937
Tunai Bersih (Digunakan Dalam) Aktiviti Pelaburan		**(11,337,069)**	(41,871,425)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Bayaran Pajakan Kewangan		**(2,251,133)**	(1,973,449)
Terimaan Geran Tertunda		**59,194,612**	37,392,298
Pelarasan Geran Tertunda		**(1,336,391)**	-
Geran Tertunda Dipindahkan		**-**	(56,632)
Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Pembiayaan		**55,607,088**	35,362,217
LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		**38,616,387**	(28,173,683)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		**268,632,936**	296,806,619
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	3	**307,249,323**	268,632,936

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Jumlah Bajet		Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding	Perbezaan : Bajet Akhir Dengan Sebenar
	Amaun Bajet Asal	Amaun bajet Akhir		
	RM	RM	RM	RM
PENERIMAAN				
Geran Mengurus Kerajaan	246,504,000	246,504,000	246,504,000	-
Geran Tambahan Kerajaan	10,000,000	16,948,800	16,948,800	-
Yuran Pengajian	21,000,000	21,500,000	19,956,305	1,543,695
Faedah	6,000,000	6,500,000	6,420,788	79,212
Sewaan, Jualan Barangan & Perkhidmatan Serta Denda & Hukuman	1,200,000	1,300,000	1,129,202	170,798
Lain-lain Perkhidmatan	11,800,000	3,800,000	5,830,225	(2,030,225)
	296,504,000	**296,552,800**	**296,789,320**	**(236,520)**
PEMBAYARAN				
Emolumen				
Gaji dan Upahan	120,198,100	117,299,766	117,299,766	-
Elaun-Elaun Tetap	31,057,800	31,247,323	31,247,323	-
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	19,119,500	20,271,579	20,271,579	-
Elaun Lebih Masa Kakitangan	-	320,255	320,255	-
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	495,300	1,414,095	1,414,095	-
	170,870,700	170,553,018	170,553,018	-
Perkhidmatan dan Bekalan				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	-	1,005,239	1,005,239	-
Perhubungan dan utiliti	18,476,000	14,700,938	14,700,938	-
Sewaan	25,000,000	25,588,560	25,588,560	-
bahan-Bahan Makanan dan Minuman	-	66,586	66,586	-
Bekalan Bahan Mentah untuk Penyelenggaraan	-	280,822	280,822	-
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	-	1,377,894	1,377,894	-
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	12,198,400	11,629,753	11,629,753	-
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	19,958,900	32,010,159	32,010,159	-
	75,633,300	86,659,951	86,659,951	-
Pembelian Harta Modal				
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	-	5,000	5,000	-
Harta Modal Lain	-	2,305,498	2,305,498	-
	-	2,310,498	2,310,498	-
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap				
Biasiswa dan Aktiviti Pelajar	-	460,025	460,025	-
Pemberian Dalam Negeri	-	523,516	523,516	-
Ganjaran	-	428,550	428,550	-
	-	1,412,091	1,412,091	-
Lain-Lain Perbelanjaan				
Pulang balik dan hapuskira	-	-	-	-
Bayaran-Bayaran Lain	-	2,517,242	2,517,242	-
	-	2,517,242	2,517,242	-
JUMLAH	**246,504,000**	**263,452,800**	**263,452,800**	**-**

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

1. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

2. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui surat bil. KPT.400-2/1/26 (36) bertarikh 21 Disember 2021. Walau bagaimanapun, UniMAP telah menerima surat berkaitan Penyesuaian Bajet Mengurus UniMAP bagi Tahun 2022 melalui surat bil. KPT.400-2/1/26(52) bertarikh 15 September 2022 dengan sekatan sebanyak RM32,624,000. Pada 23 Disember 2022 pula, UniMAP telah menerima makluman berkaitan Penyaluran Pelepasan Sekatan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022 kepada UniMAP berjumlah RM32,624,000 di mana UniMAP telah menerima penyaluran di dalam akaun UniMAP pada 30 Disember 2022. Bajet akhir adalah selepas mengambilkira sekatan dan pelepasan waran tersebut serta peruntukan tambahan yang diterima daripada pihak KPT termasuk untuk menampung ketidakcukupan mengurus selepas sekatan dikenakan. Jumlah peruntukan tambahan adalah sebanyak RM16,948,800 untuk emolumen staf kontrak (EKK), pelarasan emolumen & kenaikan pangkat staf tetap (PEKP), tambahan bagi Projek berskala kecil naik taraf bangunan mesra OKU, membaikpulih infrastruktur dan peralatan usang serta tambahan bagi menampung sekatan waran tahun 2022 termasuk pembaikan akibat ribut. Peruntukan tambahan/khas yang telah diluluskan melalui kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi yang diakaunkan pada 11 Feb, 13 Jun & 16 Dis, 29 Jun, 31 Okt dan 16 Dis 2022.

1. MAKLUMAT AM

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Universiti Malaysia Perlis (Universiti) merupakan sebuah universiti yang telah di bawah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pada 25 Julai 2001 . Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan bertujuan bagi melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara, selain memberi alternatif bagi pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis memandangkan pendekatannya yang menginterasikan gunaan dan kemahiran.

Kegiatan utama entiti dikawal adalah seperti dinyatakan di dalam Nota 8 kepada Penyata Kewangan.

Alamat ibu pejabat/Kampus Induk Universiti adalah di Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Perlis, Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin , Kampus Alam UniMAP , Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis.

1.2 Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti berdasarkan ketetapan peruntukan di dalam Perintah Tetap Lembaga Pengarah Universiti pada 23.05.2023

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan tahun kedua yang disediakan menggunakan MPSAS. MPSAS 33 telah membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun. Semasa tempoh peralihan kepada MPSAS berasaskan akruan, Kumpulan dan Universiti telah mengambil peluang menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan seperti yang didedahkan dalam Nota 2.29 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, Kumpulan dan Universiti tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan kepada piawai MPSAS berasaskan akruan dalam penyediaan Penyata Kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini.

2.1.2 Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting.

2.1.3 Mata Wang Fungsian Dan Pembentangan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti dilaporkan dalam mata wang fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan dan Universiti beroperasi. Semua maklumat kewangan dinyatakan dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan - sambungan

2.1.4 Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan, dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan, anggaran dan andaian ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, perkara tersebut telah didedahkan dalam Nota 2.28 kepada Penyata Kewangan.

2.1.5 Asas Penyatuan

Entiti dikawal disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilan, hasil-hasil subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan diambil kira dalam Penyata Kewangan Kumpulan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh Universiti berhenti mengawalnya.

Penggabungan perniagaan diakaunkan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos penggabungan perniagaan perniagaan diukur pada agregat nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, ke atas jumlah aset diambilalih, liabiliti yang ditanggung atau diandaikan dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan sebagai pertukaran kawalan entiti dikawal yang diambilalih. Kos langsung yang dibelanjakan yang berkait dengan penggabungan dipermodalkan ke dalam kos penggabungan.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan mengiktiraf secara berasingan daripada muhibah, aset diambilalih yang boleh dikenal pasti; termasuk aset tidak ketara yang boleh dikenal pasti, liabiliti diandaikan; termasuk liabiliti kontingensi, dan sebarang kepentingan kawalan di dalam subsidiari. Aset diambilalih dan liabiliti diandaikan yang boleh dikenal pasti diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilaihan, kecuali selain yang dibenarkan atau dikehendaki untuk diukur pada asas lain oleh MPERS. Kepentingan bukan kawalan pada tarikh pengambilalihan diukur pada perkongsian aset bersih, tidak termasuk muhibah. Kos penggabungan dibandingkan dengan bahagian aset bersih diambilalih untuk menentukan jumlah permulaan muhibah atas penggabungan.

Semua transaksi dan baki sesama Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapus kira di dalam Penyata Kewangan disatukan.

Penyata kewangan anak syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS). Oleh demikian, pelarasan telah dilakukan bagi menyelaraskan penyediaan Penyata Kewangan bagi Kumpulan kepada MPSAS.

Penyata Kewangan Kumpulan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urus niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama. Penyata Kewangan Kumpulan adalah merangkumi Penyata Kewangan Universiti dan entiti yang dikawal.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan - sambungan

2.1.6 Perubahan Dalam Dasar Perakaunan

Kumpulan dan Universiti telah mengguna pakai semua piawaian yang telah berkuat kuasa. Semua perubahan di dalam dasar perakaunan disebabkan oleh penggunaan piawaian baru didedahkan di dalam Nota 2.29 kepada Penyata Kewangan.

2.1.7 Piawaian Yang Telah Dikeluarkan Tetapi Belum Berkuatkuasa.

Tiada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa dan diguna pakai awal oleh Kumpulan dan Universiti di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini.

2.2 Pelaburan Entiti Dikawal

Entiti dikawal merupakan entiti di mana Universiti mempunyai kawalan ke atasnya. Kawalan wujud apabila universiti mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya. Universiti juga mempunyai wakil di dalam lembaga pengarah entiti dikawal dan mempunyai pengaruh ke atas pengurusannya.

Pelaburan Dalam Entiti Dikawal diukur di dalam Penyata Kewangan Universiti pada nilai kos dan ditolak kerugian rosot nilai sekiranya ada.

Nilai bawaan akan disemak dan diselaraskan sekiranya terdapat petunjuk penurunan nilai pada tahun berkenaan. Kerugian kemerosotan nilai akan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf pelaburan entiti dikawal adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan entiti dikawal.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Pengiktirafan dan pengukuran

Aset diiktiraf sebagai Hartanah Loji dan Peralatan apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak kawalan ke atas aset tersebut. Ini termasuk aset yang dibina dan diperolehi yang boleh diukur kosnya. Aset-aset tersebut, termasuk alat ganti utama, peralatan sedia ganti dan peralatan servis, dikelaskan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada sifatnya. Kos kenderaan adalah termasuk aksesori, pendaftaran, cukai jalan tahun pertama dan lain-lain kos yang berkaitan semasa perolehan. Kos sesebuah aset hanya akan diiktiraf sebagai Hartanah Loji dan Peralatan apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir daripadanya kepada Kumpulan dan Universiti daripadanya dan kos item tersebut dapat diukur dengan tepat dan bernilai melebihi RM3,000 setiap satu. Perbelanjaan ke atas bangunan milik Universiti hanya akan diiktiraf sebagai Hartanah Loji dan Peralatan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir daripadanya kepada Universiti daripadanya dan kos item tersebut dapat diukur dengan tepat dan bernilai melebihi RM100,000 bagi kerja berkaitan pengubahsuaian, pembaikan atau penyelenggaraan bangunan.

Bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran, kos aset yang diiktiraf adalah termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan termasuk peruntukan pemasangan semula dan pemeriksaan semula. Bagi aset yang bernilai di bawah daripada RM3,000 dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan. Bagi perbelanjaan ke atas bangunan milik Universiti dengan kos di bawah RM100,000 bagi kerja ubahsuai, pembaikan atau penyelenggaraan bangunan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan - sambungan

2.3.1 Pengiktirafan dan pengukuran - sambungan

Bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, pengiktirafan awal diukur berdasarkan nilai saksama yang boleh diukur pada tarikh perolehan. Sekiranya aset tersebut diperolehi tanpa sebarang kos atau balasan nominal, nilai saksama aset tersebut kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, ianya akan diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai dibawa atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang atau potensi perkhidmatan kepada Kumpulan dan Universiti dan kos tersebut dapat diukur secara pasti dan melebihi RM3,000 setiap satu. Semua perbelanjaan baik pulih, dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil jualan bersih dan nilai dibawa bagi Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut dan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh aset tersebut dilupuskan.

Selepas pengiktirafan awal, Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada.

2.3.2 Susutnilai

Semua aset Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

	Kadar susutnilai %
Tanah pajakan	mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2%
Kemudahan infrastruktur	20%
Kenderaan	20%
Alatan	20%
Perabot dan Kelengkapan	20%
Ubahsuai	20%

Aset pajakan disusutnilaikan berdasarkan tempoh pajakan dan usia penggunaannya mana yang lebih awal melainkan Kumpulan dan Universiti mendapat pengesahan pemilikan aset berkenaan.

Susutnilai aset yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Mengurus dicajikan kepada Kumpulan Wang tersebut manakala susutnilai bagi aset yang dibiayai oleh Kumpulan Wang yang lain dicajikan kepada Kumpulan Wang yang berkenaan.

Tanah milik bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had dan Kerja Dalam Kemajuan tidak disusutnilai.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan - sambungan

2.3.2 Susutnilai - sambungan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai sisa dan usia penggunaan aset akan disemak jika terdapat perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut, dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian. Nilai dibawa aset akan dikaji semula jika terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset telah merosot. Hartanah, Loji dan Peralatan akan dinyatakan pada nilai pulih semula kurang daripada nilai dibawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

2.4 Hartanah Pelaburan

Aset diiktiraf sebagai Hartanah Pelaburan apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak kawalan ke atas aset tersebut. Kos sesebuah aset hanya akan diiktiraf sebagai Hartanah Pelaburan apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir daripadanya kepada Kumpulan dan Universiti. Aset Hartanah Pelaburan merupakan aset yang dipegang samada untuk mendapatkan hasil sewaan, peningkatan modal atau kedua-duanya sekali. Aset tersebut juga tidak digunakan di dalam penghasilan atau pembekalan barangan dan perkhidmatan, pentadbiran atau peruncitan Kumpulan dan Universiti. Bagi aset yang disewa dengan tujuan perkhidmatan sosial dan caj sewaan yang dikenakan adalah di bawah kadar pasaran, aset tersebut tidak akan diiktiraf sebagai Hartanah Pelaburan dan sebaliknya diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Manakala jika suatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan sebagai Pajakan Kewangan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri itu adalah tidak signifikan.

Bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran, kos aset yang diiktiraf adalah termasuk kos urus niaga.

Bagi aset yang diperolehi melalui melalui urus niaga bukan pertukaran, pengiktirafan awal diukur berdasarkan nilai saksama yang boleh diukur pada tarikh perolehan. Sekiranya aset tersebut diperolehi tanpa sebarang kos atau balasan nominal, nilai saksama aset tersebut kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, ianya akan diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Selepas pengiktirafan awal, Hartanah Pelaburan diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, hanya jika nilai saksama aset Hartanah Pelaburan tersebut boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Sebarang perubahan dalam nilai saksama diiktiraf ke dalam Penyata Prestasi Kewangan mengikut tempoh perubahan nilai saksama tersebut berlaku. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama aset Hartanah Pelaburan tidak lagi boleh diperolehi dengan asas yang berterusan, ia akan diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan pada nilai kos menggunakan amaun bawaannya.

Pindahan daripada / kepada Hartanah Pelaburan hanya dibuat sekiranya berlaku perubahan dalam kegunaan hartanah tersebut berdasarkan kriteria yang dinyatakan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil jualan bersih dan nilai dibawa bagi Hartanah Pelaburan tersebut dan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh aset tersebut dilupuskan.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.5 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan meliputi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan, Hartanah Pelaburan, serta Aset Tak Ketara dalam perlaksanaan yang belum disempurnakan sehingga tarikh pelaporan Penyata Kewangan. Jumlah yang diambil kira merupakan kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan. Kos-kos di dalam Kerja Dalam Kemajuan yang telah siap dan disempurnakan akan dipermodalkan masing-masing sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, Hartanah Pelaburan dan Aset Tak Ketara atau dibelanjakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dan dilunaskan.

2.6 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara merupakan aset yang terdiri daripada lesen dan perisian yang diperolehi Kumpulan dan Universiti yang diiktiraf sebagai Aset Tak Ketara diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak kawalan ke atas aset tersebut dan terdapat kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir daripadanya kepada Kumpulan dan Universiti dan kos aset tersebut dapat diukur dengan tepat dan atau nilai saksama aset boleh diukur dengan tepat dan bernilai melebihi RM50,000 setiap satu. Bagi perisian yang diperolehi secara berpakej bersama aset ketara, aset ketara tersebut akan diiktiraf sebagai Hartanah, Loji, Dan Peralatan secara berasingan daripadanya.

Bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga pertukaran, kos aset yang diiktiraf adalah semua kos langsung yang terlibat untuk membolehkannya digunakan dalam cara yang dikehendaki pihak pengurusan. Bagi aset yang dibangunkan sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembangunan.

Bagi aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, pengiktirafan awal diukur berdasarkan nilai saksama yang boleh diukur pada tarikh perolehan. Sekiranya aset tersebut diperolehi tanpa sebarang kos atau balasan nominal, nilai saksama aset tersebut kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, ianya akan diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Selepas pengiktirafan awal, Aset Tak Ketara dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul jika ada.

Suatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan.

Semua aset Aset Tak Ketara yang mempunyai jangkaan hayat akan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar 20%.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bagi Aset Tak Ketara tersebut dan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh aset tersebut dilupuskan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai sisa aset dan usia penggunaan aset akan disemak jika terdapat perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut, dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian. Nilai dibawa aset akan dikaji semula jika terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset telah merosot. Aset Tak Ketara akan dinyatakan pada nilai pulih semula kurang daripada nilai dibawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.7 Inventori

Inventori diiktiraf sekiranya terdapat kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada Kumpulan dan aset mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan boleh percaya. Sekiranya Inventori diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos inventori tersebut adalah nilai saksamanya pada tarikh perolehan.

Selepas pengiktirafan awal, Inventori diukur pada kos dan nilai boleh direalisasi, mana yang lebih rendah, kecuali Inventori yang dipegang untuk agihan atau kegunaan dalam proses pengeluaran barang-barang bagi tujuan edaran secara percuma (tiada caj) atau pada kadar caj nominal. Dalam hal ini, Kumpulan mengukur Inventori pada kos dan kos penggantian kini, mana yang lebih rendah. Inventori akan diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan apabila digunakan dalam perjalanan operasi biasa Universiti. Tiada definasi pasti untuk nilai realisasi bersih atau kos penggantian semasa.

2.8 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Aset Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbit Aset Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori Aset Kewangan iaitu Aset Kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan Aset Kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan Aset Kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan dan Universiti membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.1 Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah Aset Kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan tersebut kemudiannya diukur pada nilai kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Pinjaman dan Belum Terima diklasifikasikan sebagai aset semasa kecuali Pinjaman dan Belum Terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

2.8.2 Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan

Bagi mana-mana derivatif terbenam yang tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.8 Aset Kewangan - sambungan

2.8.3 Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah Aset Kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori Aset Kewangan lain. Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan sedia dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama Aset Kewangan tersebut diiktiraf melalui Penyata Aset Bersih, kecuali kerugian rosot nilai, kerugian dan keuntungan pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai.

2.8.4 Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset Kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Kumpulan dan Universiti akan menyahiktiraf Aset Kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada Aset Kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan Aset Kewangan apabila:

(a) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;

(b) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan sama ada: (i) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau (ii) Kumpulan dan Universiti tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan. Bagi Aset Kewangan sedia untuk dijual, semua keuntungan atau kerugian yang diiktiraf sebelum ini di dalam Penyata Aset Bersih akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.9 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuklah: (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; (ii) pembayaran tertunggak; (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai.

Bagi kategori Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif yang ketara wujud bagi individu maka semua aset Kumpulan dan Universiti yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.9 Rosot Nilai Aset Kewangan - sambungan

Kerugian rosot nilai berhubung dengan Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

Bagi Aset Kewangan sedia untuk dijual, Kumpulan dan Universiti pada setiap tarikh laporan akan mengkaji sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas. Bukti objektif termasuk penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. 'Ketara' akan dinilai berdasarkan kepada kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' pula dinilai berdasarkan tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Di mana terdapat bukti kemerosotan nilai, kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos pembelian dan nilai saksama semasa, ditolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dan dikeluarkan dari Penyata Aset Bersih dan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.11.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan Universiti mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan aliran tunai masa hadapan akan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan - sambungan

2.11.2 Aset Bukan Penjanaan Tunai

Kumpulan dan Universiti akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan dan Universiti akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di dalam pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Lembaga Pengarah menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan dan Universiti menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.12 Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Liabiliti Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan Liabiliti Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori Liabiliti Kewangan iaitu Liabiliti Kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan dan Universiti mempunyai kategori Liabiliti Kewangan seperti berikut:

(a) Pinjaman dan Belum bayar

Selepas pengiktirafan awal, Pinjaman dan Belum Bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.12 Liabiliti Kewangan - sambungan

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa Liabiliti Kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan munasabah. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai mata wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk dijelaskan kewajipan tersebut.

2.14 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan Universiti menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai Pajakan Kewangan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui Pajakan Kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai kini pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pelan pajakan.

2.15 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai Pajakan Operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajikan ke Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.16 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.16.1 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap suatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun dibawa liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun dibawa liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.16 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan - sambungan

2.16.1 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran - sambungan

(ii) Sumbangan

Sumbangan yang diterima daripada agensi kerajaan, agensi luar, syarikat dan individu yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu akan diiktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila hak menerimanya dapat dipastikan.

(iii) Denda dan Penalti

Denda dan Penalti merupakan bayaran denda, penalti dan termasuk tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian yang dikenakan kerana peraturan atau kegagalan memenuhi liabiliti kontrak. Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

(iv) Lain-lain Terimaan

Terimaan bukan tunai yang diperoleh dengan pertimbangan sifar atau nominal, nilai saksama bagi aset yang diterima tersebut hendaklah diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.16.2 Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada urus niaga pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Yuran Pelajar

Yuran pelajar melibatkan semua terimaan berkenaan yuran yang dikenakan kepada pelajar oleh Universiti termasuk yuran akademik, yuran penginapan dan lain-lain yuran pelajar.

(ii) Perolehan Dari Jualan Barang dan Perkhidmatan

Hasil daripada Jualan Barang dan Perkhidmatan diiktiraf apabila pemilikan risiko dan ganjaran telah dipindahkan kepada pembeli, hasil boleh diukur dengan boleh-percaya dan kebarangkalian untuk manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang bersekutu dengan urus niaga akan mengalir ke Kumpulan dan Universiti.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas aset Kumpulan dan Universiti adalah mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada faedah dan pelaburan diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan. Kadar faedah berkesan adalah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun dibawa aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan hasil faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

(v) Dividen

Hasil daripada dividen diiktiraf apabila hak penerimaan telah dapat dipastikan.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.17 Manfaat Pekerja

Liabiliti akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar sekiranya Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan tanggungan sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungan tersebut boleh diukur secara saksama.

2.17.1 Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Gaji dan upahan, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan Universiti.

2.17.2 Pelan Caruman Tetap

Kumpulan dan Universiti juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang tidak memilih Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja kecuali bagi caruman imbuhan tahunan diiktiraf pada tahun ia diterima.

2.17.3 Manfaat Pasca Perkhidmatan

Obligasi Kumpulan dan Universiti berkenaan dengan Manfaat Pasca Pekerjaan dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar amaun manfaat masa hadapan yang diperoleh oleh pekerja sebagai balasan kepada perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu, manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kininya.

Sebarang kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf dan nilai kini pelan aset perlu ditolak. Kadar diskaun adalah kadar faedah pembiayaan kerajaan pada tarikh pelaporan. Apabila keputusan pengiraan menguntungkan Kumpulan dan Universiti, aset yang diiktiraf dihadkan kepada jumlah kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf, dan nilai kini manfaat ekonomi yang boleh didapati dalam bentuk pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman kepada pelan di masa hadapan.

Bagi mengira nilai kini manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang terpakai kepada mana-mana pelan dalam Kumpulan dan Universiti. Manfaat ekonomi adalah tersedia kepada Kumpulan dan Universiti jika ia boleh direalisasikan dalam tempoh hayat pelan tersebut, atau pada masa penyelesaian pelan liabiliti. Semua perubahan dalam liabiliti, termasuk untung atau rugi aktuari, diiktiraf sepenuhnya dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia berlaku.

2.18 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.18.1 Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti Luar Jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul daripada peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan penuh Kumpulan dan Universiti juga didedahkan sebagai Liabiliti Luar Jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.18.2 Aset Luar Jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Kumpulan dan Universiti. Kumpulan dan Universiti tidak mengiktiraf Aset Luar Jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya dimana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.19 Pertukaran Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada awalnya ditukarkan pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga. Untung dan rugi daripada urus niaga tersebut dan juga daripada terjemahan bagi Aset dan Liabiliti Kewangan yang dinyatakan dalam mata wang asing menggunakan kadar tukaran asing akhir tahun hendaklah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.20 Kos Pinjaman

Kos Pinjaman terdiri daripada faedah yang ditanggung oleh Kumpulan dan Universiti berhubung dengan dana yang dipinjam, dan diakru menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kadar faedah berkesan mendiskaun dengan tepat anggaran bayaran tunai masa hadapan melalui jangka hayat liabiliti kewangan kepada amaun bawaan bersih liabiliti tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan kos pinjaman bagi setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Kos Pinjaman diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh ia tertanggung.

2.21 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka suatu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dilaporkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.22 Pihak Berkaitan

Universiti menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Universiti, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Lembaga Gabenor dan pengurusan tertinggi Universiti.

2.23 Kontra Instrumen Kewangan

Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.24 Nilai Saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk Aset Bukan Kewangan, pengukuran nilai saksama mengambilkira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan dan Universiti menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa;
Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak; dan
Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.25 Pelaburan Dalam Entiti Dikawal Bersama

Pelaburan dalam entiti dikawal bersama adalah syarikat di mana Kumpulan dan Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 peratus hingga 50 peratus dalam modal ekuiti dan di mana Kumpulan dan Universiti mempunyai pengaruh penting, termasuk perwakilan dalam Lembaga Pengarah, ke atas dasar kewangan dan kendalian syarikat itu.

Pelaburan dalam entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos. Sekiranya wujud tanda-tanda kemerosotan pada nilai pelaburan, nilai dibawa entiti dikawal bersama akan dinilai dan dinyatakan pada nilai dijangka dapat diperolehi.

2.26 Cukai

Tiada peruntukan telah dibuat bagi cukai pendapatan Universiti kerana Universiti telah mandapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967. Manakala Kumpulan adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Perbelanjaan cukai entiti dikawal diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar.

Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan Aset Cukai Semasa diimbangi hanya apabila pelaburan entiti dikawal mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi Aset dan Liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa hadapan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara syarikat subsidiari menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA - sambungan

2.27 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal dan ketidakpastian dalam sumber utama anggaran yang digunakan ketika menyediakan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang dilaporkan selain yang dinyatakan di bawah:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Kumpulan dan Universiti menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang buktif objektif bahawa Aset Kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan dan Universiti menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Pengukuran Peruntukan

Kumpulan dan Universiti sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur suatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan suatu peruntukan.

2.28 Kesan Pemakaian MPSAS

2.28.1 Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan di dalam tempoh peralihan tahun kedua menggunakan MPSAS. Oleh itu, Kumpulan dan Universiti telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Penilaian Semula Hartanah Sebagai Kos Anggapan (*Deemed Cost*)

Pihak Universiti telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah yang tidak mempunyai maklumat kos yang boleh dipercayai dan diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian.

(ii) Aset dan Liabiliti Kewangan Yang Telah Dinyahiktiraf

Universiti tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPERS. Jika suatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Universiti memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	Kumpulan		Universiti	
	2022	2021	**2022**	2021
	RM	RM	**RM**	RM
Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen	**258,212,008**	257,259,962	**258,104,227**	257,104,227
Perjanjian belian balik (REPO)	**40,000,000**	-	**40,000,000**	-
Akaun pelaburan khas (SIA)	**-**	5,000,000	**-**	5,000,000
Wang di Bank	**11,107,425**	10,482,505	**9,101,646**	6,465,673
Wang di Tangan	**55,458**	67,679	**43,450**	63,036
	309,374,891	272,810,146	**307,249,323**	268,632,936

Kadar keuntungan efektif bagi simpanan jangka pendek adalah pada kadar antara 2.3% hingga 4.05% setahun (2021: 1.7% hingga 2.25% setahun) dengan tempoh matang adalah dari 3 sehingga 12 bulan.

Kadar keuntungan efektif bagi simpanan jangka pendek adalah pada kadar antara 2.2% hingga 3.35% setahun (2021: 1.6% hingga 2.00% setahun) dengan tempoh matang adalah kurang dari 3 bulan.

4. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	Kumpulan		Universiti	
	2022	2021	**2022**	2021
	RM	RM (dinyatakan Semula)	**RM**	RM (dinyatakan Semula)
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Aset Semasa):				
Belum Terima Pelajar	**10,411,291**	12,015,275	**10,411,291**	12,015,275
Belum Terima Perniagaan	**2,349,579**	830,520	**748,342**	830,520
Belum Terima Mungkir Janji	**10,132,075**	5,939,231	**10,132,075**	5,939,231
Faedah Terakru Pelaburan	**1,289,916**	797,288	**1,289,916**	797,288
Penghutang Subsidiari	**-**	1,827,987	**-**	-
	24,182,861	21,410,301	**22,581,624**	19,582,314
(-) Elaun Rosot Nilai	**(5,628,842)**	(4,567,882)	**(4,899,553)**	(3,840,038)
	18,554,019	16,842,419	**17,682,071**	15,742,276

Elaun Rosot Nilai Urus Niaga Pertukaran Belum Terima dianalisa seperti berikut:

	Kumpulan		Universiti	
	2022	2021	**2022**	2021
	RM	RM (dinyatakan Semula)	**RM**	RM (dinyatakan Semula)
Aset Semasa	**5,628,842**	4,567,882	**4,899,553**	3,840,038
Aset Bukan Semasa	**-**	-	**-**	-
	5,628,842	4,567,882	**4,899,553**	3,840,038

Peruntukan hutang ragu dibuat ke atas pelajar-pelajar yang berstatus berhenti, meninggal dunia, gagal dan diberhentikan, bergraduat, tamat tanpa ijazah dan diberhentikan sahaja. Manakala bagi pelajar yang berstatus aktif dan tangguh, peruntukan hutang ragu akan dibuat bagi hutang yang melebihi tempoh satu tahun. Peruntukan hutang ragu tidak dibuat ke atas hutang pelajar yang berstatus aktif dan tangguh yang tidak melebihi tempoh satu tahun kerana dianggap masih boleh dikutip dan pelajar tersebut masih terikat dengan peraturan-peraturan akademik dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

4. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA - sambungan

Analisa pengumuran Urus Niaga Pertukaran Belum Terima adalah seperi berikut:

	Kumpulan		Universiti	
	2022	2021	**2022**	2021
	RM	RM (dinyatakan Semula)	**RM**	RM (dinyatakan Semula)
Tidak Melebihi 1 tahun	**13,544,833**	10,124,243	**11,943,596**	9,559,328
Melebihi 2 hingga 3 tahun	**5,351,218**	5,521,471	**5,351,218**	4,258,399
Melebihi 3 hingga 5 tahun	**3,668,423**	3,183,077	**3,668,423**	3,183,077
Melebihi 5 tahun	**1,618,387**	2,581,510	**1,618,387**	2,581,510
	24,182,861	21,410,301	**22,581,624**	19,582,314
(-) Elaun Rosot Nilai	**(5,628,842)**	(4,567,882)	**(4,899,553)**	(3,840,038)
	18,554,019	16,842,419	**17,682,071**	15,742,276

5. INVENTORI

	Kumpulan	
	2022	2021
	RM	RM
Terdiri daripada:		
Barangniaga	**16,704**	29,191

6. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA DAN DEPOSIT

	Kumpulan		Universiti	
	2022	2021	**2022**	2021
	RM	RM (dinyatakan Semula)	**RM**	RM (dinyatakan Semula)
Belum Terima Pelbagai	**688,777**	904,093	**563,581**	726,508
Wang Cagaran Dan Prabayar	**3,413,890**	3,448,952	**5,362,469**	5,563,158
	4,102,667	4,353,045	**5,926,050**	6,289,666
(-) Elaun Rosot Nilai	**(268,548)**	(184,763)	**(268,548)**	(184,763)
	3,834,119	4,168,282	**5,657,502**	6,104,903

6. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA DAN DEPOSIT - sambungan

Penyesuaian akaun Elaun Rosot Nilai Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Universiti	
	2022	2021	**2022**	2021
	RM	RM (dinyatakan Semula)	**RM**	RM (dinyatakan Semula)
Baki pada 1 Januari	**184,763**	228,595	**184,763**	228,595
Tambahan dalam tahun	**1,511,333**	18,862	**1,511,333**	18,862
Hapuskira dalam tahun	**(72,913)**	(62,694)	**(72,913)**	(62,694)
Baki pada 31 Disember	**1,623,183**	184,763	**1,623,183**	184,763

7. PENDAHULUAN KEPADA ENTITI DIKAWAL

	Universiti	
	2022	2021
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari	**1,846,133**	2,148,091
Campur:Pemberian di dalam tahun	**55,630**	-
(Tolak):Bayaran diterima	**(335,841)**	(301,958)
	1,565,922	1,846,133
(-) Elaun Rosot Nilai	**(10,000)**	-
Baki pada 31 Disember	**1,555,922**	1,846,133

8. PELABURAN ENTITI DIKAWAL

	Universiti	
	2022	2021
	RM	RM
Tak Tersiarharga, Pada Kos	5,000,000	5,000,000

Perincian entiti dikawal, yang kesemuanya ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia, adalah seperti berikut:

Nama Entiti	Kepentingan Pemilikan Berkesan dan Undian		Aktiviti Perniagaan Utama
	2022	**2021**	
	%	**%**	
Langsung:			
UNIMAP Holdings Sdn Bhd	100	100	Memberi perkhidmatan perundingan dan penjualan barangan yang berkaitan pembelajaran dan penyelidikan serta penyediaan penginapan
Tidak Langsung:			
Syarikat Subsidiari UNIMAP Holdings Sdn Bhd			
UniMAP Green Tech Sdn Bhd	100	100	Memberi khidmat seminar, latihan dan perundingan.
Technopreneur UniMAP Sdn. Bhd.	100	100	Perkhidmatan perundingan
Goldengreen Construction (Terdahulu dikenali sebagai Unimapcare Clinic Sdn. Bhd.)	100	100	Tidak menjalankan perniagaan
Xplorex Travel & Tours Sdn. Bhd.	100	100	Perkhidmatan agen pelancongan

Syarikat subsidiari dan sub-subsidiari tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Tiada ringkasan maklumat kewangan dinyatakan kerana Entiti Dikawal tidak material kepada Kumpulan dan Universiti.

* Syarikat subsidiari melaporkan penyata kewangan dengan menggunapakai polisi perakaunan MPERS.

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	*Tanah Pajakan	**Bangunan	Kemudahan Infrastruktur	Kenderaan	Alatan	Perabot dan Kelengkapan	Ubahsuai	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2022								
Kos :								
Baki pada 1 Januari 2022	649,266	583,168,542	28,523,650	14,022,541	274,518,008	8,316,299	5,708,268	914,906,574
Tambahan	-	-	5,000	-	3,165,697	51,238	-	3,221,935
Dipindahkan daripada Kerja Dalam Kemajuan	-	1,377,866	-	-	-	-	-	1,377,866
Hapuskira/Jualan	-	-	-	-	(1,496,063)	(15,800)	(9,737)	(1,521,600)
Pada 31 Disember 2022	**649,266**	**584,546,408**	**28,528,650**	**14,022,541**	**276,187,642**	**8,351,737**	**5,698,531**	**917,984,775**
Susutnilai Terkumpul :								
Baki pada 1 Januari 2022	52,467	97,903,588	24,291,430	13,883,298	251,142,901	7,955,569	3,692,167	398,921,420
Caj Tahun Semasa	6,558	11,692,928	2,581,756	49,984	8,273,838	196,392	542,642	23,344,098
Hapuskira/Jualan	-	-	-	-	(1,494,839)	(13,798)	(7,342)	(1,515,979)
Pada 31 Disember 2022	**59,025**	**109,596,516**	**26,873,186**	**13,933,282**	**257,921,900**	**8,138,163**	**4,227,467**	**420,749,539**
Nilai dibawa pada 31 Disember 2022	**590,241**	**474,949,892**	**1,655,464**	**89,259**	**18,265,742**	**213,574**	**1,471,064**	**497,235,236**
2021								
Kos :								
Baki pada 1 Januari 2021								
-Seperti dilaporkan sebelumnya	48,267,348	724,852,885	28,484,250	14,684,671	256,334,374	8,248,999	5,708,268	1,086,580,795
-Pelarasan tahun-tahun lalu	(47,618,082)	(141,834,343)	-	-	-	-	-	(189,452,425)
-Seperti dinyatakan semula	**649,266**	**583,018,542**	**28,484,250**	**14,684,671**	**256,334,374**	**8,248,999**	**5,708,268**	**897,128,370**
Tambahan	-	150,000	39,400	120,000	20,233,314	95,800	-	20,638,514
Hapuskira/Jualan	-	-	-	(782,130)	(2,049,680)	(28,500)	-	(2,860,310)
Pada 31 Disember 2021	**649,266**	**583,168,542**	**28,523,650**	**14,022,541**	**274,518,008**	**8,316,299**	**5,708,268**	**914,906,574**
Susutnilai Terkumpul :								
Baki pada 1 Januari 2021	487,549	14,502,058	2,608,739	60,794	9,400,952	307,411	544,518	27,912,021
-Seperti dilaporkan sebelumnya	3,412,844	97,676,910	21,682,691	14,604,626	243,788,565	7,676,652	3,147,649	391,989,937
-Pelarasan tahun-tahun lalu	(3,366,935)	(11,438,693)	-	-	-	-	-	(14,805,628)
-Seperti dinyatakan semula	**45,909**	**86,238,217**	**21,682,691**	**14,604,626**	**243,788,565**	**7,676,652**	**3,147,649**	**377,184,309**
Caj Tahun Semasa	6,558	11,665,371	2,608,739	60,794	9,403,952	307,411	544,518	24,597,343
Hapuskira/Jualan	-	-	-	(782,122)	(2,049,616)	(28,494)	-	(2,860,232)
Pada 31 Disember 2021	**52,467**	**97,903,588**	**24,291,430**	**13,883,298**	**251,142,901**	**7,955,569**	**3,692,167**	**398,921,420**
Nilai dibawa pada 31 Disember 2021	**596,799**	**485,264,954**	**4,232,220**	**139,243**	**23,375,107**	**360,730**	**2,016,101**	**515,985,154**

*Tanah pajakan adalah tanah hakmilik Pesuruhjaya Tanah Persekututan (PTP) yang dipajakkan kepada Universiti selama 99 tahun mulai 1 Oktober 2013 sehingga 30 September 2112 seperti yang dinyatakan di dalam nota 15.

**Termasuk di dalam bangunan adalah bangunan yang diperolehi melalui kaedah Private Funding Initiative (PFI) dengan nilai dibawa berjumlah RM114,224,000 (2021 :RM114,483,600) seperti yang dinyatakan di dalam nota 15.

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Universiti	*Tanah Pajakan	**Bangunan	Kemudahan Infrastruktur	Kenderaan	Alatan	Perabot dan Kelengkapan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2022							
Kos :							
Baki pada 1 Januari 2022	649,266	583,168,542	28,316,329	13,953,041	272,267,934	6,504,571	904,859,683
Tambahan	-	-	5,000	-	3,159,897	51,238	3,216,135
Dipindahkan daripada Kerja Dalam Kemajuan	-	1,377,866	-	-	-	-	1,377,866
Hapuskira/Jualan	-	-	-	-	(1,472,140)	(11,720)	(1,483,860)
Pada 31 Disember 2022	**649,266**	**584,546,408**	**28,321,329**	**13,953,041**	**273,955,691**	**6,544,089**	**907,969,824**
Susutnilai Terkumpul :							
Baki pada 1 Januari 2022	52,467	97,903,588	24,112,181	13,819,590	249,644,429	6,273,586	391,805,841
Caj Tahun Semasa	6,558	11,692,928	2,561,023	44,193	8,056,612	105,472	22,466,786
Hapuskira/Jualan	-	-	-	-	(1,472,027)	(11,718)	(1,483,745)
Pada 31 Disember 2022	**59,025**	**109,596,516**	**26,673,204**	**13,863,783**	**256,229,014**	**6,367,340**	**412,788,882**
Nilai dibawa pada 31 Disember 2022	**590,241**	**474,949,892**	**1,648,125**	**89,258**	**17,726,677**	**176,749**	**495,180,942**
2021							
Kos :							
Baki pada 1 Januari 2021							
